



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 10

Selasa

26 Mac 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 10)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 41)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)</i>	(Halaman 42)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 26 Mac 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan status pelan kerajaan untuk menukar *project delivery partner* (PDP) kepada *turnkey contractor* untuk Pan Borneo Highway dan juga apakah kelebihan yang akan ada dengan penukaran tersebut.

Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo telah dibahagikan mengikut negeri iaitu Sarawak dan Sabah, di mana kedua-dua projek ini menggunakan pakai kaedah Model Rakan Pelaksana Projek atau lebih dikenali sebagai PDP, *project delivery partner*.

Bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo negeri Sarawak, perjanjian PDP telah ditandatangani bersama syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. pada 30 Jun 2016 dengan kos pembinaan sebanyak RM16.48 bilion. Manakala untuk Projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah pula, perjanjian PDP di tandatangi bersama syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. pada 11 April 2016 dan kos pembinaan sebanyak RM12.86 bilion.

Kedua-dua perjanjian ini antara lain telah menetapkan bahawa pihak PDP yang berkenaan itu perlu menyiapkan Projek Lebuhraya Pan Borneo terlibat mengikut kos spesifikasi dan tempoh masa yang telah ditetapkan iaitu masing-masing pada 30 Jun 2021 bagi negeri Sarawak dan negeri Sabah pula ialah 31 Disember 2021.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan setakat hari ini masih belum membuat sebarang keputusan muktamad berhubung dengan cadangan penempatan model PDP bagi pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak dan Sabah. Namun begitu, pelaksanaan model projek ini sedang dinilai dan disemak semula dari pelbagai aspek terutama melibatkan had keupayaan kewangan kerajaan yang terlalu tinggi pada masa kini berikutan daripada komitmen beban kewangan yang sedia ada. Ini bagi memastikan setiap peruntukan kerajaan itu dapat di optimumkan sebaik mungkin dan dalam masa yang sama tidak mengganggu kelancaran pelaksanaan projek terlibat.

Sehubungan itu, penentuan mengenai hala tuju pelaksanaan lebuhraya Pan Borneo akan diumumkan sebaik sahaja kerajaan selesai meneliti dan menimbang mekanisme yang terbaik berhubung dari penjimatan yang bakal diperoleh dari projek ini. Sekian, terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut dan juga usaha Menteri untuk cuba mengurangkan kos kerja. Ini kerana kita tahu PDP adalah satu model yang berisiko dan terbuka untuk rasuah.

Jadi soalan saya, *assuming*, kalau kita menukar model PDP ini adakah projek tersebut akan tertunda, tidak mengikut jadual dan adakah kontraktor pakej kerja atau *work package contractor* dengan izin, akan dihentikan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Baru Bian: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Bandar Kuching. Untuk rekod setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kemajuan keseluruhan bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo negeri Sarawak ialah 38 peratus, manakala bagi Sabah pula ialah 12 peratus. Saya ingin menegaskan bahawa sebarang keputusan oleh kerajaan nanti tidak akan melibatkan keputusan penamatan Projek Lebuhraya Pan Borneo yang sememangnya telah ditunggu sekian lama oleh rakyat di negeri Sarawak dan Sabah. Sebaliknya ia akan tetap diteruskan sebagaimana perancangan asal bagi manfaat rakyat di kedua-dua negeri berkenaan. WPC yang telah dan sedang dilaksanakan, pasti diteruskan. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya dan ingin membangkitkan Yang Berhormat Menteri, apakah kesannya kepada kerajaan jika berlaku penamatan syarikat terlibat dari segi tuntutan ganti rugi daripada pihak PDP dan juga kesan kepada kelewatan dan peningkatan kos. Bagaimana pula dengan pekerjaan, di mana pada masa ini dianggarkan 70,000 pekerjaan daripada pembinaan Pan Borneo Highway ini? Saya mohon apakah juga perbezaan kos yang terperinci? Mungkin ini boleh dijawab secara bertulis yang bab *costing* ini apabila dibuat perubahan ini. Terima kasih.

Tuan Baru Bian: Terima kasih Yang Berhormat dari Limbang. Seperti mana yang telah dimaklumkan tadi, bahawa keputusan muktamad belum lagi diputuskan dan bagi saya ini ialah *premature* dengan izin. Saya boleh, sekiranya selepas ini kita boleh diberitahu sekiranya keputusan telah dibuat oleh kerajaan dan semuanya akan dikira. Terima kasih.

■1010

2. **Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]** minta Menteri Industri Utama menyatakan apakah usaha kementerian untuk memperkasa industri sawit Malaysia terutama daripada segi mencari pasaran baharu dan meluaskan industri hiliran dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan para pekebun kecil sawit.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Salam sayangi sawit ku.

Pasaran-pasaran baharu yang berpotensi bagi minyak sawit Malaysia yang dikenal pasti adalah di rantau Afrika dan Asia Tengah. Di benua Afrika khususnya, kerajaan telah mengenal pasti potensi pasaran baharu seperti di Mesir dan Maghribi.

Dalam hubungan ini, satu misi ekonomi dan pelaburan ke Mesir dan Maghribi yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Industri Utama telah diadakan pada 22 hingga 24 September 2018. Misi ini berjaya mengukuhkan peluang pasaran dan pelaburan terutamanya dalam sektor komoditi.

Hasil daripada misi tersebut, Mesir dan Maghribi yang merupakan pintu kepada pasaran negara-negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah telah menunjukkan minat dan reaksi positif untuk mengimport minyak sawit Malaysia. Secara tidak langsung, pasaran baharu seperti di Tunisia dan Libya juga akan dapat ditembusi melalui Maghribi. Selanjutnya, kementerian juga melihat peluang yang besar di negara Benin yang mana pada tahun lepas telah mengimport hampir 240,000 tan minyak sawit dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Turki juga merupakan salah satu pasaran berpotensi. Hasil Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia dan Turki, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada 975,960 tan pada tahun 2018 berbanding dengan 922,690 tan pada tahun 2017.

Bagi memperkukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia ke negara tersebut, kementerian telah mengadakan misi ekonomi promosi dan pelaburan sawit, getah dan kayu kayan ke Turki yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Industri Utama pada 23 hingga 26 Januari tahun ini. Dalam misi tersebut, beberapa pertemuan dengan wakil pengimport dan pembekal minyak sawit Malaysia di Turki telah diadakan untuk memupuk kerjasama yang lebih erat bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pembekal utama minyak sawit ke Turki.

Bagi rantau Asia Tengah, negara-negara seperti Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan dan Tajikistan telah mula mengimport produk minyak sawit dari Malaysia. Bukan Kelantan ya. Pada tahun 2018, Malaysia telah mengeksport 81,773.20 tan minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara di rantau Asia Tengah iaitu peningkatan sebanyak 1.7 peratus berbanding pada tahun 2017.

Di rantau Asia Selatan pula, Sri Lanka adalah pasaran baharu yang berpotensi untuk diterokai dan ditingkatkan terutamanya dalam industri minyak dan lemak serta industri makanan.

Selain itu, kementerian akan mengadakan *Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS)* di Jeddah pada 24 dan 25 April 2019 dalam usaha untuk melebarkan pasaran minyak sawit Malaysia ke Timur Tengah khususnya Arab Saudi.

Kerajaan juga akan mengambil langkah mempelbagaikan aplikasi minyak sawit dalam usaha untuk memperkasakan industri hiliran sawit. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah meningkatkan adunan bio bahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Bio Diesel B10 yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari tahun ini bagi sektor pengangkutan dan pelaksanaan Program B7 bagi sektor industri yang akan bermula pada 1 Julai tahun ini.

Selain membantu meningkatkan penggunaan domestik minyak sawit, Program B10 ini juga menyumbang kepada pengurangan stok minyak sawit dan seterusnya telah memberikan impak positif kepada peningkatan harga minyak sawit di mana pada Januari dan Februari tahun ini, harga purata bulanan minyak sawit meningkat masing-masing kepada RM2,037 pada Januari dan RM2,122.65 per tan pada Februari berbanding dengan Disember pada tahun lepas iaitu RM1,794.50 setan.

Pada masa yang sama juga, kerajaan sedang mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memberi nilai tambah kepada produk hiliran berasaskan sawit khususnya *specialty fats* bagi penghasilan produk akhir. Segmen hiliran sawit negara pada masa ini banyak tertumpu kepada produk asas oleokimia iaitu lemak asid, alkohol, metil ester dan gliserin yang diaplikasikan dalam pelbagai jenis produk pengguna seperti sabun, bahan pencuci dan kosmetik.

Dalam hal ini, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran oleokimia bernilai tinggi melalui R&D dalam enam kategori produk utama termasuk agrokimia. Kerajaan telah menyediakan dana bagi projek-projek hiliran berimpak tinggi untuk disalurkan kepada penggiat industri terutamanya perusahaan kecil sederhana bagi membangunkan sektor oleokimia dan bahan kimia berasaskan bio serta menggalakkan pengeluaran produk makanan dan kesihatan berasaskan sawit yang bernilai tambah tinggi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan yang begitu panjang tetapi saya fikir..

Beberapa Ahli: Jawapan panjang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jawapan yang terlampau panjang dan saya fikir ini adalah merupakan kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi kenaikan pada Januari dan Februari. Kenapa tidak sebut Mac? Kerana semalam harga RM1,826.50. Saya hendak Yang Berhormat Menteri lihat, semasa Yang Berhormat Pekan mengambil alih sebagai Perdana Menteri, harga CPO pada April sebanyak RM2,269. Pada 8 Mei 2018, harga RM2,377. Maknanya kita serahkan kepada Pakatan Harapan dengan harga RM2,377 per tan CPO tapi apa yang berlaku semalam, 25 Mac, harga CPO RM1,862.50.

Kenapa Yang Berhormat tidak sebut fasal harga pada bulan Mac? Kenapa sebut Februari dan Januari? Berterus-teranglah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya hairan dengan standard soalan macam ini. [*Dewan riu*] Harga minyak sawit dipengaruhi oleh harga antarabangsa. Ia komoditi antarabangsa. Ia ada turun, ada naik. Saya sebut Januari dan Februari kerana saya sentuh pada purata, harga purata dalam Januari dan Februari. Sekarang Mac. Sekarang belum sampai akhir bulan lagi, kita tidak dapat harga purata. Saya hairan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Kita hendak yang terkini, tiap-tiap hari MPOB beritahu dekat *website*. Saya dapat daripada MPOB.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang kedua.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Semasa Yang Berhormat Pekan, harga sawit BTS per tan RM800. Sekarang ini harga BTS per tan RM340. Apa ini, Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat tidak ada standard...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan masa untuk berdebat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Masa Yang Berhormat Pekan, tahun 2015 dan tahun 2016 pun harga sawit turun.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri sedang jawab, sila duduk. Sila duduk.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tengoklah dia punya data keseluruhan.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Hanya waktu September saja...
[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua di sebelah sini. Silakan.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Nibong Tebal.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Nibong Tebal ini ada kelapa sawit kah, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Diam ya. Soalan tambahan saya tentang manfaat hasil daripada dasar memperluaskan industri hiliran kepada pekebun kecil. Spesifiknya bagaimana dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan dan memperbanyakkan lagi penyertaan ataupun partisipasi pekebun kecil sawit dalam industri hiliran? Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Inilah soalan yang bermutu yang boleh saya jawab. *[Tepuk]*

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Jangan macam itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Nibong Tebal, kerajaan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Itu soalan bocor itu. Soalan bocor.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mana bocor.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ini semua suruh Timbalan Menteri bantu ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Duduk, duduk, Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua: Sila menjawab Yang Berhormat Menteri.

■1020

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Jangan macam itu. *[Dewan riuh]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Nibong Tebal...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Itu soalan bocor itu, soalan bocor.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mana bocor?

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan, silakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab....

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang ini semua Timbalan Menteri, jadi suruh Timbalan Menteri bantu ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kerajaan telah...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Duduk, duduk Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila menjawab Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: Timbalan Menteri lagi pandai jawab... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kerajaan telah mengadakan dana bagi *high impact project* RM1.5 juta bagi perusahaan kecil sederhana *oleo derivatives* dan juga RM9.6 juta bagi perusahaan kecil sederhana produk makanan pada tahun ini. Jadi kerajaan untuk membantu pekebun kecil sawit, kita juga ada program macam ITA atau integrasi tanaman dengan sawit dan juga integrasi ternakan dengan sawit (ITE) yang mana kita sudah mengadakan banyak peluang bagi pekebun kecil untuk memohon untuk dana seperti ini supaya kita dapat meningkatkan kehidupan ataupun ekonomi mereka melalui ITA dan juga ITE.

Untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar, di Pahang pada tahun lepas terdapat 235 yang telah pohon ITE di negeri Pahang, 127 memohon untuk menternak lembu, 77 memohon untuk menternak kambing dan kementerian saya telah luluskan. Ini adalah apa yang Yang Berhormat Paya Besar perlu tahu, ini di negeri di Pahang dan bukan tanya yang bukan-bukan. *[Dewan riu]* Siapa jadi Perdana Menteri pun, harga sawit dia melambung naik dan turun. Ini tidak ada kena-mengena dengan siapa jadi kerajaan, siapa jadi Perdana Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Minister*, RM800 masa Yang Berhormat Pekan. *Come on* lah Yang Berhormat Menteri!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini pengetahuan asas. Ini adalah yang sebagai Ahli Parlimen mesti tahu...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Come on* lah, *please* lah, jadi Menteri yang ada standard sedikitlah. *[Dewan riu]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jaga kawasan betul-betul!

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Be profesional* lah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebab jangan bergaduh dengan China.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin. Silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Apalah...

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

3. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak kementerian merancang untuk menggunakan kaedah rekod maklumat pesakit secara digital atau elektronik seperti di negara jiran kita iaitu Singapura dan Thailand, bagi memudahkan rakyat untuk menerima perkhidmatan kesihatan di mana-mana fasiliti kesihatan dalam negara berbanding kaedah manual dengan menggunakan kad atau kertas seperti mana yang diamalkan kini. Bilakah Malaysia dijangka akan setanding dengan negara-negara maju yang lain dalam sudut ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tampin. Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan perkembangan dalam sektor teknologi perubatan, Kementerian Kesihatan juga sudah melaksanakan kaedah rekod maklumat pesakit secara digital atau elektronik di beberapa hospital dan klinik-klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pihak kerajaan selangkah maju, bergerak berseiring bersama-sama dalam sektor teknologi perubatan negara-negara jiran dan serantau.

Sehingga kini, sebanyak 25 peratus Yang Berhormat, daripada 145 buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun mempunyai sistem IT bagi tujuan perawatan pesakit termasuk di *electronic medical record* (EMR) dengan izin di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kementerian juga merancang untuk melaksanakan sistem rekod perubatan elektronik di klinik-klinik kita di seluruh negara kelak. Tuan Yang di-Pertua, KKM juga sedang merancang pelaksanaan serta peluasan EMR secara strategik di hospital serta klinik seluruh negara dalam tempoh tiga tahun ini secara berfasa. Kertas kerja sedang kita lengkapi dan akan kita laksanakan EMR dan akan bakal dibentangkan dalam masa terdekat.

Saya kira begitu saja, walaupun masa mewah untuk saya menyebutkan tentang keperluan EMR ini, ia adalah untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini adalah untuk dipermudahkan proses perkongsian dan pemindahan maklumat pesakit dari satu segi dengan izin, *the continuum of health care* yang mana informasi bergerak dengan pesakit. Lalu tidak akan berlaku hospital bergerak secara silo. Seorang pesakit sama ada dalam dirawat di klinik-klinik kita ataupun di hospital *secondary* dan *tertiary* kita atau di *referral* hospital, informasi dia bergerak dengan pesakit itu.

Lalu kami bercadang untuk dalam perangkaannya bukan saja EMR itu berada di hospital dan klinik tetapi akan kita lakukan integrasi atau dengan kata lain dengan izin, *the horizontal integration of all clinic*. Semua klinik-klinik kita dan juga *the vertical integration* antara klinik dan hospital yang menjadikan dan meletakkan dan akan menatijahkan *patient care*, rawatan pesakit akan menjadi lebih menyeluruh dan tidak terputus-putus di mana pun seorang pesakit mendapat rawatan sama ada di *primary care*, di klinik-klinik mahupun apabila dibuat *referral* kepada

secondary dan *tertiary* hospital kita seluruh negara, 145 hospital. Dalam jangka tiga tahun ini *insya-Allah* akan kita laksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masih banyak lagi kawasan yang tidak mendapat capaian internet, soalan saya bagaimanakah kerajaan akan memastikan sistem ini dapat diakses oleh semua pegawai perubatan dan apakah rancangan kerajaan untuk menjamin keselamatan data dalam sistem ini supaya tidak terdedah penyalahgunaan.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang baik dan sangat relevan. Justeru kerana ia kita pun tahu *cyber security* dengan izin, sekuriti siber ini sangat penting kerana kita mengurus informasi-informasi tentang pesakit terutama tentang sesiapa pun sama ada rakyat biasa mahupun pemimpin. Seperti mana berlaku pencerobohan dan penerobosan yang dibuat kepada Perdana Menteri Singapura ya dan juga begitu berlaku di Australia ya. Lalu persoalan siber sekuriti ini adalah sangat penting dan yang pertamanya dahulu sebelum kita pergi kepada tahap siber sekuriti adalah untuk memastikan kita punya EMR lengkap dan *integrated*.

Dalam persoalan itu saya memerhatikan bahawa pelaksanaan untuk kita pastikan mana pun, di mana pun rakyat kita sama ada bandar mahupun di luar bandar, yang pentingnya adalah untuk kita dapatkan capaian digital itu dahulu dan dengan itu *insya-Allah* persoalan siber sekuriti akan kita susuli dan akan kita jaga dengan sebaiknya dan saya memerhatikan cara kita mendekati pendekatan ini akan menjadi seperti dahulu. Kita sudah berbelanja kurang lebih RM700 juta sebenar-benarnya dalam kerajaan yang lalu tetapi inilah kedudukannya yang ada ketika ini kerana mereka bergerak dan bertindak dalam bentuknya pendekatan silo ya dan antara hospital pun tidak ada *interoperability*, dengan izin.

Lalu kali ini kita akan tidak bersifat *hospital-based* dan *vendor-based*, kita akan memerhatikan dari sudut *zoningnya* dan pendekatan yang berbeza untuk kita seperti mana Yang Berhormat Tampin mahukan, satu pencapaian. Satu pendekatan, *patient care* yang jauh lebih baik dengan *electronic medical record* ini dan ke arah hospital *information system* dan segala-galanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya hendak mengalu-alukan cadangan yang dibuat ataupun yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan saya kira *digitalization of data* ini memang sangat penting. Akan tetapi soalan yang saya hendak ajukan pada pihak kementerian adalah mengenai kemampuan kewangan daripada pihak kerajaan dalam melaksanakan segala juga perancangan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi kerana kerajaan sekarang asyik menyalahkan dan menyatakan bahawa tidak ada kewangan, maka tidak boleh buat itu dan ini. Saya minta penjelasan mengenai perkara ini.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Ya saya sangat sedar ya dan risau akan perkara ini. Namun telah seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi peruntukan yang agak

munasabah dalam bajet yang lalu. Seumpama sepentingnya sistem elektronik perubatan ini adalah satu yang seharusnya diberikan tumpuan atas kesungguhan sesebuah kerajaan untuk melaksanakan *patient care to the best*, dengan izin.

■1030

Namun kita perhatikan, saya dengan penuh tanggungjawab menyebutkan bahawa pada tahap dan prestasinya, *performance*-nya dan *delivery*-nya adalah masih sangat jauh. Lalu apa pun persoalan kewangan daripada Kerajaan Pakatan Harapan akan diperuntukkan. Dengan itu, saya sendiri telah menyebutkan pentingnya untuk kita kalau tidak diberikan peruntukan daripada belanjawan pun, saya pernah menyebutkan kita akan mencari instrumen dan kewangan yang lain.

Saya difahamkan oleh Kementerian Kewangan, persoalan *to get the EMR* itu adalah satu yang penting dan juga telah diambil perhatian permohonan saya dalam perancangan untuk melaksanakan EMR ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ya Yang Berhormat Parit Sulong menyebutkan perkara ini sebagai menyambut apa yang saya tekankan sebagai peri pentingnya untuk *patient care* dan *enhancing* ataupun diperbaiki *delivery of health care*. Namun begitu, itulah dia daripada apa yang kami warisi daripada kerajaan yang lalu. Inilah dia tahap yang keberadaannya...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Mana boleh salahkan kerajaan dahulu, *we want your future plan...*

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Tak ada, tidak.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: *We want your future plan*. Bukannya salahkan dahulu, tak boleh Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Saya menyebutkan bahawa apa pun yang telah diberikan kepada saya, saya terus memberikan tumpuan dan kebertanggungjawabannya. *We have spent hundreds of millions*, kita telah membelanjakan ratusan juta, RM700 juta *to be exact*. Itu dia angkanya tetapi pada tahap yang ada, yang ada hari ini masih lagi sangat mengecewakan. Minta maaf.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ianya kemungkinan tak buatlah Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Maksiuk.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: *All the leakages, whatever.*

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) data dan statistik kadar penghidap penyakit diabetes dan obesiti; dan
- (ii) jangkaan impak sukai minuman bergula yang ingin dikuatkuasakan kepada sektor ekonomi dan kesihatan negara

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Permatang Pauh.

Pihak Kementerian Kesihatan telah melaksanakan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, dengan izin, *The National Health and Morbidity Survey* (NHMS) bermula pada tahun 1986 lagi, yang mana antara lain bertujuan mengkaji trend penyakit diabetes dan obesiti di Malaysia.

Prevalent- kekerapan diabetes di Malaysia adalah sebanyak 8.3 peratus pada tahun 1986 dan terdapat peningkatan sebanyak dua kali ganda pada tahun 2015 iaitu sebanyak 17.5 peratus. Manakala *prevalent* obesiti, kegemukan telah meningkat empat kali ganda daripada 4.4 peratus pada tahun 1996 kepada 17.7 peratus pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat prihatin terhadap peningkatan *prevalent* obesiti dan diabetes di kalangan rakyat Malaysia. Sehubungan itu, beberapa pelan tindakan jangka panjang telah pun dibentuk bagi menangani masalah ini.

Ia termasuklah Pelan Strategik Kebangsaan Untuk Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) 2016 ke 2025, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia Ketiga dan Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan 2017-2025. Salah satu polisi bagi menangani masalah obesiti dan diabetes adalah melaksanakan cukai eksais, ini yang kita laksanakan kini ke atas minuman manis bergula yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2019 dan juga baru-baru ini.

Insya-Allah hasil daripada itu kita akan biayai sarapan berkhasiat percuma kepada kanak-kanak sekolah rendah seluruh negara... [*Tepuk*] Pengenaan cukai eksais bagi minuman bergula ini bertujuan menurunkan *prevalent* masalah obesiti di Malaysia, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang itu mewarisi, Yang Berhormat Menteri bukan baru. Mewarisi.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ini selari dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Cari modal baharu, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Berkenaan cukai sebagai salah satu langkah efektif bagi mengurangkan pengambilan gula dan seterusnya dapat mengurangkan masalah

obesiti. Dengan mengenakan cukai terhadap minuman bergula yang seterusnya dapat meningkatkan harga minuman tersebut akan dapat menurunkan pengambilan minuman bergula di kalangan rakyat Malaysia. Tindakan ini akan dapat mendidik masyarakat secara berhemah untuk memilih minuman yang lebih sihat, yang lebih murah.

Perubahan corak amalan pemakanan yang sihat ini akan memberikan impak kepada penurunan berat badan dan seterusnya mengurangkan risiko kepada obesiti dan penyakit kronik seperti diabetes.

Inisiatif ini juga kita saksikan yang dilakukan oleh negara Mexico. Setelah mengenakan cukai minuman bergula ini, dapat menunjukkan pengurangan pengambilan minuman bergula sebanyak 10 peratus hingga 20 peratus selepas setahun mereka melaksanakan. Kita juga mahu menyaksikan ini dapat kita lakukan. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri di atas jawapan.

Saya ucapkan tahniah di atas usaha kita mahu mengurangkan kadar obesiti dan juga *diabetic patients*. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Presiden *Malaysian Association for the Study of Obesity*, Dr. Mohd Ismail Noor. Saya fikir bila dia kenalkan, diperkenalkan cukai ini, beliau dapati majoriti pengguna minuman bergula mereka daripada golongan bawahan, *the poorest in society*.

Maka apakah perancangan kementerian untuk memastikan ada produk pengganti, *that means* produk makanan, minuman yang dipasarkan secara berleluasa supaya bila mereka tinggalkan minuman yang bergula ini, mereka ada pengganti serta-merta yang boleh juga membantu peruncit. Terima kasih di atas masa.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Saya tahu Yang Berhormat Permatang Pauh sangat peka, prihatin atas isu-isu yang seperti ini, kebajikan rakyat seluruhnya. Pastinya *replacement* ataupun penggantian itu adalah penting, Tuan Yang di-Pertua dan saya yakin perlu diwujudkan pekerjaan ataupun kaedah kerjasama bukan sahaja daripada Kementerian Kesihatan kerana kita tidak langsung menghasilkan pemakanan seumpama itu tetapi juga kita akan berusaha sama bersama dengan kementerian KPNDHEP juga Kementerian Pembangunan Wanita dan juga yang lain bagi akhirnya untuk menyaksikan persoalan pemakanan yang sihat terutama di sekolah-sekolah, di sekolah rendah, menengah dan juga di peringkat universiti dan juga di mana pun *setting*-nya supaya persoalan itu adalah ditangani pada *preparation of food*, kesediaan pemakanan itu sebelum ianya didedahkan kepada rakyat seluruhnya.

Saya yakin perkara ini, Yang Berhormat Permatang Pauh, akan kita susuli dan kita tangani dengan baik, *insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua, silakan Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kuala Krau, dah sebut nama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, ramai rakyat kita hendak ambil jalan mudah untuk mengurangkan berat badan, ambil pil diet. Adakah kajian dibuat? Pil diet ini sangat berbahaya, adakah kajian dibuat? Ada yang menyebabkan kematian kerana tersalah ambil pil diet untuk mengurangkan berat badan dan yang keduanya, kajian atau tindakan penguatkuasaan dibuat terhadap jus-jus seperti jus kecantikan, jus untuk tahan lama, kuat tenaga batin. Ini tersebar luas di talian.

Ini tersebar luas di talian, di kedai-kedai. Saya tak perlu jus tenaga batin, saya tak perlu tetapi kajian dibuat...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dah rasa kot?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kerana banyak jus yang Tongkat Ali lah, Kacip Fatimah lah, bagi nak rapatlah, bagi nak kuatlah. Ini boleh meningkatkan kadar penggunaan gula dan menjejaskan kesihatan. Saya mohon satu penguatkuasaan seperti mana Yang Berhormat Menteri berjaya menguatkuasakan larangan merokok. Saya ucapkan tahniah.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krau yang juga melahirkan keprihatinan beliau atas perkara pemakanan dan kesihatan dan tentunya Kementerian Kesihatan telah memberikan fokus atas apa pun pengiklanan secara dalam *social media*, dalam media elektronik dan di papan-papan iklan di luar sana pun ada. Terkini adalah juga tentang sabitan bukan pemakanan tetapi dengan apa yang dikatakan minda yang boleh mencerdikkan anak, memintarkan anak dalam masa empat hari dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan ini, sangat penting untuk kita tahu bahawa persoalan obesiti dan diabetes khususnya dia punya kaitan yang langsung. Kalau benar-benar kita mengamalkan kehidupan sihat, saya sebutkan di sini, kalau pada tahap pra diabetes atau *prediabetic stage*, sebenar-benarnya kita tidak perlukan kepada apa pun intervensinya. Kalau kita dikenal pasti *on a fasting sugar*, pada tahap enam dan tujuh, sebenarnya dengan *exercises*, dengan kehidupan yang beriadah, kita dapat menangani diabetes ini dan tidak perlu kepada ubat-ubatan.

■1040

Ini kerana kehidupan yang sihat dan aktif sebenarnya mengizinkan badan kita menggerakkan dan mengaktifkan hormon-hormon yang akan dapat mengelakkan tahap atau insulin - hormon yang guna untuk mengaktifkan insulin, hormon-hormon seperti glukagon dan beberapa katekolamin yang lain yang akan menjadikan badan kita *able to* membakar *sugar* yang kalau tidak dibakar akan akhirnya menjadikan kita punya *sugar level* dalam darah dan juga dalam air kencing yang tinggi.

Jadi saya yakin yang kita semua perlu tahu bahawa bukan sahaja intervensi ubat-ubatan, tetapi intervensi hidup sihat itu adalah jauh lebih baik, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau.

2. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan nilai hasil tangkapan laut dalam mengikut negeri dari 2015-2018.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tumpat, berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia, pengeluaran perikanan tangkapan marin dari tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2015 – 1.49 juta metrik tan bernilai RM9.32 bilion;
- (ii) Tahun 2016 – 1.57 juta metrik tan bernilai RM10.18 bilion;
- (iii) Tahun 2017 – 1.47 juta metrik tan bernilai RM10.82 bilion; dan
- (iv) Tahun 2018 – 1.47 juta metrik tan bernilai RM11.39 bilion.

Perikanan tangkapan laut dalam menyumbang pula secara purata 13 peratus daripada keseluruhan tangkapan marin. Nilai hasil tangkapan laut dalam mengikut negeri dari tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut... *[Sambil menunjukkan kertas jawapan Menteri]* Ia sangat panjang, saya akan beri statistik Kelantan dan yang lain saya akan berikan secara bertulis. Untuk Kelantan tahun 2015 - RM524.92 juta, tahun 2016 – RM671.35 juta, tahun 2017 – RM620.91 juta dan untuk tahun 2018 secara perangkaan adalah RM270.29 juta. Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk mengalu-alukan kehadiran dan lawatan rombongan pemimpin pelajar daripada lima buah Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan daripada kawasan Bachok seramai 80 orang. *[Tepuk]*. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya mahu dapatkan kedudukan Kelantan secara perbandingan dengan negeri-negeri lain.

Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya seterusnya, berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh LKIM tempoh hari, Malaysia masih mengimport 20 peratus ikan daripada luar negara. Justeru, apakah inisiatif lain kementerian dalam memastikan hasil tangkapan ikan dapat ditingkatkan? Manakala berkenaan cadangan sistem jualan terus dari laut yang saya difahamkan telah pun dilaksanakan sebelum ini, apakah rancangan penambahbaikan lain terhadap cadangan sistem jualan terus tersebut supaya ia benar-benar mencapai matlamat yang diharapkan mengurangkan manipulasi orang tengah dan akhirnya meningkatkan pendapatan para nelayan? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Secara purata, Malaysia telah mencapai 90 peratus SSL (*self-sustainable level*), bukan 20 peratus. Maka, adalah lebih kurang 10 peratus adalah import...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Maaf, maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya baca tadi daripada LKIM...

Tuan Sim Tze Tzin: Ini bukan *debate* ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Daripada LKIM. *[Dewan riuh]*

Tuan Sim Tze Tzin: Jadi saya, secara purata.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu.

Tuan Sim Tze Tzin: Saya hendak beritahu bahawa kita telah mencapai...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya bukan hendak *debate*, saya hendak dapat angka sebenar. [*Dewan riuh*]

Tuan Sim Tze Tzin: Okey, boleh. Kita akan dapatkan nilai yang tepat kepada Yang Berhormat. Akan tetapi secara purata, Malaysia telah mencapai 90 peratus SSL. Jadi, adalah lebih kurang 10 peratus daripada import. Akan tetapi mungkin kerana kita ada eksport sesetengah ikan, maka kita terpaksa ganti juga import daripada negara lain. *This is an international trade*.

Jadi, adalah untuk bagaimana kita boleh mengurangkan adalah kita akan meneruskan beberapa usaha. Contohnya, kita akan memberikan lesen laut dalam. Kita akan cuba *move* sesetengah nelayan daripada Zon A dan Zon B kepada Zon C untuk tangkapan laut dalam. Selain daripada itu, kita memupuk supaya pengusaha masuk kepada *aquaculture*. *Aquaculture* ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk menghasilkan ikan supaya kita boleh mengurangkan *import bil* daripada pengimportan ikan. Terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada tahun 2009, UKM ada membuat kajian terhadap nelayan-nelayan di Sabak Bernam. Antara hasil dapatannya ialah faktor-faktor yang mempengaruhi hasil tangkapan, jenis bot, bilangan pekerja yang digunakan, tempoh masa berada di perairan, teknologi yang digunakan dan persepsi nelayan terhadap industri perikanan ini. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang kerajaan lakukan untuk meningkatkan kualiti nelayan dan hasil tangkapan mereka di negara ini? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Kerajaan sentiasa mencuba untuk meningkatkan *skills* dan juga teknologi yang digunakan oleh para nelayan. Contohnya, kerajaan akan memperkenalkan bot (*vesse!*) yang baru untuk tangkapan ikan yang lebih efisien menggunakan teknologi satelit yang boleh mengesan di mana kewujudan ikan-ikan supaya tidak membazirkan petrol dan diesel dan terus kepada tempat untuk menangkap ikan. Beberapa *vesse!* telah dikeluarkan dan dibeli oleh - sehinggalah Australia, nelayan-nelayan daripada Australia membeli *vesse!-vesse!* daripada Malaysia. Akan tetapi *adoption*, sambutan daripada nelayan-nelayan tempatan masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Ini adalah salah satu usaha dan banyak lagi usaha yang kerajaan akan buat untuk membantu nelayan kita meningkatkan penangkapan. Terima kasih.

3. Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan sampai tahun bilakah kapasiti bekalan air dari Sabah ke Labuan yang ada sekarang mencukupi dan apakah perancangan masa depan.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, kapasiti loji-loji sedia ada berupaya untuk memenuhi permintaan bekalan air di Labuan sehingga tahun 2030 yang berkapasiti 75 MLD.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat pada tahun 2017, satu projek telah diluluskan sebagai perancangan jangka masa pendek iaitu pembinaan kolam takungan air atau *off river storage* Kinabenua dengan izin, bagi memastikan sumber air mencukupi. Selain itu, terdapat juga kerja-kerja menaik taraf loji-loji sedia ada di Labuan sedang dilaksanakan. Manakala untuk perancangan jangka masa panjang, terdapat dua projek yang masih dalam proses pertimbangan iaitu *Ganggarak Coastal Reservoir* dengan izin, dan juga Loji Rawatan Air (LRA) Kinabenua. Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih. Dalam *Labuan Development Blueprint* 2030, disasarkan penduduk akan meningkat kepada 150,000 daripada 90,000 sekarang ini. Mohon sasaran ini diambil kira. Soalan tambahan, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri untuk kita adakan tasik buatan manusia air masin yang *gradually* akan bertukar menjadi tasik air tawar, sekali gus kita integrasikan dengan sistem kitar semula air untuk seluruh pulau Labuan seperti yang dibuat di Singapura. Ia juga boleh dijadikan kawasan pelancongan baru. Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Cadangan yang baik, kita akan pertimbangkan. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Soalan saya, apakah langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian memastikan penduduk negara ini mendapat bekalan air bersih dan terawat bagi mencapai sasaran sebanyak 99 peratus penduduk akan memperoleh air bersih dan terawat menjelang tahun 2020?

Keduanya, saya ingin membangkitkan semalam berita di mana seorang mayat dijumpai di tangki air di kawasan Palong 14, Palong 15. Selama tujuh bulan mayat itu berada dalam takungan air dan rakyat menerima air yang tidak bersih. Jadi di manakah kualiti air yang pihak Kementerian memastikan semua bekalan air ini bersih dan selamat untuk diminum?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan bersabit dengan bekalan air di Labuan [*Ketawa*] [*Dewan riuh*] Terpulang kepada Menteri untuk menjawab.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Okey saya jawab yang nombor dualah ya. Sebenarnya untuk air bersih ataupun empangan, kementerian telah mengadakan rang undang-undang yang akan dibawa ke Parlimen akan datang. Terima kasih.

4. **Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah pendekatan dan program-program baru kementerian untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar demi mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020. Adakah program-program yang telah terbukti berkesan seperti Projek Jalan Kampung/Desa, BELB, BALB, PPRT, PIA, PIAS, dan lain-lain akan diteruskan, dan apakah sasaran pencapaian yang ditetapkan, khas untuk Sabah.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Marudu atas soalan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian masih lagi memainkan peranan yang penting

dalam pembangunan kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Program-program di banyak kementerian masih lagi memberi fokus kepada penyediaan infrastruktur luar bandar di Sabah dan Sarawak seperti projek jalan luar bandar, bekalan air dan elektrik luar bandar, jalan perhubungan desa serta pembinaan rumah PPRT.

Kementerian juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan program-program pembangunan ekonomi luar bandar yang melibatkan pembangunan usahawan, pembiayaan dan modal insan seperti program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE) di bawah MARA, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Di bawah Belanjawan 2019, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM1.135 bilion bagi pembangunan projek dan program kementerian bagi negeri Sabah. Ini merupakan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 40.1 peratus berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan "*Luar Bandar Sejahtera*". Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi lima tahun yang akan datang iaitu tahun 2018 sehingga tahun 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan. Pelan ini meliputi enam teras iaitu:

- (i) prasarana yang lengkap dan berkualiti;
- (ii) ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- (iii) keusahawanan yang melibatkan pemerksaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- (iv) modal insan bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- (v) memperkasakan wanita luar bandar, dan
- (vi) sistem penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

Keenam teras ini meliputi 29 strategi dan 94 program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema "*Luar Bandar Sejahtera*" tersebut.

Di bawah pelan harapan pembangunan luar bandar ini juga kementerian akan memberi tumpuan untuk membangunkan 28 daerah di Malaysia dengan purata pendapatan bulanan terendah termasuk tujuh daerah di negeri Sabah. Sehubungan dengan itu, kementerian memberi keyakinan bahawa pelaksanaan segala perancangan dan program di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar bandar ini akan dapat menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar dengan memenuhi keperluan sosio ekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pihak kementerian atas jawapan yang telah diberi. Syabas dan tahniah kerana tanya kerana satu-satunya program yang telah dibuktikan berhasil diteruskan dan juga ada hala tuju yang baru. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua ialah tahun depan kita seharusnya menjadi negara maju. Okey, negara maju.

Seterusnya bertanya khususnya pada Yang Berhormat Menteri dari segi hala tuju yang baru ini enam teras dan seterusnya ada 26 strategi, apakah sasaran-sasaran tertentu dari segi matlamat yang ditentukan, dari segi peningkatan pendapatan, dari segi *employment* dan kesepakatan rakyat keseluruhan. Oleh sebab pada saat-saat tertentu *we are going to miss the 2020* yang seharusnya tahun depan diisytiharkan sebagai negara maju. Saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Begitu juga berapa peruntukan yang ditentukan untuk hala tuju baru dan pelan yang baru ini. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan itu. Dari segi peruntukkan saya sudah sebut untuk tahun ini angka dia dan ini untuk negeri Sabah. Berkaitan dengan sasaran-sasaran tertentu, melalui 29 strategi dan 94 program memang hasrat yang hendak disebut dalam Pelan Pembangunan Luar Bandar untuk lima tahun ini kita jangkakan akan dicapai dalam tempoh lima tahun itu.

Secara terperinci saya tidak ada masa untuk semua sasaran yang telah ditetapkan dalam pelan yang begitu panjang itu yang agak terperinci sebab bila saya sebut tadi enam teras, 29 strategi dan 94 program itu sudah bagi gambaran begitu terperinci beberapa aspek yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di negeri Sabah, 25 daerah di seluruh negeri Sabah itu adalah merupakan daerah luar bandar walaupun ada Kota Kinabalu dan sebagainya tetapi kawasan yang ada luar bandar juga. Jadi 25 daerah di Sabah semuanya adalah luar bandar.

Tadi saya dengar cuma tujuh daerah daripada Sabah yang dimasukkan dalam program kementerian. Memandangkan luar bandar Sabah masih lagi memerlukan pembangunan yang asas seperti yang disebutkan tadi air, bekalan elektrik, jalan kampung dan selainnya maka soalan saya adakah kementerian bersedia untuk membuat kajian terperinci atas keperluan luar bandar negeri Sabah? Kedua, apakah sasaran yang ditentukan dan peratusan peruntukan untuk disampaikan kepada Sabah bagi mempercepatkan pembangunan luar bandar di sana. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort atas soalan itu. Dalam proses penyediaan Pelan Pembangunan Luar Bandar ini yang saya sebut tadi memang kajian-kajian terperinci telah dibuat untuk membentuk pelan itu bukan sahaja untuk Sabah, untuk semua negeri di Malaysia. Berdasarkan kajian-kajian itulah dihasilkan Pelan Pembangunan Luar Bandar itu. Peruntukkan saya telah sebut tadi ialah RM1.135 bilion dan itu akan disalurkan kepada seluruh Sabah.

Saya mengakui semua 25 daerah Sabah boleh dianggap sebagai daerah luar bandar. Apa yang saya sebut tadi kita akan bagi tumpuan kepada tujuh daerah termiskin itu bukan bermaksud daerah-daerah lain akan dikecualikan. Semua akan menerima perhatian. Hanya 28 daerah yang termiskin itu termasuk tujuh di Sabah akan menerima perhatian yang lebih. Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah Kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk melahirkan pemain-pemain catur yang bertaraf *Grand Master* sebelum tahun 2022.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada saudara Yang Berhormat daripada Segamat. Sebelum saya mulakan menjawab soalan, izinkan saya memaklumkan sedikit kejayaan ahli-ahli sukan kita dalam bulan ini iaitu tiga orang ahli sukan atlet daripada acara olahraga telah memenangi perak di *Queensland International Track Classic*, Brisbane, Australia.

■1100

Russel Alexander Nasir Taib dalam acara 200 meter telah memenangi pingat perak, Muhammad Hakimi Ismail dalam acara lompat kijang memenangi pingat emas, manakala Lee Hup Wei dalam acara lompat tinggi telah memenangi pingat gangsa. Tahniah diucapkan kepada para atlet muda ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segamat, pihak Kementerian menyokong sepenuhnya program pembangunan yang telah dirancang dan diusahakan oleh Persekutuan Catur Malaysia (PCM) bersama ahli gabungannya. Sasaran PCM adalah untuk melahirkan atlet bertaraf *grand master* dengan izin, menjelang tahun 2022 nanti. Justeru itu, pihak Kementerian menerusi Majlis Sukan Negara (MSN) senantiasa bekerjasama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan, dalam konteks ini Persekutuan Catur Malaysia dalam merencanakan program latihan atlet khususnya bagi persiapan kontinjen negara ke arah temasya-temasya utama.

Bagi tahun ini, atlet sukan catur perlu melepasi syarat kelayakan pemilihan di bawah kategori A Majlis Olimpik Malaysia (MOM) ke temasya Sukan SEA Filipina 2019. Prestasi atlet-atlet ini akan dinilai di temasya tersebut dan pihak MSN akan membuat perancangan pelan program latihan atlet jangka panjang ke arah temasya Sukan SEA Hanoi 2021, Sukan Komanwel Birmingham 2022 dan Sukan Asia Hangzhou 2022. Ini juga tertakluk kepada penyenaiaan sukan catur ini jika disenaraikan pada ketiga-tiga temasya utama tersebut. Sebarang perancangan program pembangunan atlet bagi tempoh jangka panjang yang dirangka di pihak Kementerian adalah berdasarkan kepada penyeliaan taraf prestasi semasa atlet di temasya sukan utama seperti Sukan SEA Filipina 2019 tahun ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah kriteria untuk menjadi seorang *grand master*? Apakah kriteria-kriteria dan memandangkan jawapan yang diberikan adalah mengenai pemilihan tetapi ada dakwaan bahawa pemilihan dilakukan oleh PCM ini adalah tidak adil dan diberikan kepada keluarga mereka yang memiliki jawatan dan sebagainya. Sejauh manakah Kementerian Belia dan Sukan ini akan mengambil tindakan memastikan perkara sebegitu tidak berlaku?

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat dari Segamat yang saya nampak memang amat mengambil berat terhadap sukan catur ini. Bagi soalan tentang kriteria-kriteria untuk mencapai *grand master*, saya akan memberikannya secara bertulis syarat-syarat

kelayakan tersebut. Akan tetapi bagi soalan tentang ketidakadilan pemilihan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Segamat, pemilihan atlet untuk mewakili negara adalah dilakukan bersama oleh Persatuan Sukan Kebangsaan, dalam konteks ini Persekutuan Catur dan juga dengan Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh Majlis Sukan Negara. Jikalau terdapat sebarang salah guna kuasa terutamanya dari pihak Persatuan Sukan Kebangsaan, saya syorkan atau saya sarankan supaya laporan dibuat kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, pelbagai laporan telah pun dibuat oleh bekas pengerusinya Encik Peter Long, *International Master (IM)* tetapi sehingga kini tindakan masih tidak diambil. Saya mohon kementerian membuka balik semua kes-kes laporan polis yang telah dibuat untuk dikaji semula. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya sukan catur dan juga mungkin dam haji bukan sekadar program kokurikulum tetapi juga dapat membina kesedaran, kekuatan berfikir dan strategi kepada anak-anak, para pelajar kita. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah mereka yang berjaya dalam catur ini di peringkat antarabangsa dan Asia, boleh mendapat habuan kewangan ataupun sumbangan pendidikan sama seperti yang diperolehi oleh sukan-sukan yang lain. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Majlis Sukan Negara sentiasa akan mempertimbangkan pemberian insentif terutamanya insentif kemenangan kepada atlet-atlet negara kita tidak kira dalam apa jua sukan sekalipun. Jikalau ada atlet-atlet dalam sukan catur yang mencapai keputusan ataupun prestasi yang cemerlang, insentif akan dipertimbangkan untuk diberikan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kerajaan akan meminda Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Tafsiran 1948/1967 bagi memisahkan kuasa Pendakwa Raya dan kuasa Peguam Negara bagi memastikan Pendakwa Raya bebas dan berkecuali sekali gus mengelakkan persepsi negatif mahupun sebarang campur tangan pihak kerajaan dalam pendakwaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang berikut akan dijawab bersekali dengan soalan nombor 53 oleh Yang Berhormat Kuala Nerus untuk dijawab pada 1 April tahun ini dan soalan nombor 41 oleh Yang Berhormat Sungai Petani untuk dijawab pada 4 April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pengasingan peranan Peguam Negara dan juga Pendakwa Raya merupakan salah satu janji Manifesto Pakatan Harapan dan juga strategi yang ditetapkan di bawah Tonggak I KPI Nasional Kedua dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 2016 ke 2020. Selaras dengan perkara-perkara tersebut, tindakan sedang diambil oleh Jabatan Peguam Negara sebagai agensi penyelaras inisiatif dan agensi pelaksana untuk menyediakan laporan kajian pengasingan peranan

Pendakwa Raya dan Peguam Negara untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada pertengahan tahun akan datang.

Untuk Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan di Jabatan Peguam Negara untuk menyediakan laporan kajian dan juga mengemukakan syor untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Keperluan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593), Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) dan undang-undang berkaitan akan diliputi dalam kajian tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan yang di agak dijawab sedemikian. Jadi apakah komen Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan tuduhan yang dibuat oleh surat khabar antarabangsa berkenaan dengan pelepasan kes yang berlaku bagi warga Indonesia Siti Aisyah yang mana dinyatakan bahawa Menteri Hukum dan Hak Asasi Manusia Indonesia menyatakan bahawa kebebasan tersebut adalah hasil daripada rundingan Malaysia – Indonesia. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah tidak ini memberikan gambaran seolah-olahnya ada *guided discretion* kepada Peguam Negara. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang. Yang Berhormat Pengerang sebagai seorang mantan Menteri Undang-undang terdahulu saya rasa fasih dengan perundangan yang tertakluk dalam Perlembagaan 145 di mana Peguam Negara diberikan kuasa *discretionary power* untuk meneruskan sesuatu kes ataupun tidak. Itu adalah kuasa yang telah pun termaktub dalam Perlembagaan untuk Peguam Negara menentukan atas sebab yang telah pun didapatkan oleh Peguam Negara. So, dia ada hak untuk tidak meneruskan sesuatu kes.

Jadi sekiranya ada kritikan-kritikan terhadap keputusan yang telah pun dibuat oleh Peguam Negara mengenai kes-kes yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat sedia maklum bahawa ini adalah kuasa Peguam Negara dalam Perlembagaan.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya apakah Jabatan Pendakwa Raya tidak mempunyai Timbalan-timbalan Pendakwa Raya yang berwibawa, cekap dan berkemampuan untuk melakukan pendakwaan kepada bekas Perdana Menteri Yang Berhormat Pekan dan lain-lain bekas pemimpin kerajaan yang lalu sehingga perlu mendapatkan perkhidmatan peguam-peguam di luar seperti Datuk Gopal Sri Ram, Tuan Haji Sulaiman Abdullah untuk jadi pendakwa raya dalam kes-kes berkenaan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang atas soalan ini. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua saya kena tegaskan di sini bahawa dalam Perlembagaan yang telah pun ditentukan dan juga dalam Kanun Tatacara Jenayah, Akta Tafsiran juga telah pun menentukan bahawa Peguam Negara berhak untuk melantik seseorang peguam di luar daripada Jabatan Peguam Negara untuk meneruskan ataupun mendakwa sesuatu kes.

■1110

Itu adalah termaktub dalam Tatacara Jenayah dan ini adalah bidang kuasa Peguam Negara untuk menentukan. Itu sahaja yang saya boleh jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Soalan penting, mohon satu lagi. Tadi pun jawapan pun pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dipersilakan Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita maklum sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Menteri, Perkara 145 Perlembagaan iaitu kuasa-kuasa kepada Peguam Negara. Saya hendak tahu selama ini kita tahu bahawa Peguam Negara akan mewakili jabatan kerajaan apabila kerajaan menyaman satu pihak atau pun kerajaan disaman mewakili kerajaan. Persoalan saya sekarang ini *for the first time*, kalau tidak silap saya Peguam Negara mewakili *private citizen*. Sebagai contohnya dalam kes Orang Asli menyaman Kerajaan Negeri Kelantan dan juga mungkin Orang Asli Perak akan menyaman Kerajaan Negeri Perak. Apa pandangan dan pendirian kerajaan dalam hal ini? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Terlebih dahulu saya ingin menegaskan di sini bahawa Perkara 145 ini telah pun termaktub dalam Perlembagaan sejak kemerdekaan lagi bukan telah pun dibuat-buat oleh kerajaan baharu ini. Dalam perkara tersebut, telah pun menegaskan bahawa Peguam Negara ada dua tanggungjawab. Pertamanya ialah sebagai penasihat kepada kerajaan dan juga Jemaah Menteri. Kedua ialah menjadi pendakwa raya.

Jadi dalam konteks pertama. Konteks pertama di mana dia jadi penasihat kepada kerajaan dan juga Jemaah Menteri. Jadi, apabila ada satu kes *civil litigation* di mana kerajaan di saman, di situ lah kerajaan akan memerlukan Peguam Negara untuk membela diri. Di situ dia akan dijadikan *defendant*. Akan tetapi pada masa yang sama dalam *civil litigation* sekiranya kerajaan atau pun Jemaah Menteri telah pun membuat keputusan untuk menyaman sesuatu *company*, individu atau pun sekumpulan individu, Peguam Negara akan mengambil tindakan dan di situ Kerajaan Persekutuan akan menjadi plaintif dalam perkara itu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Peguam Negara boleh mewakili orang awam? Maksudnya begitu Yang Berhormat? Bukan sahaja, bolehkah Peguam Negara mewakili orang awam, apatah lagi mewakili kerajaan sesebuah negeri.

Datuk Liew Vui Keong: Dalam konteks itu, Kerajaan Persekutuan telah pun memutuskan untuk menyamakan. Jadi, itu sahaja.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Bukan kerajaan, ini individu yang saman. Tidak jawab soalan Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Very* mengelirukan.

[*Dewan riuh*]

7. **Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah dan tindakan diambil untuk menambah baik kemudahan balai-balai polis serta kemudahan logistik untuk anggota polis di kawasan pulau-pulau perairan Pantai Timur Sabah untuk mengharungi cabaran tugas yang kritikal berikutan ancaman jenayah rentas sempadan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Penubuhan ESSCOM adalah ekoran pencerobohan sekumpulan pengganas daripada Selatan Filipina yang mendakwa sebagai tentera Kesultanan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada 12 Februari 2013.

Kesan daripada pencerobohan tersebut beberapa cadangan projek telah diutarakan bagi memperketat kawalan keselamatan di perairan Pantai Timur Sabah iaitu Daerah Kudat hingga Tawau sepanjang hampir 1,400 kilometer. Balai-balai polis barisan hadapan yang telah diwujudkan untuk memastikan kedaulatan kawasan Pantai Timur Sabah terpelihara adalah seperti berikut:

- (i) Balai Polis Tambisan, Lahad Datu;
- (ii) Balai Polis Desa Kencana, Lahad Datu;
- (iii) bangunan sokongan dan kuarters Balai Polis Cenderawasih, Lahad Datu;
- (iv) Balai Polis Bum Bum, Semporna;
- (v) bangunan sokongan dan kuarters Balai Polis Kerakit, Pulau Banggi, Kudat;
- (vi) Balai Polis Pangi, Kunak;
- (vii) Balai Polis Pulau Gaya, Kota Kinabalu; dan
- (viii) Balai Polis Mabul, Semporna – kini berperanan sebagai *forward-based* dengan izin.

Untuk tempoh jangka masa panjang, beberapa cadangan pembangunan prasarana Polis Diraja Malaysia di barisan hadapan bagi kawasan keselamatan Pantai Timur Sabah telah mendapat kelulusan secara prinsip dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Antara projek yang tersenarai dalam kelulusan ini adalah:

- (i) pembinaan perumahan Balai Polis Cenderawasih, Lahad Datu dengan cadangan kos projek berjumlah RM10 juta;
- (ii) pembinaan balai polis dan perumahan Balai Polis Tambisan, Lahad Datu dengan cadangan kos projek bernilai RM35 juta; dan
- (iii) pembinaan balai polis dan perumahan Balai Polis Pulau Bum Bum, Semporna dengan cadangan kos projek berjumlah RM35 juta.

Selain keperluan prasarana jangka masa panjang, PDRM juga telah memohon peruntukan di bawah kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan melalui peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2019. Terutamanya melibatkan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur air terawat di Pulau Mabul dan Pulau Tambisan berjumlah RM300,000.

PDRM akan menyarankan agar tiga projek yang telah mendapat kelulusan tersebut dapat diteruskan proses pelaksanaannya dan memohon kerajaan memberikan keutamaan dan kelulusan projek-projek baru yang dicadangkan oleh PDRM seperti berikut:

- (i) Balai Polis Desa Kencana, Lahad Datu;
- (ii) Bangunan sokongan dan kuarters Balai Polis Kerakit, Pulau Banggi;
- (iii) Balai Polis Pulau Gaya, Kota Kinabalu; dan
- (iv) Balai Polis Pangi, Kunak.

Kementerian sentiasa memberi fokus yang khusus dalam aspek untuk menambah baik kemudahan logistik, prasarana dan juga keselesaan kepada kakitangan terutamanya kepada anggota polis yang bertugas di pulau-pulau di perairan Pantai Timur Sabah. Walau bagaimanapun, pada waktu yang sama kementerian terpaksa juga memberi tumpuan untuk penyelenggaraan bangunan dan kemudahan logistik yang daif dan kritikal di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengajukan soalan pertama ini. Saya ucapkan Selamat Menyambut Hari Polis pada tahun 2019 ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada berapakah kes-kes jenayah rentas sempadan yang telah dikenal pasti dan juga yang telah berjaya diambil tindakan oleh pihak pasukan keselamatan?

Kedua, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk meningkatkan lagi kolaborasi bersama dengan penduduk-penduduk tempatan untuk memerangi jenayah rentas sempadan di perairan negeri Sabah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini memerlukan satu maklumat yang spesifik, izinkan saya untuk memberikan jawapan secara bertulis.

Cuma dengan soalan kedua tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Dalam Negeri khususnya di ESSCOM, kita telah *employed* dengan izin kerjasama dengan RELA, khususnya di kawasan setempat di daerah-daerah ini agar mereka dapat memainkan peranan mereka untuk membantu pihak kerajaan khususnya dari segi pemberian maklumat jika ada perkara-perkara yang dirasakan *suspicious* di kawasan tersebut.

Buktinya ada beberapa tangkapan pun yang telah kita buat khususnya di perairan Pantai Timur Sabah, di Ranau contohnya telah ditangkap. Ianya hasil daripada kerjasama dengan masyarakat yang ada di tempat-tempat tersebut. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ucap terima kasih kepada Timbalan Menteri yang memberi jawapan bahawasanya kebajikan polis akan terus dijaga kemudahan-kemudahannya dan juga janji sempena Hari Polis oleh Perdana Menteri.

Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat sedar satu keadaan di mana Batalion 9 di Gong Badak, Terengganu. Daripada sembilan blok kediaman polis, empat blok sudah empat bulan lif tidak dapat dipakai dan membebaskan isteri polis yang mengandung, kanak-kanak

sekolah terpaksa panjat sembilan tingkat setiap hari di Terengganu. Empat daripada sembilan blok itu tidak pun diperbaiki lifnya, sedangkan ia menjejaskan kemudahan harian. Bolehkah Yang Berhormat beri jaminan supaya peruntukan diberikan, pembaikan segera?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan Yang Berhormat Ketereh dengan soalan tambahan tersebut. Saya mengambil maklum tentang masalah yang kita hadapi berkenaan dengan kondisi khususnya balai-balai polis, kuarters-kuarters yang ada di negara kita. Kita mengambil maklum tentang perkara ini sebab itu di dalam belanjawan yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini telah diluluskan sejumlah wang RM100 juta untuk membaik pulih bangunan-bangunan kritikal di seluruh negara.

Akan tetapi saya tahu RM100 juta ini tidak mencukupi dan sebab itu lah selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri, kalau boleh saya suarakan juga di dalam Dewan yang mulia ini, agar *insya-Allah* kalau pun RM100 juta tahun ini telah diberikan. Saya harap tahun hadapan ditambah lagi kerana keperluan ini cukup mendesak. Oleh kerana anggota-anggota polis kita ini mereka berperanan untuk menjaga keselamatan kita.

■1120

Jadi apa masalahnya untuk kita juga memberikan penghargaan ini kepada mereka untuk memberikan jumlah peruntukan cukup untuk kita membantu pula kehidupan mereka?

Sekian, terima kasih.

8. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah kementerian berhasrat untuk melawat sendiri sekolah-sekolah daif di negeri Sabah dan kawasan Parlimen Kinabatangan khususnya agar dapat melihat sendiri keadaan sekolah-sekolah daif ini dan seterusnya merancang untuk menaik taraf bangunan-bangunan sekolah tersebut.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan kedatangan guru-guru dan murid-murid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor. *[Tepuk]* Selamat datang ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana pendidikan yang kondusif untuk murid dan guru di sekolah di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah. Sehingga Februari 2019, naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah telah melibatkan 153 buah sekolah dengan kos berjumlah RM552.1 juta melalui peruntukan pembangunan dan juga, dengan izin, *private finance initiative* (PFI).

Untuk tahun 2018 sahaja, kelulusan untuk menaik taraf 120 buah sekolah daif telah dibuat dengan kos sebanyak RM429 juta. Sehingga Februari 2019, sebanyak 73 buah sekolah telah pun siap dan telah digunakan, manakala baki 47 buah sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap pada April 2019. Satu berita baik untuk rakyat negeri Sabah.

Saya yakin Yang Berhormat Kinabatangan juga telah membaca laporan di media tentang proses libat urus bersama-sama Ketua Menteri Sabah dan juga Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah yang sentiasa diadakan. Malah, pertemuan secara kerap diadakan di antara pihak KPM,

saya sendiri dengan pihak Ketua Menteri dan juga Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah. Saya ucapkan tahniah kepada rakyat negeri Sabah kerana telah memilih mereka. Pilihan yang amat tepat. Mereka menunjukkan kesungguhan dalam bidang pendidikan. *[Tepuk]*

KPM juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah atas inisiatif dan usaha berterusan berkomunikasi dengan pihak kementerian untuk menyelesaikan isu pembangunan pendidikan di negeri Sabah. Saya nampak cahaya di hujung terowong untuk pendidikan di negeri Sabah dan saya yakin dalam tempoh yang tidak lama lagi, Sabah akan cemerlang dalam bidang pendidikan. *[Tepuk]*

Ini telah kita zahirkan melalui siri lawatan kerja ke Sabah, contohnya, yang saya sendiri telah adakan. Pada bulan Mac yang lalu, saya telah mengadakan lawatan ke Parlimen Tawau dan Parlimen Semporna bagi melihat sendiri projek sekolah daif dan melawat sekolah-sekolah di kawasan pedalaman di pulau-pulau P3. Suka ingin saya nyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah bersama-sama saya sepanjang lawatan tersebut. Lawatan sebegini akan saya dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan teruskan pada masa-masa akan datang.

Lawatan ke sekolah-sekolah daif juga dilakukan oleh pengurusan tertinggi KPM dari pelbagai peringkat seperti Ketua Setiausaha KPM, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Pengarah dan Setiausaha Bahagian di KPM.

Selain itu, saya sendiri secara peribadi membuat pemantauan sekolah daif melalui *dashboard* di pejabat saya. Perkembangan kemajuan pembangunan sekolah daif juga diteliti oleh pengurusan tertinggi KPM dalam setiap mesyuarat susulan Jemaah Menteri pada setiap minggu.

Selain pemantauan ke sekolah-sekolah daif, antara Januari hingga Mac 2019, KPM juga telah mengadakan pemantauan ke sekolah-sekolah yang memerlukan penyelenggaraan di Sabah iaitu tiga buah sekolah di Tawau, dua buah sekolah di Kota Kinabalu dan lapan buah sekolah di Semporna. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, berapakah jumlah sekolah-sekolah daif khususnya di Sabah ini yang perlu dibaik pulih keseluruhannya? Apakah Yang Berhormat Menteri berhasrat untuk memohon peruntukan tambahan untuk kementerian bagi mengatasi masalah-masalah sekolah daif khususnya di Sabah itu sendiri dan termasuk di Parlimen Kinabatangan?

Soal kecemerlangan, sebetulnya pelajar-pelajar di Sabah ini memang cemerlang walaupun mereka berhadapan dengan berbagai-bagai rintangan. Jadi, untuk memastikan pendidikan seimbang antara wilayah, maka kementerian perlu fokus untuk memastikan bahawa peruntukan untuk di Sabah itu dipertingkatkan untuk menjamin masa depan yang lebih baik dan cemerlang. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan— berdasarkan nasihat daripada Kementerian Kewangan— sentiasa melihat dan meneroka untuk mengemukakan inisiatif-inisiatif baharu, selain daripada peruntukan pembangunan yang sedia ada, demi membaik pulih sekolah-sekolah daif di seluruh negara termasuk di Sabah. Antaranya ialah melalui, dengan izin, *private-public partnership* (PPP) dan juga melalui, dengan izin, *land swap deal* dan yang ketiga melalui PFI yang telah disebutkan sebelum ini.

Di samping itu, KPM juga sedang berbincang dengan pihak kerajaan negeri untuk menggunakan formula pembayaran balik hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat untuk pembangunan sekolah-sekolah daif di Sabah sepertimana yang telah kita lakukan bagi negeri Sarawak.

Berkaitan Kinabatangan— terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan yang telah mengemukakan undanganlah, saya kira, untuk saya ke Kinabatangan. Bersama saya ada laporan lengkap berkaitan pembaikpulihan sekolah daif di Kinabatangan yang akan saya berikan kepada Yang Berhormat dan, *insya-Allah*, waktunya akan tiba, kita akan menziarahi Kinabatangan. Terima kasih.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan jawapan Yang Berhormat Menteri juga cukup jelas.

Mengikut laporan terkini, di Sabah ada 587 buah sekolah daif dan 67 buah sekolah telah diisytiharkan tidak selamat untuk didiami, digunakan. Jadi, soalan saya, ini betul-betul memerlukan peruntukan yang terdesaklah. Kita takut anak-anak kita mengalami kecederaan di sekolah ini bila mereka belajar di sekolah-sekolah yang tidak selamat digunakan. Jadi, apakah usaha-usaha Kementerian yang dalam masa jangka pendek ini untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kerajaan dahulu buat apa ya?

Dr. Maszlee bin Malik: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Kalabakan, *aga kareba?* Dengan izin. Itu bahasa Bugis.

Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Kalabakan, sepertimana yang telah saya sebutkan sebelum ini, pihak Kementerian Pendidikan sedang meneliti inisiatif-inisiatif baharu untuk pembaikpulihan sekolah-sekolah daif di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak. Antaranya melalui PPP dan kita membuka ruang kepada kerajaan negeri sendiri untuk mengusahakan inisiatif PPP ini. Keduanya melalui *land swap deal*, dan ketiganya melalui PFI dan kita menggalakkan kerjasama daripada kerajaan negeri untuk menerokai PFI ini.

Begitu juga, sepertimana yang telah saya sebutkan sebelum ini, kita berterusan berhubung dengan kerajaan negeri untuk menggunakan formula yang kita lakukan dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk pembaikpulihan sekolah daif di negeri Sabah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan kedudukan kewangan terkini FELDA, FGV serta semua anak-anak syarikat berkaitan serta langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memulihkan institusi ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sewaktu Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, kita dapati tunai dalam akaun FELDA hampir kosong dan liabiliti FELDA berjumlah RM8.025 bilion. Kerajaan melantik Pengerusi, ahli lembaga dan pengurusan tertinggi FELDA yang baharu terdiri daripada kalangan profesional yang berintegriti dan berpengalaman luas untuk melihat semula peranan FELDA sepertimana matlamat asal penubuhannya dahulu.

Menyedari kemelut kewangan yang dihadapi FELDA, sebagai langkah interim, kerajaan telah menyediakan peruntukan khas mulai tahun 2018 berjumlah RM577 juta bagi membantu FELDA. Peruntukan tersebut disediakan bagi melunaskan bayaran-bayaran tertunggak dan memenuhi obligasi FELDA kepada peneroka sehingga penyelesaian menyeluruh isu kewangan FELDA dapat dilaksanakan.

Kerajaan ketika ini sedang meneliti secara menyeluruh isu berkaitan FELDA untuk mencari penyelesaian yang terbaik. Perincian isu dan langkah penyelesaian akan dicerakinkan dalam pembentangan Kertas Putih Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang akan dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Berkaitan FGV Holdings Berhad (FGV), syarikat telah mengumumkan kerugian sebelum diaudit pada tahun 2018 sebanyak RM1.02 bilion. Sebahagian besarnya adalah kesan daripada rosot nilai atau *impairment* pelaburan-pelaburan yang lampau yang tidak menguntungkan malah mengakibatkan kerugian yang besar kepada syarikat.

■1130

Kerugian ini turut dipengaruhi oleh kesan kejatuhan harga pasaran dunia minyak sawit mentah bagi tahun 2018 yang berada pada kadar purata RM2,282 per tan metrik iaitu 19.3 peratus lebih rendah berbanding RM2,723 per tan metrik pada tahun sebelumnya. Operasi perladangan juga mengalami kemerosotan dengan pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah.

Mulai pertengahan 2018, FGV telah memulakan pelan pemulihan ataupun *turnaround* FGV melalui tiga fasa utama iaitu rombakan ahli-ahli lembaga pengarah dan pasukan pengurusan, pelaksanaan pelan transformasi operasi dan rasionalisasi perniagaan bukan teras. Ahli-ahli lembaga pengarah FGV dan pasukan pengurusan yang baharu adalah terdiri daripada golongan-golongan profesional dan pakar-pakar industri yang berpengalaman luas di dalam bidang tadbir urus korporat dan industri perladangan.

Demi mengembalikan semula keyakinan para pemegang saham. Lembaga pengarah telah meluluskan pelan transformasi FGV pada bulan Oktober 2018. Menerusi program transformasi ini beberapa aspek pengurusan operasi perladangan diberikan penekanan iaitu melaksanakan Program Tanam Semula bagi memperbaiki semua profil umur pokok sawit, memperketat sistem perolehan kumpulan ataupun *procurement* dan meningkat amalan *good*

agricultural practices. Melalui Program Tanam Semula ini. Syarikat telah menyasarkan tanam semula sebanyak 15,000 hektar setahun. Inisiatif-inisiatif tersebut akan menunjukkan hasil penambahbaikan yang lebih ketara lagi pada tahun kewangan 2019 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, kalau kita lihat kejadian telah menimpa FELDA dan FGV dan juga peneroka-peneroka semestinya ada elemen-elemen yang amat menyedihkan dan mungkin ada elemen-elemen yang perlu kita bawa ke muka pengadilan. Soalan saya, adakah pihak kerajaan berniat untuk mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap mereka yang telah menyebabkan kemusnahan institusi penting bagi orang Melayu iaitu FELDA ini? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat. Maklumat lanjut tentang hal ini akan diperincikan dalam Kertas Putih nanti, *insya-Allah*. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ayer Hitam, silakan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya oleh kerana FELDA, FGV terlalu bergantung kepada harga kelapa sawit. Apakah tindakan secara khusus daripada kementerian untuk memastikan bahawa selepas ini ada peluang yang cerah bagi peneroka FELDA dan juga FGV?

Ini kerana kita lihat pada hari ini pasaran hanya RM1.15. Jadi apakah tindakan daripada kementerian untuk membantu mereka yang mempunyai hutang yang tertunggak yang begitu banyak? Apakah janji daripada kerajaan baharu untuk membantu mereka? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Seperti mana saya jelaskan tadi, FGV dalam proses penyusunan semula. Kita dapat lihat harga sahamnya seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi lebih rendah dan dalam proses transformasi pemulihan semula untuk memastikan kedudukan kewangan FGV lebih kukuh pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh lagi satu Tuan Yang di-Pertua, ada masa lagi sikit? FELDA ini penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Tahun 2012 sebanyak RM1.11 bilion untung, 2013 sebanyak RM1.53 bilion untung, 2014 sebanyak RM0.81 bilion untung, 2015 sebanyak RM0.44 bilion untung dan 2017 sebanyak RM0.4 bilion untung. FGV untung ketika zaman Barisan Nasional, FGV rugi pada ketika zaman Pakatan Harapan. Jadi kenapa kerajaan Barisan Nasional pula yang disalahkan?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Apabila kita melihat kedudukan kewangan, kita perlu melihatnya secara menyeluruh. Dinamik FGV sebelum penyenaian dan sebagainya. Kalau kita tengok FELDA contohnya perubahan berlaku apabila FGV disenaraikan, diasingkan daripada FELDA. Daripada itu FELDA mula merasai kesan daripada penyenaian FGV dan apa yang perlu ditekankan, sekali lagi saya perlu ingatkan. Saya

ingin tekankan hutang FELDA ini pada tahun 2009, FELDA hampir kosong hutangnya. FELDA tidak membayar sebarang hutang pada tahun 2009 dan prinsipal di bayar kosong, *interest* hanya RM410,000, itu 2009.

Sembilan tahun berlalu Yang Berhormat Pontian, FELDA membayar prinsipal sebanyak RM3.63 bilion dan *interest* sebanyak RM2.17 bilion dan ini berterusan. Kekangan kewangan yang dihadapi FELDA adalah hasil daripada hutang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh pengurusan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

10. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan konsep yang akan diperkenalkan dalam program Sekolah Pemimpin Masa Hadapan dan apakah yang membezakan program ini dengan PLKN yang dianggap merugikan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat daripada Bachok atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bachok, beberapa perbezaan antara *The Malaysian Future Leaders School* (MFLS) dan juga Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah seperti berikut. Dari segi modul atau pengisiannya bagi MFLS adalah ia lebih kepada:

- (i) kepimpinan;
- (ii) pembinaan karakter dan jati diri;
- (iii) kenegaraan;
- (iv) kesukarelawan;
- (v) keusahawanan; dan
- (vi) nilai-nilai murni.

Manakala bagi PLKN pula ia lebih kepada:

- (i) modul fizikal;
- (ii) modul kenegaraan;
- (iii) modul pembinaan karakter; dan
- (iv) modul khidmat komuniti.

Dalam aspek tempoh masa latihan pula bagi MFLS ia diperingatkan *Tier 2*. Para peserta akan mengambil bahagian dalam sepanjang kem ataupun selama 10 hari dan juga di peringkat *Tier 3*, 14 hari. Manakala bagi PLKN tempoh masa latihan adalah lebih panjang iaitu sekurang-kurangnya dua bulan bergantung kepada versi PLKN 1.0 ataupun versi PLKN 2.0.

Dari segi implikasi kewangannya, MFLS menggunakan ataupun mengguna pakai aset kerajaan iaitu kem-kem BTN yang terdahulu. Jadi kita menjimatkan kos dari segi itu di mana PLKN pula menggunakan kem yang disewa daripada pihak swasta. Kita juga dapat menjimatkan kos kerana tidak ada perolehan dari segi pakaian seragam untuk para peserta untuk MFLS. Manakala dalam Program PLKN kos untuk perolehan pakaian peserta, pakaian seragam itu merupakan antara kos yang tinggi. terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Saya doakan semoga program ini berjaya. Merujuk kepada

kenyataan Kementerian Kewangan ketika sesi penggulungan bajet tahun lalu. Program Sekolah Pemimpinan Masa Hadapan ini akan membabitkan 70,000 peserta berusia 15 tahun hingga 30 tahun berdasarkan konsep penyatuan program BTN dan PLKN.

Soalan saya, apakah pendekatan kerajaan dari sudut *recruitment* peserta ke program tersebut? Adakah bersifat *compulsory* seperti sebelumnya atau sebaliknya? Sejauh manakah aspek kerohanian akan dititikberatkan? Mengambil contoh pendekatan Program Khidmat Bakti Negara Brunei contohnya. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bachok, pengambil untuk peserta bagi Sekolah Kepimpinan Masa Hadapan ataupun MFLS adalah melalui saringan di peringkat sekolah dan peserta-peserta tersebut selepas di saringan di *Tier 1* di peringkat sekolah akan ditawarkan tempat untuk memasuki *Tier 2* seperti saya sebutkan tadi iaitu program latihan sepanjang 10 hari.

Daripada peserta di peringkat *Tier 2* ini, mereka juga akan disaring untuk dipilih ke peringkat yang ketiga ataupun *Tier 3* di mana latihan kem sepanjang 14 hari dan juga penempatan di GLC dan juga agensi-agensi kerajaan sebagai salah satu daripada modul latihan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bachok juga, satu perbezaan antara MFLS dengan PLKN juga adalah dari segi umur peserta di mana MFLS akan melibatkan peserta berumur 15 tahun hingga 17 tahun manakala PLKN pula melibatkan peserta lepasan SPM

■1140

Dari segi unsur-unsur atau nilai-nilai rohani yang disebut tadi, saya telah menyebut bahawa antara isi kandungan untuk MFLS termasuklah modul-modul bagi menerapkan nilai-nilai murni iaitu nilai-nilai yang disanjung oleh masyarakat kita, masyarakat Malaysia, termasuklah saya percaya nilai-nilai yang dipegang oleh agama, rakyat pelbagai kaum di negara ini. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya, adakah pihak kementerian akan mengguna pakai modul untuk keenam elemen ini serta tenaga pengajar yang dahulunya bersama dengan PLKN agar dapat mereka mudah lebih memahami konsep MFLS? Keduanya soalan saya, bilakah MFLS ini akan bermula? Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, modul ini akan dikendalikan oleh pegawai-pegawai pelatih yang termasuk juga pelatih-pelatih program PLKN yang telah ditawarkan untuk memasuki program MFLS sebagai untuk menempatkan mereka semula selepas program PLKN ditamatkan. Bagi soalan tentang bila mulanya program ini, program ini akan dijangka akan bermula dalam bulan April pada tahap *piloting*, April tahun ini. Terima kasih.

11. **Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah faktor-faktor penyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran graduan dan belia dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran di negara terutama sekali antara belia dan OKU.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran belia pada suku tahun keempat 2018, mencatatkan kadar 10.5 persen, menurun sedikit berbanding dengan 11.5 persen suku yang sama pada tahun 2017. Kadar pengangguran graduan pula mencatatkan 4.3 persen pada suku tahun keempat 2018, meningkat berbanding 4.0 persen pada tahun 2017.

Kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 tahun sehingga 24 tahun adalah fenomena biasa yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun dan maju di dunia. Golongan ini berada dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan dan juga melalui proses untuk mendapatkan pekerjaan.

Sebagai perbandingan, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menerusi penerbitan *Global Employment Trends for Youth* menganggarkan kadar pengangguran belia di peringkat global berada pada paras 13.1 peratus pada tahun 2017 dan juga 2018, yakni meningkat berbanding 13.0 peratus pada tahun 2016. Jumlah ini mewakili seramai 71 juta belia menganggur di seluruh dunia. Kadar pengangguran belia di negara membangun dan maju, antaranya adalah seperti:

- (i) China, 12.4 persen;
- (ii) India, 9.7 persen;
- (iii) New Zealand, 14.4 persen;
- (iv) Norway, 10.1 persen; dan
- (v) Australia, 13.5 persen.

Kementerian dalam usaha untuk membantu belia dan graduan, menyediakan perkhidmatan pekerjaan JobsMalaysia bagi memudahkan untuk pencari-pencari kerja termasuk belia dan juga graduan yang mencari kerja. Begitu juga, kita menyediakan program-program yang bersifat temu duga secara terbuka (*direct*) iaitu melalui program penempatan pekerjaan, Karnival Kerjaya. Untuk pengetahuan Dewan bahawa program penempatan pekerjaan telah berjaya menempatkan seramai 168,677 orang pencari kerja yang merangkumi belia dan juga graduan pada sepanjang tahun 2018.

Kita terus melakukan khidmat-khidmat nasihat melalui JobsMalaysia, wujudkan program pusat sehenti bersama dengan PERKESO, Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan juga Unit Peneraju Agenda Bumiputera di semua UTC di seluruh negara kita. Berkaitan dengan OKU, kita juga berusaha bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melalui satu majlis kebangsaan bagi orang-orang kurang upaya, khususnya Jawatankuasa Pekerjaan yang diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia. Kita telah pun

mengadakan usaha-usaha seperti mana skim OKU Talent Enhancement Programme (OTEP) oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) dan juga program latihan kemahiran di Institut Latihan Perindustrian dan pusat bertauliah oleh Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya difahamkan, saya fokus kepada isu OKU. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah menetapkan satu peratus daripada sasaran mereka. Mereka telah mencapai satu peratus itu dengan mengambil pekerja OKU.

Saya ingin bertanya di sini, sama ada kementerian-kementerian lain juga berhasrat untuk menetapkan satu peratus itu, *target* mereka untuk memastikan tenaga kerja dalam kementerian ada OKU dan adakah satu peratus adalah *benchmark*? Tuan Yang di-Pertua, *very important because* OKU adalah minoriti yang terbesar di Malaysia, adalah mengenai SDG Malaysia. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *target 8.5* SDG menjelang 2030, negara Malaysia harus mencapai, dengan izin, *full and productive employment and decent work for all women and men, including for young people and persons with disabilities, and equal pay for work of equal value*. Saya ingin bertanya apakah inisiatif kerajaan untuk mencapai *target 8.5* ini di bawah SDG? Juga, adakah ini melibatkan penggubalan rang undang-undang yang sedia ada untuk golongan OKU ini? Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya, pertama berkaitan dengan isu di sektor awam, apa yang disebut tadi. Itu merupakan bukan polisi setiap kementerian yang menentukan. Akan tetapi, ia adalah polisi sektor awam yang telah dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan pada tahun 2010 lagi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu menetapkan sasaran satu peratus OKU dalam sektor-sektor awam dan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melebihi daripada satu peratus iaitu 1.59 peratus setakat 14 Ogos 2018.

Kita mengharapkan, maknanya sektor-sektor awam ini, agensi-agensi termasuk juga Kerajaan Negeri, perkhidmatan di peringkat di peringkat sektor awam kerajaan negeri akan dapat memberikan peluang kepada OKU untuk diambil sebagai pekerja khususnya pekerja-pekerja yang tidak memerlukan pergerakan yang lebih banyak, sektor perkeranian dan sebagainya. Itu boleh diberikan penempatan kepada OKU.

Berkaitan dengan soalan yang kedua itu, memang kementerian sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan supaya penempatan kepada golongan OKU mencapai tahap sasaran seperti mana yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang begitu bernas tadi. Banyak perkara yang sudah dilakukan.

Akan tetapi, soalan tambahan saya adalah adakah kerajaan bersetuju setelah peruntukan dalam belanjawan 2019 yang baharu telah disediakan masih lagi sukar untuk menarik pelabur berkualiti tinggi yang boleh mewujudkan lebih banyak pekerjaan bergaji dan

berkemahiran tinggi bagi tenaga dan kerja tempatnya, khususnya pada belia-belia dan graduan yang masih menganggur lagi? Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya, itu soal menarik pelabur, kementerian-kementerian yang lainlah. Kami hanya menguruskan soal pengambilan pekerjaan dan penempatan pekerjaan dan sebagainya. Akan tetapi, apa pun bagi saya ialah kita hadapi masalah ialah kebanyakan industri kita, khususnya IKS masih lagi berada pada tahap pengambilan kepada pekerja-pekerja yang bukan bertaraf kemahiran.

Jadi, kita sangat memberikan galakan kepada perubahan di peringkat industri sama ada IKS ataupun industri yang besar supaya mereka lebih banyak perubahan kepada teknologi-teknologi baharu untuk memberikan kepastian supaya golongan graduan ini, khususnya kepada mereka yang mempunyai kemahiran berjaya diambil di tempat-tempat pekerjaan. Jadi, kita tidaklah banyak bergantung pada pekerja asing yang bertaraf buruh rendah.

■1150

12. Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah aset anak syarikat Tabung Haji telah dicairkan (*sold*) melalui SPV yang tubuhkan oleh Kementerian Kewangan; dan
- (b) sekiranya ada, beri penjelasan aset yang mana dan berapakah perolehannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Soalan yang ringkas. Sehingga kini, tiada sebarang aset yang telah dipindahkan daripada Lembaga Tabung Haji kepada SPV yang telah dicairkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, tujuan dan peranan SPV, tujuan khas ini. Syarikat tujuan khas ini, *special purpose vehicle* dengan izin, adalah seperti berikut;

Pertama, menjalankan proses rehabilitasi aset-aset melalui strategi *warehousing strategy* ataupun perundangan dan penstrukturan semula. Makna, tujuan SPV ini ialah untuk kita *rehabilitate* balik aset-aset yang dikatakan tidak *perform* ini kepada satu proses *rehabilitation*. Itu satu.

Kedua, meneruskan kelangsungan operasi aset-aset yang diambil alih supaya dia boleh terus beroperasi.

Ketiga, memaksimumkan nilai ambil pulih ataupun *asset recovery value*. Makna kita simpan dia elok-elok, kita jaga dia elok-elok. Kemudian, kita hendak *maximizekan recovery*, nilai *recovery* dia.

Terakhir, penting SPV ini menebus kesemua instrumen kewangan yang telah diterbitkan oleh SPV dan dilanggan oleh Lembaga Tabung Haji.

Itulah tujuan SPV dan hingga hari ini, Yang Berhormat Pendang kena bagi tahu dekat orang bawah sana bahawa tidak ada yang kita cairkan daripada nilai RM19.9 bilion, semua nilai aset yang telah kita pindahkan. Saya harap jawapan ini Tuan Yang di-Pertua, banyak akan

memberi penjelasan, khususnya tanggungjawab dan amanah pembangkang untuk menjelaskan perkara yang sebenarnya kerana setiap kali 'Yang Berhormat Menteri Agama' jawab isu Tabung Haji ini, sebelah sana akan putar dengan menyatakan bahawa...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bagi dividen dahulu cepat sikit.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Sebelah sana akan putar. Contohnya bila kita kata subsidi diteruskan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bila hendak bagi ini? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Nantilah *sat*, ini bekas Pengerusi Tabung Haji. Janganlah buat-buat tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua, contohnya bila saya kata subsidi dikekalkan tetapi di luar sana mereka tularkan. Saya kata ke depan kita kena fikir soal subsidi ini, bukan saya hendak hapuskan subsidi. Akan tetapi, saya tidak nampak mana-mana daripada Ahli Parlimen sebelah sini yang bersikap amanah untuk menafikan benda itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma lagi bila diwujudkan SPV dengan izin, *special purpose vehicle* ini, kita hendak tahu, Pendang hendak tahu dan juga dalam Dewan ini termasuk rakyat, siapa yang dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah? Ini di mana Ahli Lembaga Pengarah ini berperanan membantu CEO dan siapa CEOnya? Kita hendak orang yang ada *expertise* dalam mengurus tadbir aset-aset yang penting untuk bumiputera. Jadi, kita hendak tahu siapa CEO dan siapa Ahli Lembaga Pengarah? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Yang pasti bukan Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Baling lah. *[Dewan ketawa]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sebab rahsia. Semua rahsia Yang Berhormat Pendang, tidak pernah tidak ada rahsia. Kita dahulu telus, depa rahsia semua. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Sebab telus itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Fasal Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kanda dan adinda rahsia.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri. Memang bukan Pendang, itu Pendang tanya.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Sebab telus tidak rahsia, itu yang kita rugi RM4.1 bilion...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kalau Pendang ada, tidak payah tanya dah. Memang bukan Pendang.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Saya kata...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jangan panas telinga Yang Berhormat Menteri.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri. Jawab Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bukan Pendang. Apa jawab macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: *Mike. Mike.*

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Sebab teluslah yang kita rugi RM4.1 bilion defisit. Fasal telus.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bagi jawapan *direct to the point*lah Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, *direct to the point*. Memang Pendang tanya sebab Pendang tidak ada. Tidak payah jawab kata Pendang memang tidak ada, tidak semestinya. Memang Pendang tahu. Okey.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Hendak jawapankah? Hendak dengar, duduk.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pendang, ada surat baru tidak? Surat watakah baru kah? Tidak ada surat baru?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak. Tidak

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Berikan kesempatan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Kalau tidak, tak terjawab. Ya, silakan.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Ini soalan Yang Berhormat Baling kah, soalan Yang Berhormat Pendang saya tidak tahu. Jadi, kalau hendak betul dia punya jawapan dia, saya tidak ada di sini. Saya akan minta pegawai...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Standardlah itu Yang Berhormat Pendang. Itulah standard Yang Berhormat Menteri sana.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Sebab soalan asal tentang sama ada SPV ini dicairkan atau tidak. Jadi, kalau aset-aset...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Rahsia betul ini. Yang Berhormat Menteri pun tidak tahu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Takkanlah seorang Menteri pun tidak tahu siapa dia lembaga pengarah. Minta jawapan bertulislah. Tidak apa, jawab bertulis.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Takkan tidak tahu RM19.9 bilion.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Yang belakang itu fasal apa? Yang Berhormat Kuala Terengganu fasal apa? Hari itu soal tidak datang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jawapan bertulis. Okey?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Apa ini?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bila umum dividen ini? Hal lain tidak payah ceritalah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri, saya minta jawapan bertulislah.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Hari itu soal tetapi tidak datang Yang Berhormat Kuala Terengganu. Soal tetapi tidak datang. Lain kali kalau hendak soal, datanglah!

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini *between you and me*.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya ada sekarang ini.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jawapan bertulislah saya minta.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak tahu. Yang Berhormat Menteri Pendidikan tahu mana dividen, bila hendak umum. Duit banyak dalam itu.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Relaks Yang Berhormat Menteri, jangan panas. Yang Berhormat Menteri jangan panas.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Macam inikah standard Yang Berhormat Menteri?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Boh, boh. *Attack* dia.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baru dapat jawapan. *Astaghfirullah al-Azim*.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Orang tanya dengan baiklah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Baca sahajalah jawapan itu.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang Berhormat Kuala Terengganu, lain kali kalau hendak tanya, datang ya. Baik.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, macam ini anak saya pun boleh jadi Yang Berhormat Menteri. Dapat jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak dengar jawapan atau tidak ini? Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Kalau dia orang tidak mahu, saya boleh duduk. Okey. Urusharta Jamaah Sdn...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Pengerusi Tabung Haji jangan buat-buat tidak tahu. *I know what you did. [Ketawa]*

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: *So, don't talk so much.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *I know what you did too also. All the letters, your warkah-warkah all. I don't write warkah.*

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: *I know what you did last summers.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pengerusi Tabung Haji tidak tulis warkah. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri tulis warkah.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Ya. Ya. Jangan. Jangan. Jangan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Soalan mudah tetapi tidak boleh jawab.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Lari topik. Jangan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *We know what you did.*

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Nanti keluar habis semua nanti. *Sabar sat.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Urusharta Jamaah Sdn Bhd, Yang Berhormat Pendang ya. Catat. Catat. Lembaga Pengarah terdiri daripada pegawai-pegawai MOF dan seorang pengarah bebas yang berpengalaman. Okey.

Nombor dua, pengurusan CEO dia yang ditanya itu di bawah MOF Incorporated. Itulah jawapan dia yang ditanya oleh Yang Berhormat Pendang. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kami Ahli Parlimen pun tidak boleh tahu nama. Siapa yang boleh tahu nama?

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Orang Baling biar dengar betul-betul, yang bersembang itu kancang sembang, *sat tunggu sat.*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sudah, sudah. Nama. Nama. Nama mana Yang Berhormat Menteri? Nama bagilah. Kita ini Ahli Parlimen, penggubal undang-undang negara...

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: *I know. I know what you did last summers.*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kenapa rahsia sangat ini kepada Parlimen ini?

[Pembesar suara dimatikan]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Rahsia lagi, baca warkah.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Apa yang susah sangat?

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua dan soalan tambahan yang terakhir. Silakan Yang Berhormat Jeli.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekejap. GLC ada seorang sahaja CEO. Saya tanya CEO seorang sahaja.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Itu pun takkan tidak boleh bagi nama? Kalau Lembaga Pengarah mungkin 10, 12 orang.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: CEO seorang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Bertulis.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi, seorang bagilah nama. Jadi, kita tahulah...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang soalan tambahan kedua ya.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri akan memberi jawapan bertulis. Telah disebutkan tadi. Silakan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab isu Tabung Haji ini amat penting dan sensitif, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan taklimat berasingan? Ini kerana panas ini. Satu kepada kerajaan, satu kepada pembangkang supaya isu ini diselesaikan secepat mungkin.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sekali. Sekali.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Saya rasa itu satu cadangan yang baik oleh sebab kerajaan telah meletakkan satu tumpuan untuk menyelamatkan Tabung Haji seperti mana yang kita telah sedia beri penjelasan. Walaupun sebelah sana *dok* kata kita hendak jual Tabung Haji. *Depa* kata, DAP pegang Tabung Haji...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sebab rahsia sangat.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Kononnya Tabung Haji ini di bawah DAP. Ini suara-suara sumbang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenyataan lambat sangat. Itu fasal banyak spekulasi. Lambat. Orang buat spekulasilah, macam-macam.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Betullah Yang Berhormat Menteri, tanah TRX...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Bagi kesempatan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Yang Berhormat Baling ini dia tidak amanah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lembab sangat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak. Tanah kami beli 130, kami jual 400 juta. Mana ada rugi. Dahulu fitnah kami yang curi, kami rugi...

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Sepatutnya dia tahu perjalanan Tabung Haji, dia tahu tetapi sekarang dia tidak bantu kita...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jawab tanah TRX dahulu. Tidak apa, *sat* lagi saya tanya soalan bila Yang Berhormat Menteri gulung.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Kita hendak pulihkan Tabung Haji setelah ditinggalkan oleh...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pulih apa? Hendak pulih apa?

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Berikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Ini soal sesi jawab. Silakan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Banyak pencuri. Itu fasal susah hendak kira.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau *mislead*, takkan hendak diam. *We cannot listen all the mislead punya statement.*

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Bila Yang Berhormat Baling tinggal Tabung Haji dalam keadaan defisit RM4.1 bilion...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akan tetapi, dalam dua bulan boleh untung. Dua bulan sudah untung balik. Sekarang dah untung balik bukan? Yang Berhormat Menteri umum sekarang dah untung balik bukan?

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Kita dengan segera selesaikan masalah aset dengan masalah tanggung. Sepatutnya dia tahu apa yang dia buat di sebelah sana...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak, duit itu adakah kami curi duit itu? Duit itu diberi hibah kepada rakyat, kepada pendeposit.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Sembang dekat luarlah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, jangan mengelirukan Dewan. Tidak ada orang curi duit itu. Yang Berhormat kata kami curi.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Jadi di sebelah sini, mereka mendakwa Tabung Haji macam-macam. Mereka kata Tabung Haji ini kita hendak jual. Depa kata Tabung Haji ini duduk di bawah DAP. Depa kata Tabung Haji ini kononnya, macam-macam.

■1200

Sedangkan kita ini hendak buat benda, hendak selamat daripada orang yang dahulu buat 'tahi'...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: MoF.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tarik balik tahi itu, tarik balik!

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuduhan palsu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa Menteri Kewangan?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Oleh sebab itu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekarang letak bawah MoF. Siapa Menteri Kewangan?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tuan Yang di-Pertua, tak kan Menteri pakai songkok cakap tahi dalam Dewan ini. Berhemah...

Tuan Yang di-Pertua: Itu Menteri tarik baliklah.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Menteri cakap perkataan baiklah sedikit.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Okey, saya tarik balik...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Menteri jaga agama tolonglah hikmah yang baik.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Kalau ini Menteri agama kita, samalah kualiti dengan DAP.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, suruh Menteri tarik balik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Tidak jelas] Tabung Haji.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tahi itu...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk, semua duduk bagi Menteri menjawab sekejap. Ya, sila. Duduk, duduk, duduk dahulu. Yang Berhormat Pendang pun duduk, Yang Berhormat Pendang.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya akan tarik balik, pimpinan dahulu buat tahi, saya tarik balik, pimpinan dahulu buat onar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak kisahlah.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: ...Dalam Tabung Haji.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Apa standard Menteri agama.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Onar itu kakanda dan adinda sahaja faham, kami tidak faham.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Malulah. Melayu pun tidak boleh jaga Tabung Haji ya, Yang Berhormat Menteri? Serah kepada Menteri Kewangan...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sudah sampai pukul 12.01 tengah hari maka tamatlah sesi soal jawab lisan. Silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, kenapa Menteri Industri Utama itu duduk dekat tempat orang lain itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi di sebelah sini tidak hendak dengar Menteri menjawab, masa pun sudah habis. Silakan Menteri, silakan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya hendak jawab, saya sokong...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Eh Menteri sudah habis, duduklah Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: ...Apa yang dituntut. Saya akan bagi penjelasan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Duduk, duduk.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: ...Kepada semua yang bertanya tadi. Sekian terima kasih. Jangan dok buat onar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Duduk Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Usul. *Mic, mic.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hari ini dalam sejarah, Menteri tahi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Hari ini nampak muda, minum minyak sawit.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tarik balik tahi tadi, dia yang kata. Saya kata pimpinan dahulu buat onar bukan buat tahi. Kalau sesiapa yang kata saya kata...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pimpinan baru – mana boleh tarik balik. Menteri kata tahi jadi Menteri tahliah sekarang.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya sudah tarik balik apa Yang Berhormat Baling tidak dengar kah? *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Semua diminta bertenang, ada usul yang akan diluluskan. Silakan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.03 tgh.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Wilayah Persekutuan seperti yang tertera di nombor satu hingga tujuh dalam susunan giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Titah Diraja dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 27 Mac 2019.”

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas”. *[25 Mac 2019]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Kementerian Luar Negeri untuk menjawab perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin maklumkan bahawa tempoh menjawab bagi setiap kementerian adalah selama 45 minit. Saya ingat mencukupi. Sekian terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

12.04 tgh.

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas penglibatan 11 Ahli-ahli Yang Berhormat yakni Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Ranau yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh isu di bawah seliaan atau bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pertama berkaitan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera berkenaan cadangan mewujudkan jawatan Utusan Khas Malaysia ke Kesatuan Eropah. Kerajaan berpandangan bahawa mewujudkan jawatan Utusan khas atau *Special Envoy* dengan izin ke Kesatuan Eropah belum ada keperluannya pada masa ini kerana Duta Besar Malaysia ke *Belgium* turut ditauliahkan serentak sebagai Ketua Perwakilan Malaysia ke Kesatuan Eropah dan sebagai pemegang jawatan tersebut, beliau menjalankan tanggungjawab sebagai Utusan Tetap Malaysia ke Kesatuan Eropah.

Secara amnya, Ketua Perwakilan Malaysia ke EU bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal hubungan dan kerjasama dua hala di antara Malaysia dengan EU termasuk mempertahankan dan melindungi kepentingan negara seperti dalam isu minyak kelapa sawit dan juga memudah cara pelbagai rundingan dan perjanjian dengan pihak EU seperti rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas dan sebagainya. Ketua Perwakilan Malaysia ke EU juga mengendalikan hal-hal tersebut dengan kerjasama erat daripada wakil dari kementerian dan agensi-agensi yang lain sebagai contohnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Majlis Minyak Sawit Malaysia dan sebagainya.

Bagi menjawab isu pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kimanis, saya ingin membawa Dewan kembali ke tarikh 12 Mac 2019 semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Santubong berkaitan perjanjian air dengan Singapura dan bahawa kita bersedia untuk membawa isu...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Ke tribunal timbang tara sekiranya...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Singapura tidak bersetuju untuk berunding dalam hal ini. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan dahulu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Bagi soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kimanis tentang isu polemik dan isu persempadanan Maritim Malaysia. Ingin saya sebutkan bahawa pada 14 Mac yang lepas, saya telah mengadakan pertemuan dengan rakan sejawat saya daripada Singapura di Kuala Lumpur dan kita telah bersetuju dengan cadangan-cadangan yang dibuat oleh kumpulan kerja yang kami lantik beberapa bulan yang lalu. Sebagaimana yang telah kami keluarkan dalam kenyataan akhbar, asasnya ialah pertama kita bersetuju menangguhkan implementasi had pelabuhan baru yang bertindih dan menggunakan had pelabuhan sebelum 25 Oktober 2018 bagi pihak Malaysia dan sebelum 6 Disember 2018 bagi pihak Singapura.

Kedua, tidak memberi sebarang kelulusan dan menangguhkan sebarang aktiviti komersial dalam had pelabuhan yang bertindih itu. Ketiga, tidak membenarkan kapal-kapal

kerajaan berlabuh di kawasan tersebut. Keempat, kedua-dua pihak bersetuju akan patuh kepada undang-undang antarabangsa termasuk dengan izin *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982 dan...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri, boleh...

Dato' Saifuddin Abdullah:...Kelima ada sebuah jawatankuasa yang dipersetujui untuk membincangkan isu-isu maritim yang lain.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya hendak sokong pendirian yang telah dibuat Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan isu air dengan Singapura. Sememangnya pandangan yang diberikan oleh *Minister Vivian Balakrishnan* di dalam Parlimen bahawa *was completely out of context* sebab apabila mengatakan hak untuk kita melakukan *review* dianggap sebagai hilang bila mana tempoh 25 tahun berakhir pada tahun 1986 dan 1987. Akan tetapi ini diperkukuhkan lagi kalau Yang Berhormat Menteri mungkin sedia maklum bahawa terdapat juga pendedahan oleh *Minister D.Jayakumar* sebelum itu.

■1210

Pada sekitar tahun 2002, yang mana mendedahkan surat koresponden di antara Tun Mahathir dengan mendiang Lee Kuan Yew dan kemudiannya disambung oleh Goh Chok Thong. Di antara lain menekankan bahawa Singapura menawarkan harga 45 sen *per thousand gallon* untuk *raw water*, ini bererti Singapura pada peringkat prinsipnya telah menerima bahawa ia boleh *reviewable*. Soalan saya, dahulunya ketika kita menyelesaikan isu yang berkait dengan Singapura dengan Malaysia, selalunya kita datang dalam bentuk pakej. Pakej lima hingga enam perkara supaya salah satu daripadanya mungkin memberi *concession on the other one*. So, adakah kali ini rundingan air akan mengambil kira *port limit, maritime boundary as a package, so that* orang kata *there will be some* dalam bentuk *concession*. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bekas Timbalan Menteri Luar dia tahu apa yang dia cakap. Benar, kita masih dalam kerangka yang sama. Sebenarnya Yang Berhormat mungkin sedia maklum juga, ada lapan item yang ada di atas meja dan walaupun dia tidak mestinya dibuat secara mesti ABC, tetapi pada kita lapan item itu mesti diselesaikan secara berperingkat-peringkat. Di dalam hal ini, satu selesai dan kita akan teruskan dengan yang lain-lain, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Siput telah membangkitkan isu berkaitan kadar visa masyarakat India di Malaysia ke India bagi menunaikan ibadat di kuil-kuil di India.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta pencilan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Untuk makluman...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang. Sedikit sahaja sebelum beralih ke isu lain.

Dato' Saifuddin Abdullah: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya telah mengadakan perbincangan bersama Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia sebanyak dua kali pada bulan Julai 2018 dan Oktober 2018. Kita sedia maklum bahawa pihak India telah menukar sistem visanya daripada yang beberapa minggu itu kepada enam bulan, kemudian memperkenalkan satu lagi yang terbaharu ialah tempoh selama satu tahun. Akan tetapi tempoh selama satu tahun ini mengenakan caj sebanyak RM370 dan ini didapati tinggi bagi orang yang hendak pergi untuk jangka masa yang pendek. Misalnya ada cadangan supaya, kalau mereka hanya pergi selama dua minggu, mungkin mereka perlu membayar caj hanya sebanyak di bawah RM100. Ini perkara-perkara yang masih dirundingkan dan kami di Kementerian Luar Negeri sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak Kementerian Dalam Negeri sebagai *lead agency* dengan izin dalam mencari penyelesaian ini.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ranau ialah tentang Filipina, tuntutan Filipina ke atas Sabah dan juga meminta Kerajaan Malaysia berbincang agar Kerajaan Filipina membuka pejabat konsulat di Kota Kinabalu.

Pertama, kita memang sentiasa tegas dan berulang kali menyatakan pendirian bahawa kita tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Ini adalah kerana Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian daripada Malaysia. Perkara ini ditimbulkan dalam pertemuan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden Filipina semasa lawatan rasmi Malaysia ke sana pada 6 Mac 2019 yang lalu. Perkara ini sentiasa dalam perhatian kita, kita akan mencari penyelesaian diplomatik yang terbaik dan kita tidak akan sama sekali bertolak ansur dalam mempertahankan dan memelihara sempadan dan kedaulatan negara. Tentang Kerajaan Filipina membuka konsulat di Kota Kinabalu, perkara ini memang benar-benar terserah pada pihak Kerajaan Filipina.

Yang Berhormat Tangga Batu bertanya soal pendirian Malaysia terhadap isu Kashmir. Kita telah menyatakan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon sedikit pencelahan supaya - isu ada kaitan.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Kita telah menyatakan kutukan kita terhadap serangan penganas yang berlaku baru-baru ini. Apabila berlaku serangan di antara satu pihak kepada satu pihak yang lain, yang melibatkan India dan Pakistan, kita telah menyatakan bahawa kita mengamalkan dasar tidak campur tangan dan pada kita perkara ini mestilah diselesaikan melalui dialog yang aman di antara pihak India dan Pakistan.

Sebagai anggota ASEAN kita juga mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung isu ketegangan antara India dan Pakistan dan berharap agar kedua-dua pihak dapat mencari penyelesaian damai terbaik dalam memastikan keamanan dan kestabilan serantau.

Yang Berhormat Sik bertanya tentang konflik di Yaman dan cadangan supaya Malaysia menjadi negara penganjur bagi mengadakan dialog kedamaian.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia amat menitik beratkan akan perkembangan situasi kemanusiaan di Yaman. Sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan, Malaysia kekal berpendirian bahawa usaha-usaha pendamaian antara semua pihak yang terlibat boleh dicapai melalui perundingan dan dialog. Adalah penting untuk mendapatkan dan mencapai kestabilan politik di Yaman untuk memastikan kesejahteraan kehidupan rakyat negara tersebut.

Di dalam isu ini, pihak PBB sedang memainkan peranan sebagai perantara bagi pihak-pihak yang bertelagah di Yaman dan pandangan Malaysia ialah kita menyeru kepada semua pihak yang bertelagah untuk mereka mengikuti kerangka rundingan yang sedang dilaksanakan oleh PBB. Di dalam hal ini, kita terus komited untuk mengurangkan kesan kemanusiaan yang disebabkan oleh konflik tersebut. Oleh sebab itu, baru-baru ini Malaysia telah mengumumkan akan menyumbang sebanyak USD100,000 kepada Tabung *Humanitarian Response Plan For Yemen* yang diadakan di Mesyuarat *High-Level Pledging Event for the Humanitarian Crisis in Yemen* di Geneva pada baru-baru ini.

Yang Berhormat Sik juga bertanya tentang kalau - gesaan agar Kementerian Luar Negeri lebih aktif dalam membolehkan proses repatriasi Rohingya di Bangladesh diteruskan dengan baik oleh agensi-agens antarabangsa seperti PBB.

Sebagaimana yang pernah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini, memang dengan izin *it is our interest*. Kita mahu repatriasi ini berjalan, tetapi selain daripada soal repatriasi yang mesti berjalan dengan memastikan yang rakyat Rohingya ataupun orang-orang Rohingya itu pulang ke tempat asal mereka dengan secara sukarela, aman dan bermaruah.

Akan tetapi ini tidak berlaku dan selain daripada soal repatriasi ini ada dua lagi pendirian Malaysia bahawa kita mahu supaya penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam *genocide, ethnic cleansing* yang melibatkan orang-orang Rohingya ini dibawa ke pengadilan antarabangsa.

Oleh sebab itu, awal pagi tadi saya berkesempatan menghadiri suatu simposium yang berjudul *International Symposium On The Path To Justice For The Rohingyas: The International Criminal Court (ICC) & Other International Accountability Mechanisms* yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa dan Angkatan Belia Islam Malaysia untuk melihat apakah dia langkah-langkah yang lebih konkrit yang boleh dilakukan sama ada oleh Malaysia, ASEAN ataupun pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Majlis Keselamatan PBB untuk kita menamatkan masalah yang sudah berlanjutan sekian lama. Jadi kita memang komited dan kita akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan repatriasi itu berlaku dengan cara yang betul. Pada waktu yang sama ada dua lagi perkara yang juga menjadi tuntutan yang harus diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab isu *Statute Rome* dan Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Persoalan yang timbul di Dewan yang mulia ini sebenarnya terbahagi kepada dua. Pertama ialah berkenaan dengan Mahkamah Jenayah Antarabangsa itu sendiri, dan yang kedua

adalah berkenaan dengan proses keputusan yang diambil oleh Kabinet untuk meratifikasi Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan dalam kenyataan akhbar saya pada 13 Mac 2019, iaitu kenyataan akhbar yang saya buat dengan mengambil kira Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

■1220

Mahkamah Jenayah Antarabangsa berfungsi sebagai pelengkap kepada undang-undang yang sedia ada di negara pihak untuk mendakwa individu-individu yang melakukan empat jenis jenayah antarabangsa. Empat jenis jenayah antarabangsa yang amat serius yang paling terkutuk iaitu genosid, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah perang dan jenayah pencerobohan. Mahkamah Jenayah Antarabangsa pula merupakan sebuah Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang ditubuhkan secara tetap dan berasaskan triti dengan tujuan untuk memastikan pelaku jenayah antarabangsa yang amat serius dan yang paling terkutuk ini dibawa ke muka pengadilan.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Menteri? Minta penjelasan?

Dato' Saifuddin Abdullah: Satu perkara yang sering dilupakan ialah bahawa pada hakikatnya Malaysia terlibat dalam gerakan menubuhkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa ini iaitu ketika kita menandatangani dengan izin, *Final Act of the United Nations Diplomatic Conference of Plenipotentiaries on the Establishment of an International Criminal Court* pada 17 Julai 1998 yang berkaitan dengan empat jenayah yang saya sebutkan tadi.

Persoalan pokok Tuan Yang di-Pertua, bagi kerajaan kita mempunyai keyakinan bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, mana-mana Raja-raja Melayu walaupun dalam konteks ini yang khusus ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri atau mana-mana pemimpin lain, tidak mempunyai hasrat untuk melakukan mana-mana empat jenayah serius dan jenayah yang terkutuk itu. Itu hakikatnya. Kita mempunyai keyakinan bahawa perkara itu tidak akan dilakukan oleh mana-mana pemimpin Malaysia.

Selanjutnya, ditimbulkan soal kekebalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seperti yang telah kami jelaskan sebelum ini, kita mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan bukan *absolute monarchy*, bukan Raja mutlak. Oleh sebab itu ada Perkara 40 dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengatakan dengan jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong menjalankan tugas Baginda atas nasihat Perdana Menteri dan Kabinet.

Ditimbulkan persoalan tentang kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Angkatan Tentera, ini di dalam Perkara 41. Akan tetapi Perkara 41 harus dibaca bersekali dengan Perkara 40. Oleh sebab itu, kami dalam dua hal, pertama, yakin bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak akan buat empat-empat perkara itu dan tidak ada pemimpin negara ini yang terfikir pun mahu buat empat perkara yang sangat terkutuk itu. Keduanya ialah, soal kekebalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh mencelah? Pontian ada beberapa perkara spesifik.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Kepala Batas.

Dato' Saifuddin Abdullah: Yang Berhormat Pontian terlibat dalam perbincangan ini dengan Yang Berhormat Pengerang. Saya ambil Yang Berhormat Pontian dahulu, kemudian Pengerang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasar Gudang]: Mohon juga Yang Berhormat Menteri ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bertitah pada hari Jumaat baru-baru ini. Titah itu dibacakan oleh pegawai daerah di sepuluh daerah yang berlainan di seluruh Johor. Bahawa, ICERD tetapi di dalam hal ini, Baginda juga menyebut Statut Rom adalah melanggar Perlembagaan. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai titah itu? Setakat mana kebolehan kita untuk menarik balik jika betul ia melanggar Perlembagaan?

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan. Di bawah peraturan tidak boleh menggunakan nama Sultan dan Agong ini. Jadi, kalau ada jawapan Yang Berhormat Menteri melibatkan Agong dan Sultan, jadi dia salah Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya minta panduan. Ini Yang Berhormat Santubong ialah bekas Timbalan Yang di-Pertua yang menulis panjang lebar. Saya minta panduan...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sebagai timbalan itu satu, pakar itu kedua. [Ketawa] Saya mempunyai kepakaran khusus dalam bidang ini...

Dato' Saifuddin Abdullah: Ya, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...Jadi saya tidak boleh duduk dengar sahaja. Walaupun kawan yang *raised the issue* tetapi dia tidak betul, salah juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih nasihat Yang Berhormat Santubong. Saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu sahabat saya Yang Berhormat Santubong menulis buku khusus tentang peranan Yang di-Pertua dan kedudukan di dalam Dewan ini.

Perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua, telah saya jawab panjang lebar dalam kenyataan media yang telah saya keluarkan. Selepas saya sembah maklum pada kali kedua kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, itu saya sembah kepada Baginda.

Kemudian, Baginda titah supaya saya buat penerangan dan saya telah membuat penerangan itu dengan panjang lebar.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Boleh...

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, merujuk balik kepada perkara yang ditimbulkan – Saya mohon petua ya. Sebab saya katakan dalam hal ini ada dua, satu ialah soal Statut Rom itu sendiri, yang itu saya sudah cerita panjang lebar. Kedua, ialah soal proses membuat keputusan. Ini ada kaitan dengan cadangan Yang Berhormat Port Dickson yang saya bersedia untuk memberikan komentar. Akan tetapi, kalau saya dibenarkan untuk meneruskan, saya akan teruskan, tetapi saya akan mungkin menyentuh lagi sisi Yang di-Pertuan Agong.

Akan tetapi, saya mohon petua daripada...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Akan tetapi benda ini membabitkan...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, izin? Kalau isu itu ditimbulkan semasa perbahasan titah diraja itu saya faham. Akan tetapi, *preliminary objection* yang dibawa sekarang, mesti berdasarkan kepada soalan yang ditanya dan perlu dijawab kerana rakyat keliru.

Kita bertanggungjawab pada rakyat dan dalam Dewan ini jawapan yang benar, tidak boleh mengelirukan rakyat dan Ahli-ahli Parlimen. Jadi, kalau isu ini pun tidak boleh ditanya dalam Dewan yang mulia, apa gunanya kita menjadi wakil rakyat?

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Boleh, boleh...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Jadi, ini adalah benda yang sensitif. Oleh sebab, selepas perbahasan saya dan juga Yang Berhormat Kepala Batas, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor titah semula kali kedua dalam hari jadi beliau, minggu lepas. Itu *point* yang baharu.

Isu sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita bertanggungjawab kepada rakyat oleh sebab itu kita angkat sumpah di dalam Dewan. Kalau dalam Dewan pun tidak boleh tanya, apa perlunya kita datang ke Dewan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of Order 36(8)*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, sila saya bagi Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of Order 36(8)*, kita tidak boleh menyebut sifat dan kelakuan. Ini kita bukan buat ucapan seperti yang pernah kita buat dahulu, kita menyentuh sifat, kelakuan tidak baik. Ini ialah kenyataan baik. Kita bukan menyentuh, kita berbincang mengenai *statement, statement* yang telah dikeluarkan oleh Baginda. Saya ingat ini perlu dijawab sebab rakyat ingin mengetahui. Terima kasih.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya yang bangkitkan soalan tadi. Perkara 36(7), saya baca; "*Nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua*

Negeri tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Majlis". Soalan yang mempengaruhi Majlis itu Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya tidak kisah kalau Tuan Yang di-Pertua berikan *ruling* itu saya akan terima. Soalan saya membangkitkan perkara sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya ambil Peraturan 7 dan Peraturan 8...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Peraturan 7 dan Peraturan 8...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Peraturan 7 dan Peraturan 8. Tadi Yang Berhormat Arau menyebut Peraturan 8, Yang Berhormat Santubong menyebut Peraturan 7. Ada ayat yang tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Majlis Mesyuarat. Jadi, saya ambil ketetapan supaya dikurangkan perkara-perkara hal yang boleh mempengaruhi Majlis Mesyuarat. Jadi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa, ini penjelasan.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Sebab, Tuan Yang di-Pertua, *Rome Statute* ini membabitkan antara perkara penting ialah hak dan liabiliti yang dikatakan terkait dengan Yang di-Pertuan Agong. Tentu sekali perkara ini perlu disebut secara jelas dan secara absah supaya ia dapat difahami. Bukan kita menggunakan untuk mempengaruhi, tetapi ini apa yang telah termaktub dalam Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Saya minta...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi penjelasan sikit.

■1230

Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Kepala Batas. Yang Berhormat Kepala Batas itu betul. Penjelasan kepada *Rome Statute* itu berhubung dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua angkatan tentera itu boleh diperjelaskan tetapi tidak boleh menggunakan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian awal tadi sebab Yang Berhormat Pontian mengatakan sultan menegaskan bahawa apabila kerajaan meratifikasikan *Rome Statute* dan juga ICERD, maknanya telah bersalah dengan Perlembagaan. Ini tidak boleh. Sebab sultan sebut, maknanya kita kena akur. Itu mempengaruhi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini salah Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi, yang ditanya itu, penjelasan sama ada Yang di-Pertuan Agong akan terkena tidak kalau umpamanya tentera kita bunuh macam Calley membunuh satu kampung di Vietnam dahulu, adakah Yang di-Pertuan Agong boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, saya minta jangan mencelah. Bagi peluang.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...*Vicariously liable* kepada perkara-perkara sedemikian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, kalau bincang dalam Majlis Raja-raja, takkan raja-raja akan bangkitkan. Ini tak bincang dalam Majlis Raja-raja. Inilah akibatnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah buat petua tadi. Saya minta Peraturan 36(7) dan (8) diambil kira dan saya minta Menteri menjawab mengambil kira peraturan yang sedia ada. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, sila jawab.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu ulangah Perkara 40 dan Perkara 41 yang telah saya sebutkan tadi. Saya hendak sebutkan bahawa Mahkamah Jenayah Antarabangsa merupakan pertubuhan yang bebas dan tidak memihak. Ia memainkan peranan sebagai mahkamah pilihan terakhir, dengan izin, *court of last resort*. Dalam erti kata yang lain, Mahkamah Jenayah Antarabangsa hanya akan menggunakan bidang kuasanya apabila sistem perundangan sesebuah negara tidak berkemahuan atau tidak berkemampuan, dengan izin, *unable or unwilling* untuk mengambil langkah-langkah yang perlu ke atas sesuatu jenayah yang berlaku.

Saya kembali kepada persoalan saya yang asas tadi, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan berkeyakinan penuh bahawa tiada sesiapa pemimpin Malaysia yang akan melakukan sama ada satu atau mana-mana empat jenayah antarabangsa yang tersenarai dalam Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya bertanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila. Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri tentang penjelasan berkaitan *disclaimer* bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak *liable* atas dasar Artikel 41 yang dibacakan bersekali dengan Artikel 40.

Saya ada dua dimensi. Pertama, kalau hendak diambil tentang empat kesalahan, kita boleh *deliberate* sebab kalau soal *crime of genocide, crimes against humanity* dan *crimes of aggression*, ia masih lagi mempunyai tafsiran yang luas. Tetapi saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa— dua benda. Pertama, sama ada apa yang dilakukan melalui proses ini sama sekali tidak dianggap sebagai melanggar peraturan dan proses-proses yang diperuntukkan dalam perlembagaan?

Kedua, kalau Yang Berhormat kata tadi bahawa Artikel 41 perlu dibacakan dengan Artikel 40, saya rasa Yang Berhormat terkhilaf sedikit. Sebabnya, memang benar Artikel 41 mengatakan ketua tentera tetapi tidak boleh mengisytiharkan perang, tetapi yang boleh mengisytiharkan perang sebenarnya adalah Parlimen. Itu termasuk dalam Jadual Kesembilan *list* pertama. Parlimen, kalau kita lihat pada Artikel 44, siapa itu Parlimen? Parlimen terdiri daripada tiga komponen. Pertama, Yang di-Pertuan Agong; kedua, Dewan Rakyat; dan ketiga adalah Dewan

Negara. Kalau itulah jawapan dan tafsiran, bererti Yang di-Pertuan Agong *still liable* kerana dia berada dalam ruang lingkup keputusan yang dibuat oleh Parlimen.

Keduanya, soalan yang ditanya sebelum ini ialah tentang sama ada proses ini telah disantuni dengan dibawa kepada Majlis Raja-raja. Sebab, apa yang disebut oleh *constitutional monarchy* negara-negara lain berbeza dengan *constitutional monarchy* Malaysia sebab Yang di-Pertuan Agong, Ke bawah Duli Tuanku, terbentuk atas pemilihan Majlis Raja-raja. Dia bukan ada *absolute* di dalam *tenure* sebagaimana di tempat-tempat negara lain. Maka setiap kali lima tahun, dia dipilih.

Maka sebab itulah kalau kita *invoke* Artikel 38, Artikel 38 menjelaskan bahawa Majlis Raja-raja boleh— *may deliberate a question of national policy*. Dan diberi contoh pula *immigration policy*. Tentu sekalilah yang berkaitan dengan *Rome Statute* ini benda yang terkait dengan hak dengan liabiliti Ke bawah Duli Tuanku dan juga tentu sekali *it would be extended* kepada Raja-raja Melayu yang lain, *and it must be consulted with a Rulers Conference*. Kalau benda itu tidak berlaku, saya fikir bahawa seakan-akan hak Majlis Raja-raja yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan telah diambil. Itu satu.

Yang ketiganya, ini penting, kalau kita lihat proses-proses yang lalu— saya beri contoh TPPA, suatu *international treaty* juga yang kita kena masuk. Dahulu kerajaan terdahulu dia membawa dulu ke Parlimen, diusulkan ke dalam Parlimen. Bukan itu sahaja, ditubuhkan dua jawatankuasa ataupun *bipartisan caucus*. Sehingga mendapat kelulusan, barulah kita tandatangani *to be party to TPPA*.

Tetapi dalam proses begini, Yang Berhormat Menteri, saya lihat ternampak ketegesaan selain daripada soal Majlis Raja-raja yang tidak dirundingi, selain daripada tafsiran tadi yang sebagaimana Yang di-Pertuan Agong, sebagaimana saya sebut, Artikel 44 tadi, saya lihat bahawa terdapat *some kind of flaws in the process* dan mungkin juga boleh dilihat sebagai *unconstitutional* dalam proses kita menandatangani. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri ruang untuk Yang Berhormat Menteri respons.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas. Perkara yang pertama ialah soal interpretasi Perlembagaan dan undang-undang yang berkaitan. Saya minta maaf, saya kira Yang Berhormat telah mengambil pendekatan untuk *overstretch* apa yang ada di dalam Perlembagaan dan memberikan interpretasi yang luar daripada apa yang sedia ada.

Saya beri satu contoh. Satu ketika Ahli Yang Berhormat menyebut tentang kedudukan Yang di-Pertuan Agong, satu ketika lagi Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang kedudukan Majlis Raja-raja. Dari segi undang-undang— sebenarnya kita ada kes undang-undang. Ada suatu keputusan mahkamah, saya tidak ingat kesnya, tetapi di situ memang mahkamah membuat *distinction* antara Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja. Saya berpendirian bahawa dalam hal yang ini, dalam hal Mahkamah Jenayah Antarabangsa ini, ia sangat *distinct*, dengan izin, ia

adalah berkaitan dengan kedudukan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perkara yang kedua, soal *consent* persetujuan Majlis Raja-raja. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, persetujuan Majlis Raja-raja diperlukan apabila hendak dilakukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan dan ini melibatkan sembilan perkara termasuk yang disebut oleh Yang Berhormat. Tetapi dalam konteks Mahkamah Jenayah Antarabangsa, ia tidak termasuk dalam sembilan perkara yang melibatkan pindaan Perlembagaan. Jadi kita harus meletakkan kedudukan persetujuan Majlis Raja-raja itu sebenarnya di mana? Jangan kita tambah kepada apa yang tiada.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *[Bangun]*

Dato' Saifuddin Abdullah: Biar saya habis dahulu.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Tak. Saya rasa, *again*, Yang Berhormat Menteri terkhilaf. Yang imigresen itu, ia adalah polisi. Ini juga merupakan suatu polisi apatah lagi yang terkait dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan liabiliti dan hak Yang di-Pertuan Agong yang berdirinya di bawah Majlis Raja-raja.

Saya hendak tanya satu soalan yang cukup penting kepada Yang Berhormat Menteri.

■1240

Apakah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberi perkenan agar *Rome Statute* ini ditandatangani?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Saya minta...

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kalau...

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Soalan Yang Berhormat Kepala Batas itu tidak sah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, faham.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ini kerana soalan itu tidak timbul. Saya minta maaf, *the question does not arise*. Izinkan saya untuk terus menjawab.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Kenapa tidak timbul?

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Saifuddin Abdullah: Susah hendak menjawab Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tidak apa.

Dato' Saifuddin Abdullah: Benda yang diada-adakan, itu satu perkara yang saya...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Macam mana hendak diadakan? Semua ini dalam Perlembagaan Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin Abdullah: Perkara 17, Perkara 159(5) menyebutkan ada sembilan perkara. Saya setuju, memang ada dalam Perlembagaan. Akan tetapi, duduknya di mana? Dia macam kita baca Quran lah, ayat perang hendak baca waktu bila, ayat damai hendak baca waktu bila? Yang Berhormat ini baca ayat damai waktu perang atau baca ayat perang waktu damai?

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri bagi tamsil dengan Quran, sebenarnya benda yang tidak tepat. Bila kita cakap dalam soal benda-benda ini, sebab itu saya hendak tekankan dalam Islam pun kita buat benda-benda supaya jangan ada "*La dirar wa la darar*" yang kalau kita hendak masuk pun tidak memudaratkan tetapi pada waktu yang sama diri kita pun tidak dimudaratkan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Sebab itu saya bertanya dan benda ini saya tidak buat-buat, berasaskan Perlembagaan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tak kata pun perkara ini tidak berasaskan Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, baik terima kasih. Yang Berhormat Kepala Batas terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya cuma...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya cuma menyatakan kita harus melihat Perlembagaan itu dan meletakkannya di tempatnya yang betul. Perkara yang ketiga...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Yang ditimbulkan oleh...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Sahabat saya Yang Berhormat Kepala Batas. Saya tahu bahawa TPP memang dibawa ke Dewan ini. Akan tetapi, saya ada senarai seratus lebih perjanjian United Nations yang telah diratifikasi tanpa dibawa ke dalam Dewan. [*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk pergi ke dua lagi soalan...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat...

Dato' Saifuddin Abdullah: Yang berkaitan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Menteri, ada satu lagi. Beri kepada...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, masih pada jawapan Yang Berhormat...

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya telah menjawab dua perkara pokok tentang...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Akan tetapi...

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Statut Rom dan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dan tentang proses membuat keputusan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat bersetuju untuk saya tanya soalan susulan dalam perkara pokok? Saya tanya tentang perkara pokok Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Menteri tadi sebut tentang perkataan yang bagi saya begitu unik, yang mana Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kerajaan tidak yakin bahawa adanya kemungkinan perkara-perkara yang dianggap...

Dato' Saifuddin Abdullah: Kecuali kalau Yang Berhormat anggap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan membuat empat perkara yang jenayah itu.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: ...Di bawah bidang kuasa di mana, Yang Berhormat bagilah saya tanya soalan. Ini Parlimen Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Who are you to guarantee?*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Relakslah Yang Berhormat, kita dalam Dewan. Kita hendak tahu kebenaran proses. Kalau Yang Berhormat kata kerajaan niat ikhlas tiada masalah.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya sudah kata sudah.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Akan tetapi, kami hendak terang, minta penerangan untuk beritahu pada rakyat. Soalan saya Yang Berhormat, dalam elemen Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak ada kemungkinannya Raja-raja ini boleh dibawa sebab tidak ada kemungkinannya, *probability, possibility* dengan izin akan berlaku, untuk perkara seperti *Act of Crime* dalam semua elemen yang disebut oleh Yang Berhormat.

Jadi soalan saya *what if*, apa akan jadi, apa akan dilakukan oleh kerajaan kalau salah satu daripada situasi tersebut berlaku? Akan tetapi, kita ada sistem Perlembagaan kita sendiri tetapi kita sudah beri kepada *Rom Statute*. Jadi sekarang, *what if* sebab rakyat hendak tahu, *what if*, kalau benda ini berlaku? Apa kedudukan kerajaan bila benda ini berlaku? *What is the position?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Soalan saya tadi, soalan tadi pasal bab perkenan. Perkenan Ke Bawah Duli Tuanku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Saya telah bagi cukup masa dengan izin saya. Bagi peluang...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Tidak dijawab tadi soalan Yang di-Pertuan Agong, apakah dapat perkenan? Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Kita memang minta dijauhi Tuhan sebab itu kerajaan mengatakan bahawa kita mempunyai keyakinan bahawa tiada sebab saya hendak mengelak mengguna perkataan yang mungkin tidak sebaiknya digunakan. Tiada pimpinan Malaysia yang akan

melakukannya. Andailah, ini yang paling saya takut hendak guna tetapi Yang Berhormat Pengerang ajak mengandai, saya pun andailah, ya sahabat lama ini.

Kalau kita telah ambil tindakan, dia soalnya ialah adakah kerajaan yang berkaitan itu, sistem penghakiman dalam negara itu, sistem pengadilan dalam negara itu mengambil tindakan. Sekiranya kita mengambil tindakan yang sewajarnya, maka tidak timbul soal Mahkamah Jenayah Antarabangsa akan mengadili mana-mana pihak daripada negara kita yang terlibat dalam perkara yang saya katakan tadi, andaian. Kita semua berdoa dan kita yakin perkara itu tidak akan berlaku. Yang Berhormat Paya Besar...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Menteri, Puncak Borneo minta laluan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya sebab Yang Berhormat Paya Besar berucap Tuan Yang di-Pertua, masa tinggal empat minit setengah. Saya ada dua lagi perkara.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh, boleh tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Menteri...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo minta laluan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya hendak jawab Yang Berhormat Paya Besar dulu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Saifuddin Abdullah: Bukan, saya hendak menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila jawab Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Soalan tentang implikasi kewangan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sedikit sahaja.

Dato' Saifuddin Abdullah: Sebagaimana dalam penemuan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, soalan yang dibawa Yang Berhormat Kepala Batas tak jawab lagi.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sama ada Yang di-Pertuan Agong beri perkenan atau tidak perkenan?

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya hendak jawab dengan membacakan Perlembagaan. Jadi...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Saya tidak dengar kata sama ada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beri perkenan kah tidak.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata ada sembilan perkara yang wajib...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bukan yang itu.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Maknanya tidak perlukan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Yes or no, that's all. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *Yes or no* sahaja lah.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *I think* jawapan ini penting Tuan Yang di-Pertua sebab Parlimen ini terbentuk di bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya hendak tahu bahawa *it's a simple question*, Yang di-Pertuan Agong beri perkenan atau tidak?

Dato' Saifuddin Abdullah: Perkara ini tidak termasuk dalam sembilan perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri sudah jawab sudah. Sudah jawab sudah. *[Dewan riuh]*

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Yang ditentukan dalam Perlembagaan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sudah jawab, sudah beratus *ratify*.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Maknanya Menteri berkata...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bererti Yang di-Pertuan Agong tidak bagi perkenan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Maknanya Menteri, pandai-pandai saja.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sudah beratus sudah tandatangan yang sebelum ini yang Menteri sebut tadi, tidak pun perlu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudahlah Yang Berhormat Kangar, apa dia? Sebutkan. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, teruskan bercakap. Baik, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila duduk, sila Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada masa tiga minit sahaja lagi.

Dato' Saifuddin Abdullah: Memang bila kita masuk, menyertai mana-mana pertubuhan antarabangsa atau sebagainya, memang ada implikasi kewangan. Sumbangan tahunan kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa ialah sebanyak lebih kurang RM5 juta setahun dan itu adalah samalah seperti kita bayar kepada PBB sebanyak RM38.8 juta dan sebagainya. Perkara yang akhir yang ingin saya jawab Tuan Yang di-Pertua ialah...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Port Dickson. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kata, Artikel 159 tadi ia adalah berkaitan dengan pindaan Perlembagaan. Akan tetapi, dalam proses untuk menandatangani dari segi perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagaimana dalam Artikel 174.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Adakah ini diambil kira? Benda ini semua bersifat Perlembagaan, bukan dibuat-buat.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan perkara di bawah 74.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Kepala Batas, terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ini perkara di bawah, saya sebutkan tadi yang wajib mendapatkan persetujuan Majlis Raja-raja ialah perkara-perkara di bawah Perkara 159(5) dan ada sembilan perkara. Saya sudah jawab, sebelum ini pun...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Itu kalau pindaan. Ini proses *to exceed*.

Dato' Saifuddin Abdullah: Bagi saya jawab Yang Berhormat Port Dickson, nanti saya akan menjenguk persoalan itu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tadi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soal proses membuat keputusan. Saya sudah kata ada seratus lebih triti yang telah ditandatangani, ia tidak pun dibawa ke Parlimen. Bukan untuk mengecilkan Parlimen, proses membuat keputusan itu kita ada pengasingan kuasa. [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *What is the magnitude of the treaty?* Memang lah *treaty* banyak.

Dato' Saifuddin Abdullah: Pengasingan kuasa, sebab Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cukup Yang Berhormat Kepala Batas, ini sesi Menteri. Teruskan Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Yang Berhormat Kepala Batas, *I mean* kita sama-sama belajar bahas, yang asal saudara tanya soal bawa, saya jawablah. Ada yang seratus lebih tidak bawa, selepas itu saudara tambah lagi. Ini kalau dalam debat ini, sudah lari sudah daripada tajuk.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, Kangar minta sedikit boleh?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Perkara ini terlalu sensitif melibatkan agama, negara dan rakyat. Oleh sebab itu kita *concern*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia telah jawab.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, Kangar minta sedikit boleh?

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa hanya tinggal beberapa saat sahaja. Minta Yang Berhormat Menteri...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Dalam isu...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta *discretion* Tuan Yang di-Pertua, boleh lanjut sedikit.

Dato' Saifuddin Abdullah: Okey, untuk ke sekian kalinya saya katakan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Indera Mahkota, kita sebelah sahaja Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya telah menjawab soalan yang ditimbulkan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Akhir sekali berkenaan cadangan daripada Yang Berhormat Port Dickson...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, kita jiranlah. Kita jiran, bagi lah peluang. Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Dan juga Yang Berhormat Kuala Kangsar yang telah mengusulkan kepada kerajaan agar isu-isu kontroversi ratifikasi dan pengesahan suatu konvensyen antarabangsa perlu dibahaskan di Parlimen untuk mendapatkan konsensus sebelum dibawa ke Kabinet untuk kelulusan.

■1250

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya nak tolong Yang Berhormat Menteri ini. Saya nak tolong, nak tolong.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara baharu. Suatu cadangan yang segar dan progresif kami anggap daripada Yang Berhormat Port Dickson dan Kuala Kangsar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *[Bangun]*

Dato' Saifuddin Abdullah: Sebab itu misalnya, ketika saya membentangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, *floor* saya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Duduk, duduk.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Saya telah mencadangkan supaya proses perundingan...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Apa poin dia?

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Menjadi salah satu proses demokrasi yang matang, yang wajar diamalkan di Dewan yang mulia ini dan kami konsisten, saya konsisten sejak daripada awal lagi mencadangkan agar satu Jawatankuasa Pemilihan, dengan izin, *Select Committee* berkenaan dasar luar dapat dibuat di Dewan Rakyat ini bagi memastikan supaya perkara-perkara yang berhubung...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Dengan soal-soal yang utama harus dibincangkan terlebih dahulu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya mohon mencelah.

Dato' Saifuddin Abdullah: Akan tetapi, ini adalah suatu proses membuat keputusan yang baharu. Satu benda yang segar dan saya fikir dalam keadaan kita menegakkan pembaharuan-pembaharuan dalam semangat Malaysia Baharu, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar dan Port Dickson itu harus dibincangkan tetapi ini bukan forumnya namun saya menyambut baik cadangan tersebut.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *Point of order, point of order.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Saya nak bangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(12) iaitu mengelirukan Dewan. Saya nak mengesahkan, nak dapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri supaya tidak mengelirukan Dewan di bawah 36(12).

Jadi, nak mengesahkan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa perkara ini memang sama ada dah dapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong ataupun tidak? Itu sahaja kita nak mengesahkan. Jangan pusing-pusing. Ini peraturan 36(12), jangan mengelirukan Dewan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa tidak dapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong? Apakah itu benar ataupun tidak? Itu sahaja saya nak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Kepala Batas, terima kasih. Soalan yang sama, soalan yang sama. Sama, mesej yang sama.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Lagi satu, sebelah kerajaan ini. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, minta diizinkan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh Yang Berhormat Menteri ya? Saya baca tentang...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Indera Mahkota, saya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya bangkit peraturan mesyuarat, Yang Berhormat Kangar, satu-satulah. Peraturan mesyuarat dulu. Kalau Yang Berhormat bangun berkenaan peraturan mesyuarat, bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini mencelah, lain. Peraturan mesyuarat, minta Yang Berhormat Menteri jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Kangar duduk dulu. Saya minta Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menjawab dengan panjang lebar bahawa ada konvensyen tentang cara kita membuat keputusan termasuk dalam Dewan ini, dalam Kabinet, bila kita merujuk kepada Majlis Raja-Raja dan sebagainya dan saya telah jawab tadi dengan jelas. Saya tidak bersetuju dengan soalan yang ditanyakan itu kerana soalan itu seolah-olah tidak faham tentang jawapan saya tadi. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja. *Yes or no*, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, Tumpat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *[Bangun]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa yang telah diberikan untuk menjawab telah pun habis.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Yes or no, that's all.* Apa yang susah sangat?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, minta rumuskan untuk habiskan. Masa yang diberikan telah habis.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Nak bagi sedikit sahaja.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Maknanya Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan itu. Betul kah tidak? Itu sahaja yang kita hendak tahu. *Yes or no?* Apa yang susah sangat nak belit, belit, belit ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta dirumuskan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih banyak atas...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Semua perbahasan dalam isu-isu yang berkaitan...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya nak minta Yang Berhormat Menteri jawab. Soalan saya belum dijawab.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Dengan Kementerian Luar dalam Titah Seri Paduka Baginda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya nak pergi ke kementerian yang kedua untuk menjawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Tengok kes Kenya, tengok kes Kenya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kementerian Dalam Negeri, silakan Yang Berhormat Sepanggar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Check* balik kes Kenya itu, empat orang itu. *Willing able* tapi IC siapa buat? Tengok. Pegawai-pegawai Kementerian Luar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak puji Timbalan Speaker sebab mengendalikan Mesyuarat dengan bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *I sit but almost doing...*
[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lebih bagus daripada Timbalan Speaker yang lagi seorang itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Peraturan mesyuarat. Saya teruskan dengan jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri, dipersilakan.

12.54 tgh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Okey. *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada seramai 62 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2019 di Dewan yang mulia ini daripada 12 Mac hingga 25 Mac 2019 yang antara lain telah menyentuh sebanyak 150 perkara berkaitan portfolio Kementerian Dalam Negeri.

Saya akan berusaha untuk menjawab dan menggulung dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 45 minit. Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, izinkan saya menjunjung kasih atas Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong Ke-XVI semasa Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14 tahun 2019 pada 11 Mac 2019.

Saya akan menggulung perbahasan ucapan Titah Diraja 2019 berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan seperti berikut:

- (i) pembangunan infrastruktur dan aset;
- (ii) kepenjaraan AADK dan RELA;
- (iii) hal ehwal imigresen dan pekerja asing;

- (iv) kewarganegaraan dan pendaftaran; dan
- (v) keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Sibuti mencadangkan pembinaan baharu atau menaik taraf ibu pejabat polis, kuarters kediaman dan pembelian aset yang baharu dan membuat penambahan keanggotaan diberi pertimbangan oleh kementerian dan Yang Berhormat Batu Gajah mencadangkan supaya lima buah balai yang berada di bawah pentadbiran IPD Ipoh dipindahkan ke IPD Batu Gajah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Polis Diraja Malaysia sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi menambahkan lagi perjawatan dan kemudahan-kemudahan lain kepada PDRM bagi memastikan perkhidmatan bertaraf *world class policing*, dengan izin, dapat diberikan kepada rakyat. Dalam tempoh terdekat ini, kementerian sedang memberi tumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada serta kerja-kerja menaik taraf premis PDRM lain yang sangat-sangat kritikal dan uzur serta memerlukan kerja pembaikan yang segera.

Bagi tahun 2019, KDN telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan fasiliti yang kritikal. Walau bagaimanapun, seperti yang saya maklumkan pada sesi Jawab Lisan pada pagi tadi, peruntukan ini tidak mencukupi dan perlu diagihkan mengikut keutamaan. Bagi tahun 2020, KDN akan memohon lagi peruntukan untuk pembaikan kuarters dan fasiliti KDN yang memerlukan.

Selain daripada itu, sekiranya balai-balai tersebut tidak tersenarai dalam projek yang diberi keutamaan dan jika terdapat keperluan yang benar-benar mendesak bagi tujuan menaik taraf atau penambahan keanggotaan bagi ibu pejabat polis atau balai berkenaan, kementerian akan meneliti untuk dipertimbangkan pelaksanaan pada masa yang akan datang. Kajian yang berterusan sentiasa dibuat oleh PDRM untuk penambahan keanggotaan atau menaik taraf balai di seluruh negara termasuk membuat persempadanan semula daerah-daerah polis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang telah bertanyakan mengenai cadangan Kementerian Dalam Negeri untuk menempatkan CCTV di sempadan Rantau Panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan CCTV di sempadan di seluruh negara adalah di bawah kawalan Majlis Keselamatan Negara. Walau bagaimanapun, KDN juga telah menjalankan kajian untuk menambah baik kamera litar tertutup (CCTV) yang sedia ada dan juga menambahkan lagi bilangan CCTV di tempat-tempat yang strategik di sempadan negara dengan menggunakan sistem pemantauan yang menggunakan teknologi analitis sebagai usaha untuk mencegah penyeludupan dan pencerobohan.

Kementerian akan memohon peruntukan kepada kerajaan untuk tujuan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang bertanya mengenai langkah kementerian bagi menyelesaikan tunggakan elaun selama dua bulan pegawai RELA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil semakan mendapati isu yang dibangkitkan adalah berkenaan pembayaran elaun kepada anggota RELA yang bertugas di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, Kelantan. Perkara ini telah pun diselesaikan pada 5 Mac dan 10 Mac 2019 setelah agihan waran peruntukan oleh agensi pemilik premis disalurkan kepada Jabatan Sukarelawan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai bertanya mengenai sama ada kerajaan bersedia untuk mengambil pendekatan *decriminalization* terhadap penagih dadah yang membawa atau mengambil dadah dalam jumlah yang kecil tidak terus dibawa ke penjara sebaliknya terlebih dahulu dibawa ke pusat pemulihan untuk dirawat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan mengamalkan pendekatan *dual policy* di mana penagih dadah dianggap sebagai pesakit manakala orang yang terlibat dalam pemilikan dan pengedaran dadah dianggap sebagai penjenayah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon penjelasan sedikit, Yang Berhormat Menteri. Boleh? Rantau Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih.

Seorang Ahli: Laju Yang Berhormat Menteri, *slow* sikit.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya berterima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu yang soalan saya berkaitan dengan CCTV, yang mana saya difahamkan di kompleks imigresen di Rantau Panjang, sudah sekian lama tidak berfungsi sedangkan bagaimana pengaliran masuk keluar sama ada pelancong ataupun rakyat asing masuk dalam negara kita. Sejauh mana kawalan? Jadi saya harap perkara ini jangan ditangguhkan. Mesti diberi keutamaan. Ini adalah keselamatan, terutama masalah penyeludupan senjata api dan sebagainya.

Begitu juga saya ingin tahu, sejauh mana kesiapsiagaan terutama di kawasan sempadan di musim kemarau yang sekarang ini di sepanjang Sungai Golok boleh berlari ke sana tanpa melalui perahu. Airnya terlalu cetek, setakat paras betis, kaki. Jadi bagaimana dan sejauh mana kawalan yang dibuat oleh pihak kerajaan memastikan supaya perkara ini tidak diambil kesempatan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, boleh sikit? Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bagan Serai, belakang.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat *approach* yang dipakai oleh kerajaan sekarang ini telah menyebabkan banyak orang dipenjarakan atas masalah dadah yang kecil sedangkan *approach*

decriminalization yang saya sebut tadi, kita lihat negara-negara luar seperti Switzerland dan Perancis umpamanya telah menjalankan kaedah ini dan ia telah menurunkan kadar masalah dadah di negara mereka setelah dalam 20 tahun ini. Jadi sebab itu saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan kita bersedia untuk belajar daripada pengalaman dan kejayaan negara-negara luar seperti Switzerland dan juga Perancis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, sila Yang Berhormat Menteri sambung.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Okey. Untuk menjawab Yang Berhormat Rantau Panjang sebentar tadi, sebagaimana saya sebutkan, CCTV di persempadanan kita ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Ianya merupakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. *In fact*, ia telah pun disebut di dalam mesyuarat Kabinet bahawa ianya akan dikelolakan oleh Majlis Keselamatan Negara. Jadi, maknanya soalan ini sebenarnya perlu dijawab oleh Majlis Keselamatan Negara.

Soalan mengenai dadah tadi. Untuk makluman, sebagaimana yang kita telah sebut bahawa AADK pada ketika ini kita cuba untuk mengurangkan masalah dimasukkan anak-anak, khususnya anak-anak muda ini ke dalam penjara dan dikategorikan sebagai penjenayah. Sebab itu ada program-program yang kita telah perkenalkan contohnya *community empowerment* di mana kita meletakkan mereka ini di tempat supaya mereka ini kelihatan bukan sebagai penjenayah sebab mereka dikategorikan sebagai pesakit dan itulah di antara usaha yang kita lakukan.

Walau bagaimanapun, penambahbaikan sering kita lakukan di peringkat ini dan kita akan sentiasa belajar dengan negara-negara yang kita rasa mempunyai sistem yang lebih baik. Jadi, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan pukul 1. Saya tangguhkan Mesyuarat, sambung pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersambung dengan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri ke atas perbahasan Titah Diraja. Sekarang giliran Kementerian Dalam Negeri. Masa ada lagi 36 minit. Dipersilakan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung jawapan saya sebentar tadi. Tapi Yang Berhormat Bagan Serai tidak ada. So, boleh *skip* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya boleh.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai, sebelah belakang.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Pohon hendak mencelah sikit juga.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: So, saya sambung ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Okey, Yang Berhormat Bagan Serai bertanya sama ada kerajaan bersedia untuk mengambil pendekatan *decriminalization* terhadap penagih dadah yang membawa atau mengambil dadah dalam jumlah yang kecil tidak terus dibawa ke penjara sebaliknya terlebih dahulu dibawa ke pusat pemulihan untuk dirawat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan mengamalkan pendekatan dual polisi di mana penagih dadah dianggap sebagai pesakit, manakala orang yang terlibat dalam pemilikan dan pengedaran dadah dianggap sebagai penjenayah. Oleh itu tindakan ke atas penagih dadah bukan saja terhadap kepada tindakan melalui undang-undang di bawah Akta Penagih Dadah, Rawatan dan Pemulihan 1983 tetapi juga melalui pendekatan sukarela di mana penagih dadah digalakkan untuk mendapatkan bantuan daripada pusat-pusat khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan dan pusat pemulihan dadah persendirian.

Pada masa ini, terdapat sebanyak 55 buah pusat penagihan dadah persendirian yang dikendalikan oleh badan swasta dan badan bukan kerajaan. Pendekatan sukarela di dalam mendapatkan rawatan dan pemulihan penagihan dadah serta pendekatan perubatan yang sedang diamalkan ini dilihat sebagai pendekatan dekriminialisasi yang telah disesuaikan dengan keadaan semasa dalam negara. Merujuk pendekatan-pendekatan yang diambil oleh beberapa buah negara asing seperti Portugal yang mengamalkan dasar dekriminialisasi dalam menangani masalah dadah di negara tersebut, kementerian sentiasa terbuka untuk melaksanakan pendekatan-pendekatan yang berkesan dalam menangani masalah dadah tanpa kompromi dengan aspek keselamatan dalam negara. Walaupun begitu...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, sikit. Yang Berhormat Bagan Serai. Sedikit saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat sejak 1980 kita telah berbelanja berbilion untuk masalah dadah, penagihan dadah ini. Seperti yang saya sebut dalam perbahasan, WHO mentakrifkan mereka sebagai *chronic relaxing mental illness*. Kalau kita dapatlah melihat penagihan dadah ini sebagai satu penyakit dan bukan sebagai jenayah, adakah kerajaan bersedia satu ketika nanti untuk memberikan dana lebih atau peruntukan yang lebih kepada KKM umpamanya ataupun kepada para doktor yang ada *expertise* dalam bidang ini untuk melaksanakan tanggungjawab

mereka merawat penagihan ini dan melihat kejayaan yang ditempa dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat Menteri, saya sarankan sesiapa yang hendak mencelah, celahan itu kena padat dan ringkas supaya kita memberikan masa yang lebih kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawab. Sila Yang Berhormat.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Sebenarnya nanti jawapan kepada soalan itu akan saya jawab nanti di selepas, dalam teks ucapan saya ada.

Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Walaupun begitu, perubahan dasar seperti ini memerlukan kajian yang menyeluruh sebelum ia dilaksanakan kerana ia perlu disesuaikan dengan keadaan semasa dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur telah bertanya mengenai pusat pemulihan khas bagi penagihan syabu memandangkan penagihan syabu tidak boleh dirawat melalui kaedah biasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dadah jenis syabu adalah dikategorikan daripada dadah jenis *amphetamine-type stimulants* (ATS) yang mana kesan penagihannya boleh menyebabkan penagih mengalami penyakit-penyakit lain seperti penyakit mental.

Pihak kementerian dan Agensi Antidadah Kebangsaan khususnya telah mengenal pasti kesan pengambilan syabu dan tindakan telah diambil dalam mewujudkan kaedah perawatan yang bersesuaian bagi mereka yang terjebak dalam penagihan tersebut. Antaranya adalah dengan mewujudkan sebuah pusat pemulihan penagihan dadah dual diagnosis sejak tahun 2015 di Klinik Cure & Care, Tampoi, Johor. Institusi tersebut menjalankan rawatan penagihan dadah dengan perkhidmatan tambahan, pengubatan penyakit psikiatri dengan kerjasama Hospital Permai, Kementerian Kesihatan Malaysia yang terletak bersebelahan dengan institusi tersebut.

Walau bagaimanapun, institusi sedia ada ini amat memerlukan penambahbaikan dari segi infrastruktur dan sumber manusia bagi menjadikan ia sebuah pusat pemulihan yang bersesuaian dalam pengendalian *client dual diagnosis* ini. Antara faktor kekangan di atas kemasukan ke pusat ini adalah terhad. Pihak AADK turut mengkaji penambahbaikan modul psikososial yang sedia ada bagi memulihkan penagih dadah jenis ATS di peringkat pusat pemulihan dan komuniti.

Untuk menjawab soalan tambahan tadi, sebagaimana saya sebutkan, kita faham bahawa untuk kita merawat mereka-mereka yang terlibat dengan penggunaan dadah ini memerlukan kos yang besar. Sebab itu pihak agensi, khususnya Agensi Antidadah Kebangsaan sentiasa bekerjasama rapat dengan komuniti yang ada termasuklah menjalankan program-program komuniti *empowerment* agar kita dapat mengurangkan kos, menahan mereka di pusat-pusat pemulihan ini.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, mungkin Yang Berhormat silap, soalan itu adalah sebenarnya daripada Yang Berhormat Batu Gajah berkaitan dengan syabu itu adalah daripada Yang Berhormat Batu Gajah. Soalan itu saya yang kemukakan, bukan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya kurang pastilah sama ada Yang Berhormat Ipoh Timur juga ada membawa isu tersebut ataupun tidak. Tapi jawapan itu adalah sebenarnya untuk bagi soalan yang saya kemukakan tadi.

Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu, dalam jawapan Timbalan Menteri, Menteri mengatakan bahawa ada pusat di Johor. Berapakah jumlah penagih yang boleh dirawat di Johor sebab saya difahamkan bahawa memang sukar untuk merawat mereka dan kalau ada satu saja pusat untuk merawat penagih-penagih syabu mungkin mencukupi. Apakah tindakan-tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk mengadakan lebih banyak pusat di seluruh negara. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat daripada Batu Gajah. Kalau ini saya minta untuk dimasukkan lah Yang Berhormat Batu Gajah sebagai salah seorang yang bertanya tentang isu yang sama. Tapi *I 'am quite sure*, Yang Berhormat Ipoh Timur juga ada bertanya soalan yang sama.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Ipoh Timur ada di sini.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Ada tanya?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ada.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Ipoh Timur ada tanya tentang syabu?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ada?

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Ada. So, disekalikan lah. Saya masukkan sekali Yang Berhormat Batu Gajah. Kongsi-kongsi, tidak apa.

Berkenaan dengan lebih banyak pusat-pusat dibuka. Ya, sebagaimana saya sebutkan tadi ia melibatkan kos yang banyak. Kita menyedari kekangan kewangan yang ada pada hari ini peringkat kerajaan kita mengambil maklum perkara ini dan jika ada lebihan bajet yang boleh kita pertimbangkan, *insya-Allah* kita akan pertimbangkan.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang tiada di sini. *[Disampuk]* Skip. Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Keningau ada?

Beberapa Ahli: *Skip.*

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Yang Berhormat Kota Merudu, Yang Berhormat Kubang Kerian, kalau macam ini selalu bagus Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Lancar tanpa gangguan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Yang Berhormat Arau?

Beberapa Ahli: Tidak ada. Dia lari. Yang Berhormat Pontian saja.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Yang Berhormat Lanang? Ini ada, Yang Berhormat paling rajin. Yang Berhormat Lanang bertanya sama ada pasport kewarganegaraan Sarawak atau pasport Malaysia Antarabangsa masih terpakai atau sebaliknya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasport Malaysia Antarabangsa adalah satu dokumen perjalanan yang sah dan dikeluarkan kepada warganegara Malaysia bagi maksud perjalanan ke luar negara. Pasport Malaysia Antarabangsa ini masih diguna pakai oleh semua warganegara Malaysia termasuk warganegara kelahiran negeri Sarawak.

Yang Berhormat Lanang juga telah meminta penjelasan mengenai SOP kemasukan pelancong China ke Malaysia kerana ada banyak kes di mana pelancong dihalang dari memasuki Malaysia kerana tidak boleh membayar sejumlah wang RM5,000 secara tunai memandangkan mereka lebih kerap menggunakan kad kredit ataupun *eWallet* seperti mana di negara asal mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ciri-ciri keselamatan yang boleh ditolak kemasukan adalah tertakluk di bawah tatacara operasi standard ataupun SOP *not to land* seperti berikut:

- (i) pasport atau dokumen perjalanan yang tidak diiktiraf oleh kerajaan;
- (ii) dokumen perjalanan yang telah tamat tempoh sah laku atau kurang dari tiga bulan;
- (iii) dokumen perjalanan yang disyaki tidak tulen atau palsu atau meragukan;
- (iv) dokumen perjalanan yang didapati dalam keadaan fizikal yang telah rosak maknanya boleh dicurigai;
- (v) warga negara asing yang memerlukan visa namun gagal mengemukakannya;
- (vi) visa disyaki tidak tulen atau telah tamat tempoh sah laku;
- (vii) gagal membuktikan keperluan dan tujuan untuk berada di Malaysia, tiada bukti tiket pulang ke negara asal; dan
- (viii) mana-mana negara asing yang disyaki imigran larangan di bawah seksyen 8 (3), Akta Imigresen Tahun 1959/1963.

Di bawah seksyen 8(3) Akta Imigresen Tahun 1959/1963, antara perkara yang boleh menyebabkan seseorang pelancong termasuk pelancong daripada negara China ditakrifkan sebagai imigran larangan dan ditolak kemasukan adalah apabila mereka gagal menunjukkan wang sara hidup yang mencukupi untuk menyara hidupnya sepanjang keberadaan di Malaysia. Penggunaan kad kredit atau *eWallet* boleh dipertimbangkan bagi maksud tersebut dengan syarat kebolehmampuan subjek untuk membuktikan baki wang yang mencukupi untuk menyara hidupnya sepanjang keberadaan di Malaysia. Ada soalan tambahan? Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Kota Melaka telah meminta supaya Kementerian Dalam Negeri mengkaji pelaksanaan *visa on arrival* bagi pelancong dari negara asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan *visa on arrival* yang merupakan kemudahan mendapatkan visa semasa ketibaan di pintu masuk Malaysia dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada warganegara asing dari Republik China dan India sahaja dengan tempoh bagi visa ini ialah tujuh hari bagi setiap kemasukan tanpa sebarang perlanjutan.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Ada soalan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi jawapan yang diberi kebanyakan adalah 'jika disyaki', 'disyaki' dan 'disyaki'. Jadi apakah cara untuk mereka masuk jika disyaki? Adakah mereka terus akan dihalang kalau pegawai di sana mensyaki ada apa-apa dokumen yang tidak tulen atau adakah mereka terus dihalang.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Boleh tambah sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih. Perkara ini merupakan satu perkara yang serius kerana perkara ini selalu dilaporkan di media-media di negara China. Negara China merupakan penyumbang pelancong antara paling tinggi bagi Malaysia. Kita takut kalau ruang syak ini disalahgunakan ia akan memberikan imej yang kurang baik kepada negara Malaysia dan akan menyebabkan pihak pelancong tidak memilih Malaysia untuk datang melancong.

Saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang ini merupakan perkara yang serius. Sama ada pihak kementerian ada SOP yang lebih jelas sebab seorang pelancong tak nak datang ke sini kata boleh, lepas itu disyaki, lepas itu kena tendang balik. Ini *spoil my holiday* punya fasal merupakan perkara isu yang besar. So, kalau ada SOP yang lebih terperinci boleh, boleh, tidak boleh, tidak boleh supaya mereka sebelum naik kapal terbang sudah tahu boleh atau tidak boleh. Itu merupakan satu pendekatan ataupun langkah ke depan yang baik sekali. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan sebentar tadi daripada Yang Berhormat Lanang dan juga daripada Yang Berhormat Damansara. Akan tetapi saya bagi rekod untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2017, daripada 2 juta pelancong China yang masuk ke negara kita, hanya 1,738 pelancong sahaja yang kita tidak terima disebabkan masalah yang saya sebutkan tadi. Bermakna satu jumlah yang agak kecil.

Akan tetapi bila menyentuh tentang bayaran melalui *WeChat* saya tengok ada satu *posting* yang dibuat oleh *Berita Harian* menyebut bahawa Malaysia negara pertama selepas China memperkenalkan *WeChat Pay*. Maknanya *WeChat Pay* ini merupakan satu benda yang baru di Malaysia masih belum digunakan secara meluas tetapi kita ke arah untuk itu. Jadi pihak kementerian sebagaimana saya sebut dalam jawapan saya tadi kita tengah mengkaji untuk ke arah itu.

Cuma kalau ikut polisi yang ada pada hari ini mana-mana pelancong yang masuk ke negara kita dengan tidak membawa sejumlah wang minimum sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, ia akan menyebabkan salah satu sebab mereka untuk tidak diterima masuk. Akan tapi perlu diingatkan bahawa pegawai-pegawai imigresen kita ini mereka melihat kepada *pattern*. Mereka telah duduk di situ mereka tengok boleh mengenali sebab apa yang berlaku untuk makluman Yang Berhormat, ramai juga pelancong-pelancong daripada China ini masuk ke negara kita sebagai pelancong sosial tapi apa yang berlaku mereka menyalahgunakan pas sosial ini untuk bekerja di negara kita. Bekerja secara haram dan lebih teruk lagi bekerja di tempat-tempat yang tidak berapa sihatlah.

Jadi sebab itulah atas faktor itulah menyebabkan pegawai-pegawai kita mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang serius sebab itulah mereka bila mana tidak cukup syarat-syarat yang mana mereka perlu dihantar pulang, kita hantar pulang. Sebagaimana saya sebutkan berkenaan dengan keselamatan. Ini adalah satu perkara yang kita tidak boleh kompromi. Jadi sekali lagi saya sebutkan kalau ikut dua juta pelancong yang masuk ke negara kita ia tidak banyak, baru 1,738 sahaja yang kita tolak masuk.

Saya sambung. Yang Berhormat Kota Kinabalu ada, Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Kota Melaka telah meminta supaya Kementerian Dalam Negeri mengkaji pelaksanaan *visa on arrival*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan *visa on arrival* yang merupakan kemudahan mendapatkan visa semasa ketibaan di pintu masuk Malaysia dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada warganegara asing dari *Republic of China* dan India sahaja dengan tempoh bagi visa ini ialah tujuh hari bagi setiap kemasukan tanpa sebarang perlanjutan.

VOA ini juga adalah berdasarkan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan iaitu seperti berikut:

- (i) masuk melalui negara ketiga iaitu Singapura, Thailand dan Indonesia sahaja serta mempunyai visa yang sah dari negara berkenaan;
- (ii) kategori pelancong berkeluarga, berkumpulan, pelawat perniagaan dan pelabur adalah diberi keutamaan;
- (iii) mempunyai tiket penerbangan pergi dan balik, *confirm return ticket* dengan izin; dan
- (iv) mempunyai jumlah wang dalam milikannya sekurang-kurangnya USD1,000 atau amaun yang bersamaan dengannya dalam Ringgit Malaysia sebagai menyokong kemampuan menyara keberadaan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pintu masuk yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- (i) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA dan KLIA2);
- (ii) Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang;

■1450

- (iii) Lapangan Terbang Sultan Ismail Senai, Johor Bahru;

- (iv) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah;
- (v) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak; dan
- (vi) Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Melaka. Ada? Ada? Tiada. Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Puncak Borneo, ada. Bertanya sama ada Kementerian Dalam Negeri...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada juga, Yang Berhormat Puncak Borneo pun, juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya ingin bertanya, adakah sebab Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh menjawab kerana soalan yang ditanya ada hubung kaitnya dengan seluruh negara, rakyat ingin tahu. Jadi kalau wakil rakyat bertanya tidak semestinya dia tidak ada dalam Dewan tidak boleh jawab kerana fakta itu penting untuk seluruh rakyat Malaysia. Bagaimana pandangan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat memang penting. Tidak ada diskriminasi oleh mana-mana pihak, okey. Cuma setiap kementerian ikut arahan daripada Yang di-Pertua Dewan adalah 45 minit. Maka apabila Yang Berhormat Menteri menjawab dan Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan, maka keutamaan diberikan kepada ahli yang berada dalam Dewan. Bagaimanapun, sebagai amalan biasa yang tidak sempat jawab, Yang Berhormat Menteri dan Timbalan akan memberikan jawapan bertulis. Sila teruskan, cuma tinggal 18 minit lagi.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas *ruling* yang diberikan tadi. Yang Berhormat Puncak Borneo bertanya, sama ada Kementerian Dalam Negeri ada bercadang, Yang Berhormat Puncak Borneo ada? Dia jalan, tadi ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini semua terpulang kepada budi bicara Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri. Walaupun ahli itu tidak ada dalam Dewan tetapi jika Yang Berhormat Menteri suka jawab, ini budi bicara.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Budi bicara. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Memang ini mengikut peraturan mesyuarat. Ini budi bicara Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Budi bicara boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Okey. Isu kewarganegaraan dan pendaftaran, Yang Berhormat Keningau. Saya suka jawab yang ini kerana Yang Berhormat Keningau ini *my favourite*. [*Dewan riuh*] Oleh sebab dia tidak ada tetapi saya suka jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Teruskan, tiada halangan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tiada halangan. Bertanya mengenai pendatang asing tanpa izin yang mudah untuk mendapatkan kad pengenalan dan diberi pemutihan di Sabah dan pemberian taraf kewarganegaraan dan kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin dari Kepulauan Sulu merupakan satu bentuk pengiktirafan ke atas tuntutan mereka ke atas negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, *even* soalan dia ini pun sebenarnya membangkitkan kemarahan saya selaku Timbalan Menteri. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sabar, sabar jangan marah.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Sebabnya ini merupakan satu tuduhan. Hari ini rakyat Sabah berhadapan dengan masalah kewarganegaraan, masalah orang-orang yang tidak ada dokumen disebabkan oleh kerana Kementerian Dalam Negeri tidak pernah kompromi tentang isu kewarganegaraan. Kalau mereka tidak layak, tidak layak. Akan tetapi ini merupakan satu tuduhan yang diberikan oleh Yang Berhormat Keningau. Saya harap dia berada di sini sebab inilah jawapan yang saya tunggu-tunggu dia tanya tetapi sekali lagi dia tidak datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara, dari bulan Mei 2018 iaitu setelah kita mengambil alih Kerajaan Negeri Sabah sehingga 15 Mac 2019, daripada 4,049 permohonan kewarganegaraan yang diterima di negeri Sabah, hanya sebanyak 243 sijil kewarganegaraan telah dikeluarkan kepada pemohon. Maknanya, satu jumlah yang kecil dan mereka yang memohon ini yang telah diberikan ini kalau Yang Berhormat Keningau ingin tahu apa sebab diberikan, kita boleh berikan kerana mereka pada dasarnya dari segi peraturan, adalah layak untuk menerima sijil kewarganegaraan ini.

Maknanya dengan jumlah yang begitu besar tetapi kelulusan yang kita berikan cukup kecil, ini menampakkan kepada kita bahawa kita cukup serius dan berhati-hati. Hanya mereka yang layak sahaja yang kita berikan kewarganegaraan, khususnya di negeri Sabah. Akan tetapi Yang Berhormat Keningau ini selalu pusing, *spin* sana sini, tuduh kita penternak PTI di negeri Sabah. [*Dewan ketawa*] Yang Berhormat Kinabatangan tahu.

Pengeluaran kad pengenalan oleh Jabatan Pendaftaran Negara adalah berdasarkan kepada ketetapan Akta Pendaftaran Negara 1978 dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990. Setiap permohonan adalah dinilai sewajarnya oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebelum kad pengenalan dikeluarkan. JPN melaksanakan polisi sekurang-kurangnya dua peringkat pengesahan sebelum sesuatu kad pengenalan dikeluarkan dan sekiranya terdapat permohonan yang bermasalah ataupun diragui, siasatan lanjut akan dilaksanakan.

Berkenaan dengan isu pemutihan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, JPN tidak sewenang-wenangnya memberikan kad pengenalan kepada individu yang tidak berkelayakan. Semakan ke atas rekod Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan JPN dari tahun 2013 sehingga 15 Februari 2019, sejumlah 19 kes kerana memiliki MyKad palsu telah didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah di negeri Sabah. Kesalahan ini adalah tertakluk di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Justeru itu, kementerian ini menasihatkan mana-mana individu atau institusi yang meragui ketulenan sesuatu dokumen pengenalan diri untuk merujuk terus kepada Kementerian Dalam Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara bagi tujuan semakan data dan pemeriksaan fizikal dokumen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengenai isu pemberian taraf kewarganegaraan dan kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, bagi individu warga asing, mereka bolehlah mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian ini menegaskan bahawa taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang telah ditawarkan dan tidak diberikan dengan sewenang-wenangnya. Dalam hal ini pemohon mestilah memenuhi kelayakan yang ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan... [Disampuk]

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: ...Dan perundangan berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuat kuasa bagi memastikan kewarganegaraan kepada individu yang berkelayakan, berkualiti dapat memberikan sumbangan signifikan kepada negara serta menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tanpa mengabaikan kepentingan nasional serta keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bahagian III, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi, "*References to a person's parent or one of his parents, are in relation...*" Tunggu-tunggu, sebelum itu. Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan berbunyi, "*References to a person's parent or one of his parents, are in relation to a person who is illegitimate to be construed...*" *I am sorry this is salah, salah.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Pencelahan mestilah padat dan ringkas kerana masa terhad.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini sudah lari. Minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sudah tengok itu *reference* Perlembagaan Persekutuan tetapi soalan saya seperti ini. Jelas bahawa anak di Malaysia, anak-anak muda di Malaysia *the stateless children* menghadapi masalah untuk mendapat kewarganegaraan dan mereka sebenarnya adalah dilahirkan oleh bapa dan emak di Malaysia.

Perlembagaan mengatakan jelas bahawa *the parent, doesn't say mother or father, it says parents*. Akan tetapi oleh kerana *mother*, maka banyak anak-anak muda, anak-anak bayi sebenarnya mengalami masalah untuk mendapat kewarganegaraan dan selalunya kita dapati

bahawa kerajaan menggunakan 15A untuk tolak permohonan mereka untuk menjadi warganegara.

Saya telah menerima banyak *complaint*, aduan sebab sekarang banyak anak-anak muda ini sekarang *are thinking of committing suicide*, Yang Berhormat. Saya telah terima dua tiga aduan daripada Klang mengatakan bahawa anak mereka diperli di sekolah, dimaki di sekolah oleh kerana tidak mempunyai kewarganegaraan. Oleh kerana itu, saya cadang supaya satu polisi yang dibuat demi kepentingan anak-anak muda ini, bayi-bayi ini supaya mereka menjadi warganegara dengan tidak menghadapi masalah.

Kita terima surat daripada KDN mengatakan permohonan ditolak, tolak, tolak tetapi mengapa tolak, tidak tahu. So, ini sebenarnya mengakibatkan kemarahan di antara rakyat. Saya harap sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan apa dasar kerajaan dan adakah dasar kerajaan bercanggah dengan yang telah disebutkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, maafkan saya. Memandangkan ada 10 minit sahaja, perkara yang dibangkitkan oleh saya dan Yang Berhormat Bukit Gelugor, memandangkan Yang Berhormat Pekan pun hadir. Apakah keputusan penyiasatan berkenaan serangan ke atas penuntut-penuntut di luar Universiti Malaya. Perkara yang dibangkitkan oleh saya dan Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Pekan pun hadir. Saya minta penjelasan, kita hendak minta jawab penjelasan. Adakah tindakan diambil orang-orang tertentu termasuk Yang Berhormat Pekan yang duduk di sini? Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

■1500

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Batu Kawan. Sila.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan isu kewarganegaraan kanak-kanak. Seperti yang Yang Berhormat Klang katakan tadi mengikut Perkara 15A sekiranya salah satu ibu bapa itu warganegara Malaysia. Saya ingin bertanya di sini, apakah sebab KDN menolak permohonan untuk mereka menjadi warganegara walaupun mereka lahir di negara Malaysia? *This is according to the Federal Constitution.*

Saya faham ada Akta Pendaftaran Negara, Akta Anak Angkat dan sebagainya. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Klang, apabila surat penolakan permohonan diberi, cadangan untuk rayuan juga terletak dalam surat itu tanpa memberitahu kepada pemohon, apakah dokumen-dokumen yang kurang? Dengan izin, *if you don't tell the applicant, what they need to submit for the application, how do they know what is lacking?* Yang Berhormat Menteri.

Saya rasa benda ini sudah banyak kali dan lama sangat, *you know*. Malang lah kami telah mewarisi isu ini daripada Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Saya harap kita akan ada pendekatan yang lebih positif untuk memberikan kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang lahir di Malaysia kepada salah satu ibu bapa, ibu atau bapa. Saya harap...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tolong, saya minta laluan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ... *We can have a blanket rule.* Kalau tidak, *we are contributing to the problem and not the solution.* Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *Okay, point's taken.* Yang Berhormat Klang isu sama kah?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, tadi saya sudah minta sudah; "... *every person born within the Federation after Malaysia Day...*"

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *Okay, point's taken.* Yang Berhormat Klang. Sudah.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: "... *Are citizen by the operation of the law, if one of his or her parents was at the time of his or her birth, a citizen of Malaysia...*" tadi sudah lari sikit tapi *this is the point I want to make. So why, therefore* anak tiri kan *stateless children* di Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, Yang Berhormat Alor Setar isu sama?

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Ya, ada tambahan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, sila cepat.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Okey Timbalan Menteri, apa yang diceritakan Klang adalah 15(2) salah seorang iaitu *parents* yang kita hendak cadangkan adalah setakat ini untuk mengenal pasti siapa itu ibu bapa, kita hanya guna sijil perkahwinan. Sedangkan kalaulah katakan DNA *test* itu lebih mengesahkan seorang itu sama ada dia ibu bapa. So, apa yang kita cadangkan sekarang adalah tanpa kita membuat pemindaan atas Perlembagaan. Cuma dari segi *administrator*, pentadbiran, kita menganggap contohnya laporan DNA sebagai salah satu bukti untuk mengesahkan dia adalah salah seorang *parent*, maka boleh di bawah 15(2) automatik boleh jadi warganegara. Tidak perlu masuk 15A. Itulah cadangan yang sekurang-kurangnya kita berusaha akan setakat ini terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sekarang boleh jawab. Panjang celahan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Sebenarnya saya suka juga Tuan Yang di-Pertua sebab tinggal tujuh minit. Kalau ada soalan lagi? [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti semua bagi jawapan bertulis. Sila.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Jadi semua bertulis. *Anyway*, terima kasih dengan soalan-soalan tambahan sebentar tadi. Saya tidak ingat sudah sapa-sapa yang bertanya cuma apa yang saya ingat disebutkan tadi. Di dalam Perlembagaan juga ada menyebut Perkara 14 mengatakan bahawa jika ayah kepada warganegara, ibu dia bukan warganegara tetapi sijil perkahwinan tidak didaftarkan, itu yang mengakibatkan anak itu bukan warganegara.

Tapi pun begitu bilamana mereka tidak layak untuk dipertimbangkan kepada Perkara 14, dia akan turun kepada Perkara 15A, di mana itu Yang Berhormat tadi sebutkan salah seorang

daripada ibu bapa mereka perlulah warganegara Malaysia. Namun pemohon itu kenalah membuktikan bahawa dokumen-dokumen pembuktian itu perlulah lengkap untuk pihak Jabatan Pendaftaran Negara mempertimbangkan tentang isu ini. *[Tepuk]*

Jadi maknanya, ini yang saya sebutkan dalam soalan lisan baru-baru ini, saya sebutkan bahawa tanggungjawab untuk membuktikan bahawa anak itu adalah warganegara terletak di bahu keluarga dia, bukan di bahu kerajaan. Kita tidak boleh cari. *[Tepuk]* Itu tanggungjawab ibu bapa.

Jadi berkenaan dengan DNA tadi, ada disebut oleh Yang Berhormat Alor Setar kalau saya tidak silap. Untuk makluman, kita ada berbincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Wanita bersekali dengan saya dan juga pegawai-pegawai kementerian untuk kita membincangkan tentang perkara-perkara yang melibatkan dengan isu DNA ini. Kita akan bincangkan perkara ini ke peringkat kementerian dan kita akan membuat satu cadangan sama ada perlu ada polisi baru tentang penggunaan DNA ini. Tunggulah kita akan bawa ke peringkat itu kerana ia akan diputuskan oleh Kabinet sebagai keputusan dasar.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Isu yang berkait dengan DNA bukan lah isu baru. Ini telah dibincangkan dengan kerajaan yang sudah lama, yang mantan sudah habis. Tapi soalnya sekarang ialah mengapa, *why is it so delay, why delay* sampai dua tahun, lima tahun, 10 tahun. *Why? The constitution* jelas bahawa *as long as the parents are born in Malaysia you have to give them a citizenship*. Jelas? *Where is the confusion?*

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Akan tetapi ada juga disebut di dalam Perlembagaan itu mengatakan bahawa perlulah disertakan dengan pembuktian. Kalau tidak ada bukti yang kukuh mengatakan itu adalah anak dia...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Menteri

Datuk Mohd Azis bin Jamman: ...Sebab apa yang berlaku Yang Berhormat, kita tidak mahu ada penyalahgunaan. *[Dewan riuh]* Ada penyalahgunaan sebab ini banyak berlaku, kes-kes penyalahgunaan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Mereka— sekejap, okey.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila lihat Artikel 15(2). Salah satu *parent* cukup. *That's all* 15(2). Satu lagi Artikel 18 "*The Federal Government may cause any person under the age of 21 years of whose parents one at least is a citizen to be registered...*" Baca itu.

Seorang Ahli: Sokong, sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya faham tadi Yang Berhormat kata 15(2) tetapi adalah kerana mereka belum berdaftar apabila mereka melahirkan anak. Jadi, adakah kerajaan boleh membuat satu pendekatan untuk memberi kewarganegaraan kepada ibu bapa mereka yang telah berdaftar sekarang. Maksudnya mereka, kerana ada banyak yang adik-beradik yang sudah mendaftar, selepas itu adik mereka ada MyKad tetapi yang sebelum ini mereka tidak ada. Jadi mungkin DNA boleh digunakan untuk membuktikan mereka memang anak kepada ibu bapa kandung mereka untuk memberi kewarganegaraan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Itu yang saya sebutkan tadi. Terima kasih soalan tambahan. Itu yang saya sebutkan tadi, di dalam Perlembagaan juga ada menjurus seksyen 17 mengatakan bahawa anak perlu ikut warganegara ibu. Bermakna dia dalam kategori Perkara 14 sebab ini disebut di dalam seksyen 17. Berkenaan dengan DNA *guideline* tadi, saya sudah sebut bahawa kita sekarang ini tengah, sedang melihat dan mengkaji tentang isu penggunaan DNA ini.

Perlu diingat bahawa kalau kita ubah Perlembagaan, dia memerlukan pindaan dua pertiga dalam Dewan untuk kita pinda Perlembagaan ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh dapat penjelasan? *With due respect* dengan hormatnya, Perlembagaan tidak perlu ditukar. Kerajaan ada budi bicara untuk memberikan kerakyatan kepada mereka ini yang dilahir kepada rakyat Malaysia. Jadi, undang-undang itu isu berasingan. Sekarang di bawah undang-undang yang sedia ada, kerajaan memang ada budi bicara. Isunya, sudi kah kerajaan menggunakan budi bicara ini untuk memberikan kerakyatan kepada *stateless children* ini untuk menyelesaikan masalah yang sekarang ini sudah menjadi masalah besar dalam negara kita.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Perlembagaan menyatakan kalau Perlembagaan itu diubah, dia memerlukan suara lebih dua pertiga untuk kita pinda. Saya ingin sebut di sini Bahagian III Perlembagaan, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai ibunya. Dengan itu demikian seksyen 19, jadual itu tidak terpakai sebab itu disebut walau di dalam Perlembagaan menyatakan bahawa dia akan ikut kepada warganegara ibu dia sebab seksyen 17 dan seksyen 19 tidak akan terpakai dalam kes ini. Ini disebut dalam Perlembagaan.

Kita akan bagi maklumat ini secara detil kepada Yang Berhormat. Saya ada satu minit lagi. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Mas Gading ada bertanyakan mengenai tindakan kementerian, ini saya sudah jawab, *sorry*.

Yang Berhormat Rasah, mengenai— satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Sikit* lagi Yang Berhormat, pasal Yang Berhormat Jelutong tanya soalan tadi. Dia tuduh tentang provokasi yang berlaku di Universiti Malaya itu sebagai kumpulan samseng. Akan tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat, ada

satu manusia nama Howard Lee yang menuduh UMNO pengganas. Apakah tindakan yang diambil kepada orang-orang yang celopar dan rasis ini? Termasuk kalau kita lihat, cara tanya soalan kalau menyentuh tentang UMNO, semua orang bangun untuk bertanya soalan.

Akan tetapi kalau kena tentang mereka, untuk maki kepada UMNO, mereka tidak tanya soalan. Yang nombor 1, nombor 2, saya hendak tanya untuk jadi warganegara ada beberapa syarat. Di antara syaratnya ialah...

■1510

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Arau, *you* bukan Menteri lah, duduklah. Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Boleh berbahasa Malaysia.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Kacaulah ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Shut up you!*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Apa ini? Menteri kah ini? Duduk!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei! Hei!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, bila nak berucap, minta kebenaran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Syarat untuk menjadi warganegara ialah boleh berbahasa Malaysia. Bagaimana ramai orang... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, Yang Berhormat Arau, masa sudah tamat. Sila menggulung.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari Sabah, *flight* tiga jam, boleh tambahkan masa sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Ada banyak lagi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya tahu.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Saya tidak tahu, boleh masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebab itu saya kata celahan kenalah padat dan ringkas.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terlampau banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jika tidak, inilah akibatnya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah, Masjid Tanah.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Berapa tambahan masa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya bagi tiga minit.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tiga minit. Yang Berhormat Rasah bertanya mengenai penetapan tempoh standard bagi urusan permohonan kewarganegaraan, pemberian MyKad kepada warga emas yang mempunyai PR, jumlah kelulusan MyKad di Sarawak serta status kes

pelajar cemerlang SPM bernama Chieng Mei Mei yang tiada kad pengenalan. Yang Berhormat Lanang pun bertanya. Minta maaf, saya tertinggal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi peruntukan perundangan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, tempoh masa bagi mendapatkan keputusan sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah berbeza-beza mengikut *case by case* dan tiada satu tempoh tertentu yang ditetapkan untuk satu permohonan kewarganegaraan Malaysia dikeluarkan keputusan.

Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 dan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018, penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang kad pengenalan pemastautin tetap (MyPR) tanpa mengira kaum yang berumur 60 tahun ke atas, kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Pertimbangan permohonan adalah berdasarkan kepada SOP yang telah mengambil kira aspek kemanusiaan secara terperinci daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan sepertimana berikut:

- (i) Memenuhi tempoh kemastautinan yang dikira daripada pemegang MyPR seperti berikut:
 - (a) dua tahun bagi permohonan di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan oleh isteri kepada warganegara Malaysia;
 - (b) tujuh tahun bagi permohonan di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan oleh individu berumur 18 tahun dan ke atas yang mengemukakan sijil kelahiran sebagai bukti dilahirkan di Persekutuan sebelum hari merdeka; atau
 - (c) 12 tahun bagi permohonan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan oleh individu berumur 21 tahun dan ke atas.
- (ii) pengetahuan bahasa Malaysia yang diukur melalui tiga komponen ujian pengetahuan bahasa Melayu iaitu lisan, membaca dan menulis; Dalam hal ini, pemohon berumur 60 tahun dan ke atas diberikan kelonggaran seperti berikut:
 - (a) dikecualikan daripada menjalani komponen membaca dan menulis; dan
 - (b) pertimbangan bagi permohonan yang mendapat gred terendah dalam Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) iaitu lisan, membaca dan menulis;

- (iii) berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh PDRM. Dalam hal ini, pemohon berumur 60 tahun dan ke atas yang gagal tapisan keselamatan masih dipertimbangkan untuk dianugerahkan kewarganegaraan sekiranya kesalahan dilakukan lebih 20 tahun yang lalu dan bukan dalam kategori jenayah berat, jenayah profesional ataupun jenayah terancang.

Tuan Yang di-Pertua, inginkan hati...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi cadangan, sedikit lagi. Boleh?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Cadangan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Cepat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berdasarkan jawapan yang Timbalan Menteri berikan tadi, tidak ada jangka masa untuk memproses permohonan kewarganegaraan. Saya ingin cadangkan satu KPI. Takkanlah pemohon itu tunggu 10 tahun, 20 tahun, sampai dah 108 tahun baru dapat MyKad?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sebelum mati baru dapat.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sebelum mati baru dapat. Jadi saya rasa satu KPI yang boleh ditetapkan oleh KDN yang digunakan oleh pegawai-pegawai. Saya rasa SOP yang digunakan sekarang ini berbeza. Kalau di Perak, senang sedikit. Ada kes yang senang sedikit untuk dapat kewarganegaraan untuk kanak-kanak. Wilayah susah. Jadi, apa yang berlaku dalam KDN ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri? *I think the KPI is the way to go*, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri, *so that we can set our target*. Sekiranya pegawai itu tidak proses dalam jangka masa itu, *then it will be an inquiry, an internal investigation* kenapa pemohon ini selepas 10 tahun, 20 tahun masih lagi tidak diberikan kewarganegaraan. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh juga dapat satu penjelasan terakhir?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan cadangan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Last, last*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri menjawab tentang semua syarat yang diperlukan untuk mendapat kewarganegaraan. Itu kita boleh baca daripada Perlembagaan Persekutuan. Itu sangat jelas.

Yang penting sekarang ialah di bawah Perlembagaan kita, dalam beberapa kategori, kerajaan mempunyai budi bicara. Perkara 14 *by operation of law*, ia secara automatik. Jadi kita sekarang nak tahu, apakah polisi kerajaan berkenaan dengan pemberian kewarganegaraan ini dalam keadaan-keadaan di mana kerajaan ada budi bicara untuk memberikan? Itu isu yang lebih penting yang kita hendak tahu daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah dengan saranan yang telah diberikan tadi. Sebagaimana saya sebut, Kementerian Dalam Negeri perlu buat keputusan ini dengan teliti kerana ia merupakan anugerah tertinggi negara kita untuk memberikan kewarganegaraan. Kita tidak boleh memberikan ia secara sewenang-wenangnya ataupun memberikan kewarganegaraan mengikut...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sokong, sokong.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: So, kita akan teliti perkara ini. Sebab itu saya sebutkan tadi. *In fact*, hari ini Kementerian Dalam Negeri khususnya Bahagian Pendaftaran sedang bekerja keras untuk kita melihat perkara-perkara yang mana membolehkan kita membantu mana-mana yang kita rasakan layak. Ada disebutkan tadi dari segi tempoh masa. Sebagaimana saya sebutkan, bagaimana kita hendak mempercepatkan kalau si pemohon sendiri tidak berupaya memberikan dokumen sebagai bukti bahawa mereka itu layak untuk diberikan? Kalau dokumen tidak lengkap, itu juga di antara faktor yang menyebabkan permohonan mereka itu menjadi lambat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa mencemburui kita, setiap negara berdaulat mempunyai undang-undang untuk mengawal dan memelihara ketenteraman rakyat dan kemakmuran negara. Kementerian Dalam Negeri akan terus komited dan beriltizam untuk memelihara keamanan. Keselamatan dan kesejahteraan rakyat negara menjadi teras utama kementerian ini.

Ombak badai menggulung-gulung,

Diharung gagah dan perkasa,

Hajat hati hendak semua digulung,

Apakan daya dicemburui masa. [Tepuk]

Setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Dalam Negeri. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab pada kali ini, saya akan catat untuk tindakan susulan.

Saya ingin menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XVI. *Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini jawapan yang terbaik, *very good*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Soalan Pontian belum dijawab, harap jawab bertulis dan yang lain-lain pun jawab bertulis.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sepanggar yang menjawab bagi Kementerian Dalam Negeri.

Sukacita saya ingin ingatkan kepada semua, tadi ramai yang bangun kata tak sempat menjawab. Masa hari ini, mengikut Peraturan Mesyuarat, kita ada tujuh kementerian yang akan menggulung dan setakat ini hanya dua kementerian. Ada lima kementerian lagi. Saya berharap di mana Ahli-ahli Yang Berhormat semua bekerjasama.

Sukacita saya ingin ingatkan dua Peraturan Mesyuarat. Pertama, P.M. 24(3), "*Sesuatunya pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah hendak berbahas*". Kedua, P.M. 35(1), "*Seseorang Ahli tidak boleh bercakap melainkan setelah dipanggil oleh Pengerusi*".

Saya memohon kerjasama dari kedua-dua belah pihak supaya Menteri dapat menjawab dengan lancar dan sekiranya tidak puas hati, itu adalah budi bicara Menteri. Tetapi saya rasa semua pihak hendak dengar penggulungan daripada kementerian di mana kedua-dua pihak dapat menjaga tata tertib Dewan yang mulia ini.

Seterusnya saya ingin menjemput Menteri dari Kementerian Kewangan untuk menjawab. Sila, masa 45 minit.

3.09 ptg.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan juga tahniah ke atas Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong semasa Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14 tahun 2019 pada 11 Mac 2019.

Tahniah juga atas lantikan Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baharu. Daripada pihak kerajaan, tentu kami yakin bahawa di bawah kepimpinan Tuanku, Malaysia akan kembali lagi sebagai sebuah 'harimau ekonomi Asia' semula. *[Tepuk]*

■1520

Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat iaitu seramai 121 orang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini dari 12 hingga 25 Mac 2019 yang telah pun menyentuh portfolio Kementerian Kewangan. Semua pandangan teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amatlah dihargai. Izinkan saya memberi penjelasan ke atas perkara yang dibangkitkan yang berkaitan dengan kementerian saya.

Yang Berhormat daripada Jeli minta penerangan mengenai kedudukan kewangan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerangan mengenai kedudukan fiskal negara disampaikan semasa ucapan pembentangan belanjawan pada tahun lepas. Selain itu, laporan terperinci berkenaan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Persekutuan dan sektor awam boleh diperolehi daripada penerbitan rasmi Kementerian Kewangan iaitu Laporan Tinjauan Fiskal dan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan yang turut dibentangkan di Parlimen semasa pembentangan belanjawan tahunan.

Pada bulan Februari dan Mac 2019, Kementerian Kewangan juga telah membentangkan kedudukan kewangan serta hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan terkini kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet. Sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Dewan Rakyat dan dianggotai oleh Ahli Parlimen daripada pihak kerajaan dan pembangkang. Mengikut terma rujukan atau TOR, jawatankuasa tersebut perlu membentangkan penyata jawatankuasa yang mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Di situ tentulah perlu disebutkan bahawa kalau kita lihat dari segi kewangan, kita tidak boleh lari dari kedudukan fiskal yang boleh dikira mencabar. Tidak boleh dinafikan bahawa kerajaan dan negara terpaksa mengalami masalah kerana skandal-skandal yang kita hadapi.

Kalau kita lihat kos yang dialami oleh pihak kerajaan. Skandal 1MDB dan juga syarikat-syarikat berkaitan dengannya melibatkan jumlah yang melebihi RM100 bilion. Di samping itu, institusi-institusi yang bermasalah akan diumumkan melibatkan RM50 bilion. Ini menyebabkan kerajaan menghadapi satu cabaran macam mana mengisi lubang sebesar RM150 bilion. Ini bukanlah sesuatu yang mudah. Akan tetapi kita akan menghadapi cabaran dengan berani kerana ini adalah tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat Malaysia apabila mereka berani menggulingkan Barisan Nasional pada 9 Mei dengan menggantikan sebuah kerajaan baharu supaya dapat menunaikan tanggungjawab dan amanah menyelamatkan negara.

Yang Berhormat dari Pekan contohnya, ada menyentuh berkenaan projek TRX bernilai RM40 bilion yang mengikut beliau adalah projek terbaik di Malaysia. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, projek TRX berkeluasan 70 ekar. Dibangunkan oleh TRX City Sdn. Bhd. yang sebelum ini merupakan anak syarikat 1MDB. Seperti semua projek yang telah gagal dan rugi akibat penyelewengan dan penipuan 1MDB oleh kerajaan Barisan Nasional, TRXC telah menghadapi masalah kewangan untuk menyiapkan pembangunan infrastruktur projek TRX. Ini adalah kerana sebahagian besar dana yang diperoleh melalui pinjaman dan terbitan sukuk untuk projek tersebut telah diselewengkan oleh 1MDB untuk tujuan lain.

Pihak TRX City telah mengesahkan bahawa 1MDB sebelum ini telah menerima sejumlah RM3.69 bilion melalui pinjaman dan daripada kerajaan secara langsung dan tidak langsung bagi tujuan membangunkan TRX dan Bandar Malaysia. Akan tetapi, sejumlah RM1,611 juta dan RM1,456 juta yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan TRX dan Bandar Malaysia masing-masing telah digunakan oleh 1MDB untuk tujuan lain.

Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dana pembangunan TRX dan Bandar Malaysia yang diperoleh melalui pinjaman dan daripada Kementerian Kewangan adalah sebanyak RM3,688 juta. Peruntukan TRX yang diagihkan ke 1MDB adalah RM1,611 juta. Peruntukan Bandar Malaysia yang diagihkan ke 1MDB adalah RM1,456 juta. Di mana kita lihat kerajaan kita biayai RM3,688 juta dan lagi RM3,067 juta diagihkan kepada 1MDB oleh TRX dan Bandar Malaysia.

Justeru itu, bagi menampung kehilangan dana dan akibat penyelewengan oleh 1MDB, Kerajaan Pakatan Harapan terpaksa menyelamatkan projek TRX dan Bandar Malaysia dengan bantuan kewangan masing-masing sebanyak RM2,799 juta dan RM7,044 juta.

Tuan Yang di-Pertua, projek TRX ini memang berpotensi tinggi seperti ekonomi Malaysia dalam menghadapi atau pun merangka mengorak langkah masa depan. Akan tetapi skandal 1MDB Barisan Nasional telah meracunkan projek-projek sebegini dan akibatnya pelabur-pelabur asing telah menjauhkan diri mereka daripada TRX dan Malaysia. Akan tetapi setelah melakukan proses *detoxification*, dengan izin di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, kami telah berjaya memulihkan keyakinan pelabur-pelabur asing ke atas TRX dan Malaysia. Selepas usaha *detox* ini, TRX Exchange kini adalah sebuah projek yang bebas dari rasuah yang mendapat kepercayaan pelabur di dalam dan luar negara.

Empat institusi bank iaitu HSBC, Maybank, Standard Chartered dan Sumitomo Mitsui Banking Corporation yakin terhadap kerajaan baharu dan usaha kita untuk menjalankan detoksifikasi. Sungguh pun ada penglibatan dan kaitan dengan 1MDB, mereka yakin atas langkah-langkah yang diambil sehingga mereka sedia untuk datang melabur dalam TRX dan telah pun menyediakan jumlah sebanyak RM2.15 bilion kepada syarikat usaha sama TRX City dan Lendlease daripada Australia.

Ini saya rasa satu lagi contoh di mana wang rakyat telah digunakan dan disalurkan untuk 1MDB yang melibatkan bukan sahaja Yang Berhormat dari Pekan tetapi juga Jho Low dan Arul Kanda. Apa yang kita sebut ialah pasukan yang sungguh muhibah ini yang telah menjejaskan kedudukan fiskal kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan langkah mengatasi mata wang ringgit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Dakwaan bahawa rizab antarabangsa sedang merudum adalah tidak benar. Kedudukan rizab antarabangsa Bank Negara pada 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM419.5 bilion dan telah meningkat kepada RM424.4 bilion pada 15 Mac 2019. Peningkatan paras rizab antarabangsa ini adalah mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertanggung dan satu kali hutang luar negeri jangka pendek.

Berkaitan kedudukan mata wang negara, sehingga 22 Mac 2019 nilai ringgit telah meningkat sebanyak 1.7 peratus. Manakala nilai mata wang serantau lain telah menyusut antara 0.2 peratus hingga 3.4 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat. Prestasi ringgit juga lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau.

■1530

Nilai ringgit telah mengukuh sebanyak 0.7 peratus berbanding Dolar Singapura dan 1.9 peratus berbanding Peso Filipina bagi tempoh yang sama dan kini dalam kedudukan RM4.0675 untuk setiap Dolar Amerika.

Namun begitu, *volatility* ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikut kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh hal demikian, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan

memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Antara langkah termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan modal tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan pertukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir untuk mengekang aktiviti spekulasi.

Selain itu, bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan kita pun akan menjalankan pelan perniagaan untuk memberikan tumpuan supaya keadaan perniagaan yang stabil dapat juga mengukuhkan nilai mata wang ringgit. Di sini pun saya hendak jawab kepada persoalan tentang bon Samurai, di mana ada ditanya tentang penerbitan bon Samurai di Tokyo iaitu kali pertama dijalankan di Malaysia, di Tokyo selama 30 tahun.

Seperti yang telah pun dimaklumkan, bahawa bon Samurai ini adalah untuk tempoh 10 tahun dengan kadar 0.63 iaitu kadar kupon 0.63. Sungguhpun yang kita tawarkan hanya sebanyak 200 bilion Yen. Akan tetapi yang mendapat langganan adalah sebanyak 324.7 bilion Yen. Ini menunjukkan keyakinan pelabur-pelabur asing ke atas Kerajaan Malaysia, khususnya di bawah pimpinan Yang Berhormat Langkawi.

Di sini kita boleh lihat perbezaan di antara sebuah kerajaan yang bersih di mana bila kita tawarkan penerbitan bon Samurai 200 bilion Yen iaitu kira-kira RM70.3 bilion berbanding dengan apa yang ditawarkan menerusi Goldman Sachs untuk 1MDB sehingga 5.99 peratus...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habis dulu, saya akan bagi. Biar saya habis ini dulu. 5.99 peratus. Itu adalah perbezaan hampir 10 kali ganda. Di sini kita boleh lihat sebuah kerajaan yang komited untuk perangi rasuah, kadar kupon 0.63 berbanding dengan apa yang ditawarkan oleh Goldman Sachs, 5.99 peratus. Saya minta maaf kepada rakan saya daripada Pulau Pinang dulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ada bangkitkan Samurai. Samurai *loan* dulu. Saya ada bangkit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, Yang Berhormat Kepala Batas.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Siapa dulu? Pontian?

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya berkaitan dengan Samurai *bond* sebab Samurai *bond* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu *open rate* ialah 0.63 tetapi Samurai *bond* ini ia *dinominated in Yen* dan *to be subscribed by Japanese investor*.

Saya hendak tanya, apakah ada dalam penerbitan bon ini, *do you perform* apa yang disebut sebagai *cross currency swap*. Ini sebab, kalau ada *cross currency swap* maka secara *effectively*nya dengan mengambil kira bahawa Yen ini merupakan *the most volatile currency*. Dalam tempoh lima, enam tahun yang kebelakangan ini malahan dikatakan dalam tempoh 10

tahun, berkemungkinan *rate* yang dikatakan 0.63 *percent* kalau diambil dengan *cross currency swap*, dengan diambil dengan *volatility currency* akan menjadikan kos itu lebih meningkat.

Ada yang mengatakan sampai ke tiga ke empat *percent*. Ditambahkan pula satu perkara yang mungkin tidak disebut oleh Yang Berhormat Menteri iaitulah *guarantee by JCIB* iaitu sebanyak, kalau tak silap saya satu *percent*.

Jadi, *effectively*, adakah, berapakah kos tersebut? Seandainya ia melebihi daripada empat *percent* maka bukankah lebih *cost effective* kalau dikeluarkan melalui MGS yang biasa kerana MGS sekarang pun *coupon rate* adalah 3.85.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, mengenai Samurai *bond*. Pada permulaan apabila ia diterbitkan, disebut bahawa ia adalah digunakan untuk membayar hutang. Akan tetapi kemudian disebut bahawa digunakan untuk pembangunan. Bon ini adalah hutang, semua orang tahu, semua Ahli Yang Berhormat tahu bahawa bon ini adalah hutang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kita kelihatan menambah hutang, sedangkan ketika mengambil alih konon hendak mengurangkan hutang.

Tolong betulkan kalau angka saya ini silap. Sehingga Mac 2018, hutang rasmi kerajaan meningkat kepada RM768.8 bilion dan ia meningkat RM82.8 bilion daripada hutang rasmi RM686 bilion pada 2017.

Jadi hasrat kerajaan Pakatan Harapan untuk menurunkan hutang ini adalah omong-omong kosong, hanya cerita propaganda di luar. Sebenarnya hutang bukan berkurang malahan bertambah. Ini adalah angka-angka yang saya perolehi. Mohon penjelasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti. Sebelum Menteri menjawab, tadi saya sudah ingatkan kepada semua, masa semua Menteri sama. Soalan panjang jawapan pendek, jawapan pendek soalan panjang. Itu terpulang kepada Yang Berhormat. Nanti Menteri tidak sempat jawab, jangan marah pula. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Yang di-Pertua. Saya juga membangkitkan perkara Samurai *bond* ini, di mana saya memberitahu dalam perbincangan dan Menteri ada di sini.

Kita kena melihat secara keseluruhan hubungan kita dengan Jepun. Dia mungkin beri pada kadar yang rendah *interestnya*, *you get the low interest rate but at the same time* dengan izin, *they got other things to do* yang boleh mendapatkan pulangan balik kepada penglibatan dia di dalam negara kita ini. *One hand* dia bagi, *the other hand* dia tarik.

Sebagai contoh, IHH telah dijual kepada Mitsui, berapa bilion? *You know what will be the benefit, the return to the involvement in that and although other projects they are looking into it?*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih. Sila Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, daripada Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kepala Batas.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Yang Berhormat daripada Pontian yang selalu mencelah.

Di sini saya hendak jawab dulu Yang Berhormat Kepala Batas bahawa kos sepenuhnya Samurai *bond* adalah 0.63 termasuk kos insurans daripada JBIC. Kos insurans daripada JBIC bukan satu peratus, Yang Berhormat silap. Kos insurans ialah 0.1 peratus. Bermakna kadar kupon adalah 0.53 campur kos insurans 0.1 menjadi kos sepenuhnya 0.63 peratus.

So, saya berharap Yang Berhormat jelas. Ini kita cakap faktalah. Kita bukan berpolemik di sini, terima kasih. Kalau kita lihat dari segi kosnya, saya memang setuju bahawa kita pun kena kira selepas *swap*. Ya, kalau selepas *swap* ia hampir sama dengan MGS, empat peratus. Akan tetapi sekiranya kita bandingkan dengan Goldman Sachs yang telah pun menerbitkan 1.75 bilion, semua sekali enam peruluhan bilion USD bon.

■1540

Dengan kadar 5.99 peratus, USD1.75 bilion, kadar 5.99 peratus. Itu sebelum *swap*. Kalau tambah *swap*, hampir 10 peratus. Mengapakah Yang Berhormat tidak mempersoalkan perkara ini? Ini kerana ini lagi serius di mana ia menyebabkan bukan sahaja kerugian, tetapi kesengsaraan kepada Malaysia kerana ini akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia, yang kita terpaksa bayar setiap tahun.

So, itulah perkara yang kita kena hadapi. Kalau kita sebut tentang bon Samurai, ya kita menghadapi risiko kenaikan nilai mata wang Yen. Akan tetapi pada masa yang sama, Yang Berhormat Kepala Batas juga kena yakin bahawa nilai mata wang ringgit pun boleh naik di bawah pimpinan Pakatan Harapan. [*Tepuk*] Kita telah lihat bahawa ia telah naik kepada RM4.0675 kalau berbanding dengan dahulu. Ya, kita faham ini adalah...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Akan tetapi, *historically Blumberg* melaporkan...

Tuan Lim Guan Eng: Biar saya habis dahulu. Biar saya habis dahulu.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: ...*For the last ten years, we have been...*

Tuan Lim Guan Eng: No, biar saya habis dahulu. Saya tahu apa Yang Berhormat sebut tadi. Saya faham, saya akan jawab. So kalau kita lihat dalam tempoh ini, 2 tahun kita jangan ingat hanya nilai mata wang yen naik. Nilai mata wang ringgit pun boleh naik dan kita yakin akan naik. Sekiranya kira lihat dalam tempoh 10 tahun, ini memberikan kita sedikit ruang supaya dapat menguruskan risiko yang timbul. Sekiranya kita lihat dari segi nilai mata wang yen pada tahun 80-an, di mana kita buat pinjaman yang awal. Di bawah Accord Plaza atau *Plaza Accord* yang dipaksa ke atas negara Jepun oleh negara Amerika Syarikat. Kita lihat nilai mata wang yen naik dua kali sampai tiga kali ganda dan ini menyebabkan semua pinjaman yang kita ambil di bawah yen, kita boleh sebut meletup. Tambah melambung tinggi sahaja yang menyebabkan pinjaman yang kita ambil jauh lebih besar.

Akan tetapi dalam keadaan sekarang, kita boleh lihat tidak mungkin Plaza Accord akan berulang. Pada masa yang sama, kita lihat dari segi tawaran-tawaran yang dibuat oleh negara

Jepun adalah munasabah. Dalam tempoh 10 tahun, ini jarang sekali, 0.63 *full cost* untuk bukan lima tahun. Tempoh lima tahun okey, itu biasa. Akan tetapi 10 tahun, ini jarang diberikan. Saya rasa itu adalah satu keistimewaan, satu tanda keyakinan ke atas pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada Langkawi. *[Tepuk]*

Kita akan gunakan wang ini untuk projek infrastruktur supaya dapat bebaskan sumber yang kita ada untuk membayar hutang. Itulah di bawah terma-terma. Terma-terma pinjaman kita mesti jelaskan apakah ia digunakan. Ia kita gunakan untuk projek-projek infrastruktur seperti yang saya sebutkan. Saya sekali hendak sebut di sini, buatlah perbandingan, perbandingan tentang bon USD yang diterbitkan menerusi Goldman Sachs, sampai enam peratus berbanding dengan kadar kupon 0.63 peratus. Itulah perbandingan di antara Pakatan Harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi dengan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Berhormat Pekan. So, di sini saya ingin tegaskan...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sungguhpun Yang Berhormat tidak beri jalan bila beliau berucap, saya akan bagi jalan kepada beliau. *[Tepuk]*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Saya tidak bagi laluan sebab masa singkat.

Tuan Lim Guan Eng: Sama, saya masa pun singkat. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Mengikut laporan rasmi Bank Negara Malaysia, jumlah hutang kerajaan telah meningkat sebanyak RM87.1 bilion kepada RM773.1 bilion pada hari ini berbanding RM686 bilion pada akhir 2017. Ini Yang Berhormat, angka rasmi Bank Negara Malaysia. Setakat ini saya semak buku Bank Negara, tidak jumpa RM1 trilion Yang Berhormat ya. Memandangkan Kerajaan PH masih membuat unjuran akan mengalami defisit belanjawan tahun-tahun hingga tahun 2022, boleh tidak Yang Berhormat bayangkan andaian hutang negara pada tahun-tahun mendatang? Apakah agaknya jumlah penambahan yang akan berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih daripada Yang Berhormat Pekan. Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan sejak mengambil tampuk pemerintahan pada 9 Mei, tidak menjalankan apa-apa projek mega. Sebarang pinjaman yang kita buat dan ambil adalah hasil atau ekoran daripada projek-projek pembangunan yang telah pun dirangka sebelum ini. Kita teruskan projek-projek pembangunan di bawah Belanjawan 2018.

Bila kita jadi kerajaan 9 Mei, kerajaan mestilah mengikut Belanjawan 2018 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun lepas. Kita jalankan projek-projek yang diluluskan tetapi dengan syarat, kita mahu ia dijalankan secara bersih. Kalau boleh buat secara tender terbuka, kalau boleh kita kurangkan harga dan kita pun telah berjaya kurangkan harga. Kesemua ini perlukan sumber kewangan. Ini adalah untuk meneruskan projek-projek yang telah diluluskan oleh Parlimen di bawah pimpinan beliau. So, kita tidak buat yang lebih daripada itu...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya rasa Yang Berhormat tidak menjawab soalan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habiskan dahulu. Saya habiskan dahulu. Saya hendak jawab...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: So di sini...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, Tumpat.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, nanti, saya habiskan dahulu. So, ini penting. So, bila kita lihat angka rasmi dari Bank Negara, ini adalah tambahan untuk meneruskan projek-projek yang telah diluluskan di mana kita telah berjaya untuk kurangkan harga. Kalau kita tidak kurangkan harga, mungkin lebih daripada apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat daripada Pekan. Tentang itu angka rasmi, itu ialah saya sebut memang liciklah pentadbiran lama. Memang licik betul. Mengapa? Ini kerana kita tahu 1MDB hutangnya begitu besar, tidak termasuk dalam angka rasmi hutang kerajaan. Semua dia buat secara *off-balance sheet*. Itulah kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat daripada Pekan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bank Negara pun tidak boleh percaya?

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak. Sila duduk. Hendak berucap, minta kebenaran.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bank Negara.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini *off-balance sheet* Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan semua faham. Ini *off-balance sheet* di mana...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habis, saya bagi Yang Berhormat Pekan. Duduk dahulu, duduk dahulu, sila. Bila ia *off-balance sheet*, itu adalah jaminan. Ia terpaksa juga dibayar oleh pihak kerajaan, sungguhpun itu tidak dipinjam secara langsung oleh Kerajaan Malaysia. Bila kita sebagai penjamin, macam 1MDB, penjamin! Kita terpaksa buat bayaran, sungguhpun kita bukanlah peminjam utama. Saya rasa semua pernah jadi penjamin. Kalau peminjam utama tidak boleh bayar, penjamin kena bayar. Itu semua boleh faham. Itu sama juga dengan apa yang berlaku di Malaysia, di mana ia tidak termasuk dalam angka rasmi, tetapi disembunyikan dalam *off-balance sheet*. So, itulah yang berlaku. Sila Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bank Negara. Hutang mana yang disorokkan ini? Hutang mana?

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Yang Berhormat Menteri Kewangan kata kita menyembunyikan fakta. Bank Negara Malaysia gunakan *universal criteria*. *Off-balance sheet guarantee* kerajaan tidak termasuk dalam hutang kerajaan. Tidak ada mana negara pun melakukan perkara ini. Yang Berhormat jangan memberi gambaran yang boleh mengelirukan fakta yang sebenarnya. Kalau sebut tentang 1MDB, dia ada aset.

■1550

Dia ada tanah, dia ada Bandar Malaysia, dia ada *high peak settlements* yang boleh menyelesaikan hutang 1MDB. Saya tak nak Yang Berhormat asyik sebut 1MDB sahaja. Tolong uruskan negara kita dengan baik. *[Tepuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Pekan, kita akan uruskan kewangan negara sebaik yang boleh sungguhpun dibebani oleh 1MDB. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat kena faham, oleh kerana dalam angka rasmi tidak sebut tentang liabiliti *guarantee* (jaminan), itulah digunakan sebagai peluang untuk menyorok. *[Dewan riuh]* Hal ini kerana jaminan kerajaan tidak dimasukkan. *[Disampuk]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu tidak betul, menyorok itu. *We cannot accept that.*

Tuan Lim Guan Eng: Oleh itu, apabila berlakunya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tidak boleh terima! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, ini sudah teguran kali ketiga. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang sorok? Siapa yang sorok?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila hormat diri. Jika hendak bertanya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, jangan ulang balik. *I was... [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tolong tanya soalan. Sila duduk. Sila duduk okey. *[Pembesar suara dimatikan]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, jangan sampai kita tegur lagi. Hormat Dewan ini. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* You boleh tegur... *[Dewan riuh]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar mohon mencelah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini sikap... *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Rakyat sudah tahu, Kerajaan Pakatan Harapan yang menipu. Betul atau tidak? *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salak. Ini adalah teladan yang cukup dan tidak harus kita amalkan dalam Dewan yang mulia ini. *[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]* Sesiapa...

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan teruskan, tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya akan bagi peluang sekiranya ditanya dengan baik. Akan tetapi, bukan teriak-teriak macam itu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya, masa *pun* sudah habis. Akan tetapi, saya akan bagi peluang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau, Kuala Krau.

Tuan Lim Guan Eng: Sebelum saya berikan peluang terakhir tentang isu ini kepada Yang Berhormat daripada Rembau, *kan?*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Rembau.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, Rembau. Saya hendak sebut di sini, bahawa Yang Berhormat daripada Pekan, kena akui bahawa skandal 1MDB memang adalah satu skandal yang terbesar di dunia. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan lari dan Kerajaan Malaysia terpaksa menanggung beban. Bayaran yang dibuat sebagai penjamin. Itu kenyataan.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau Yang Berhormat tidak mahu akui ini, tolong Yang Berhormat bayar untuk Kerajaan Malaysia. Boleh atau tidak? *Let me send you, let me send you, the invoice and the voucher.* Kalau Yang Berhormat masih tidak percaya. Berbilion kita kena bayar! *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini apa punya cadangan bodoh ini? *[Dewan riuh]*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Tidak jelas]* Tidak malu.

Tuan Lim Guan Eng: Sehingga Yang Berhormat Rembau sendiri pun akui, di televisyen bahawa wang rakyat Malaysia, 1MDB rompak! Itu yang beliau sebut. Silakan, Yang Berhormat Rembau.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kalau Yang Berhormat Menteri Kewangan menggunakan logik bahawa semua liabiliti adalah hutang, oleh yang demikian hutang kita adalah lebih daripada RM1 trilion. Hal ini bermaksud dalam pendekatan *accrual accounting*, kita lihat kepada aset dan liabiliti.

Maka, dalam logik yang sama, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan itu tidak salah. Apabila kita lihat kepada 1MDB, tidak hanya melihat kepada liabiliti tetapi mesti lihat kepada aset juga. Selepas itu, kita dapat gambaran yang sebenar berkenaan dengan 1MDB.

Akan tetapi, saya hendak sebut di sini tentang jaminan Yang Berhormat sebut kerajaan perlu bayar. Daripada RM1 trilion Yang Berhormat selalu sebut, sebenarnya hutang bersih 1MDB daripada kerajaan, angka kerajaan adalah RM38.3 bilion dan itu perlu diimbangi dengan aset. Itu 1MDB sahaja. Seolah-olah Yang Berhormat mengatakan hutang RM1 trilion ini adalah segala-galanya jaminan 1MDB.

Sebenarnya, sebahagian besar daripada jaminan yang perlu ditanggung kerajaan, RM117 bilion adalah berkenaan dengan projek-projek pembangunan yang lain dan ini perlu diperincikan. *It's not 1MDB*. Sebagai contoh, *Pan Borneo Highway* yang dibina untuk Sabah dan Sarawak, tanpa tol diterbitkan melalui jaminan kerajaan dan ini adalah projek pembangunan. Ini bukan skandal. *It is a Pan Borneo Highway for Sabah and Sarawak. This is a committed government guarantee. One of it is Pan Borneo Highway. [Tepuk] What else? MRT. What else? [Dewan riuh]*

Tuan Lim Guan Eng: Sudah, sudah. Saya faham.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: LRT. *What else?* LRT3, ya. Jadi Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: Saya faham maksud Yang Berhormat Rembau. Saya faham, saya faham. Saya tidak ada masa.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, no*, Yang Berhormat *listen*.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk. Saya faham, saya faham.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jangan sebut... *[Dewan riuh]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bagilah Yang Berhormat Rembau.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bahawa semua jaminan kerajaan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Dengarlah dulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Cukup, cukup.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Adalah berkenaan dengan 1MDB *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, bukan. Dengan ini, siapa saya hendak dengar ini? *[Dewan riuh]* Betul atau tidak? Sini hendak cakap, sana hendak cakap, siapa kita hendak dengar? *[Dewan riuh]* Boleh tanya. Selepas bertanya, Yang Berhormat Menteri jawab. Ikut giliran. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Tanjong Karang, tidak payah tunjuk jaguh. Duduk, duduk! Tidak payah tunjuk jaguh. Sila duduk!

Sekarang peluang untuk Yang Berhormat Rembau bertanya. *[Dewan riuh]* Jika tak nak dengar, boleh pergi keluar! *[Dewan riuh]* Silakan Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau hendak tanya lagi? *[Dewan riuh]* Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Rembau

untuk bertanya. Okey, Yang Berhormat Rembau tak nak tanya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Saya faham maksud yang dibawa oleh Yang Berhormat Rembau. Kita tidak ambil kira semua jaminan yang dibuat oleh kerajaan hanya yang... *[Disampuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *But your narrative is entirely about 1MDB.*

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak bagi, saya tidak bagi. Duduk, duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *That's a problem. You must be honest.*

Tuan Lim Guan Eng: Saya hanya... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rembau dengar juga. Dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Rembau tadi sudah tanya. Akan tetapi hendak tanya, tak nak dengar, mana boleh. Bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri menjawab. Hormat Dewan. Boleh? Okey. *[Dewan riuh]* Saya minta Yang Berhormat Rembau sabar dan duduk. Kita dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Ini adalah tujuan kita adakan sesi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri. *[Dewan riuh]* Okey, terima kasih. Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Itu untuk mereka yang mahu mendengarnya. Saya tidak ambil kira semua *guarantee*, semua jaminan oleh kerajaan untuk semua projek. *Pan Borneo Highway* tidak diambil kira.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau... *[Tidak jelas] item, macam mana hendak membina Pan Borneo Highway?*

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah, duduk.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Hendak tunggu konvensional pembangunan...

Tuan Lim Guan Eng: Pan Borneo Highway tidak diambil kira kerana ia bukanlah...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak ada duit hendak bina.. *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rembau. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Rembau, kamu hendak dengar atau tidak? Sudah tanya, biarlah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan dahulu. Bagi peluang untuk Yang Berhormat Menteri jelaskan. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Guan Eng: Itu yang menjadi masalah Yang Berhormat Rembau. Awalnya, dia cakap itu satu wang yang dirompak, 1MDB rompak. Sekarang pula cakap lain. Tengoklah video, TV. Saya tidak bagi jalan. *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita ambil kira jaminan yang jadi masalah, di mana kalau kita boleh gunakan istilah ini *crystallize*. Akan

tetapi, bukanlah semua jaminan yang tidak jadi masalah tetapi itu tidak mahu diakui oleh pihak pembangkang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jaminan yang terpaksa dibayar...
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Lim Guan Eng: Sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rembau, sudahlah. Yang Berhormat Rembau sudah berapa kali, sudah bertanya tetapi tidak hendak mendengar. Ini memang sengaja alasan. [Dewan riuh]

Tuan Lim Guan Eng: Retimelah kalau macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya cuma layan pembangkang. Akan tetapi, nampaknya pembangkang tidak menghargainya, sudah.

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Yang Berhormat tipu.

Tuan Lim Guan Eng: Ini adalah sesuatu kenyataan yang kita hadapi. [Dewan riuh] Yang mana Yang Berhormat Pekan telah menyebabkan keadaan fiskal kewangan yang begitu runcing. Tadi, sebelum ini Yang Berhormat *pun* ada menyebut. Yang Berhormat *pun* ada sebut tentang...
[Disampuk]

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Tidak jelas] Saya menyebabkan keadaan fiskal runcing. Di bawah pentadbiran saya, yang defisit menurun setiap tahun! Menurun! [Dewan riuh] [Tidak jelas]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Sebab hutang disembunyikan. Sebab hutang disembunyikan. Tahu tidak? Sorok semua. [Dewan riuh] [Tidak jelas]

Tuan Lim Guan Eng: Akhirnya... [Dewan riuh] [Tidak jelas]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sembilan tahun, sembilan tahun. [Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya tidak berminat untuk mendengar... [Dewan riuh] Okey, cukup, sudah cukup. [Dewan riuh]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat langgar peraturan, boleh? [Dewan riuh]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sembilan... [Pembesar suara dimatikan]

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, sana kah?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sembilan tahun naik 20 peratus... [Tidak jelas]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: [Tidak jelas] Yang Berhormat yang buat, Yang Berhormat yang buat. Dia yang menipu. [Dewan riuh]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Barisan Nasional semua curi wang, masih sokong lagi... [Tidak jelas] [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, semua duduk. Semua duduk saya kata! [Dewan riuh] Saya kata semua duduk termasuk Yang Berhormat

Menteri juga. Yang Berhormat Menteri dipersilakan duduk. Tengok, Yang Berhormat Menteri sudah hormat kepada Tuan Yang di-Pertua, yang lain mana lagi? Sila, Yang Berhormat Menteri pun sudah duduk, yang lain silakan duduk. *[Dewan riuh]* Ahli Yang Berhormat, sila duduk semua. *[Dewan riuh]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Ini semua barisan penyokong... *[Tidak jelas]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: You yang penipu Yang Berhormat Damansara! *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Ho! *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya kata semua duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang adalah sesi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri.

■1600

Kita hanya ada 45 minit, sekarang tengok hanya tinggal empat minit sahaja. Apa yang berlaku kepada...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak guna jawablah, tidak guna jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Sekiranya semua Ahli Yang Berhormat menjaga tata...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ada laporan Bank Negara pun tidak boleh terima...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tidak payah jawablah, suruh Yang Berhormat Damansara jawab.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Jangan bangunlah.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesiapa yang tidak suka dengar ataupun tak nak dengar, boleh keluar Dewan tidak payah duduk sini untuk membazir masa. Menteri hendak menjawab tetapi pembangkang tidak hendak dengar, macam mana? Ini sengaja, jelas. Menteri nak jawab tetapi pembangkang tak nak dengar. Sekarang ini menimbulkan lagi huru-hara dalam Dewan. Sekiranya tidak suka dengar atau tidak sudi dengar boleh keluar Dewan. Tidak ada orang paksa duduk dalam Dewan. Akan tetapi tak nak dengar, macam mana kita hendak mempengerusikan Dewan Rakyat ini?

Ya, Ahli Yang Berhormat, sila menjawab.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Damansara yang buat kacau, Yang Berhormat Damansara yang buat hal.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hendak mohon sedikit. Boleh Kangar hendak mohon sedikit laluan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Oleh sebab kesuntukan masa, saya tidak membenarkan siapa-siapa mencelah.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Mana boleh, mana boleh.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar hendak minta laluan. Kangar kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tidak akan, saya telah beri...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar menyokong kerajaan pun tidak dapat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau, Kuala Krau.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Memandangkan keadaan yang sedemikian, saya tidak membenarkan siapa-siapa mencelah. Yang Berhormat Menteri teruskan menjawab.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat janji, janji hendak beri kepada Tumpat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak payah jawablah, tidak payah jawab. Tidak boleh mencelah, tidak payah menjawablah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Janji tadi hendak beri kepada Tumpat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau tidak boleh mencelah, tidak payah jawablah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Janji kepada Tumpat tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Saya telah berikan peluang kepada pihak pembangkang tetapi mereka hanya hendak membuat bising sahaja untuk tutup...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar menyokong kerajaan, boleh dapat tidak?

Tuan Lim Guan Eng: ...Untuk tutup mereka punya kegagalan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak ada *class* Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: ...Tetapi biarlah. Kita akan terus uruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kangar duduk. Tidak ada pencelahan lagi.

Tuan Lim Guan Eng: ...Uruskan hutang yang mereka sebabkan untuk rakyat Malaysia. Itu adalah sesuatu yang penting.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin juga menyatakan bahawa...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: ...Yang Berhormat Pekan selalu suka menyimpang daripada kebenaran. Baru-baru ini, saya lihat, saya baca dalam surat khabar dan ini saya rasa Yang Berhormat menyatakan mengapa hendak jual hartanah yang dimiliki oleh Konsulat Malaysia di Hong Kong. Beliau membantah penjualan konsulat di Hong Kong. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Pekan, keputusan menjual konsulat di Hong Kong dibuat oleh beliau

sendiri semasa pentadbiran Barisan Nasional. Surat tawaran dikeluarkan oleh beliau kerana kos pembaikan adalah RM300 juta. Oleh sebab itu, keputusan dibuat oleh beliau sebelum 9 Mei adalah untuk menjual pejabat konsulat di Hong Kong.

Akan tetapi keputusan yang dibuat adalah *direct nego*. *Direct nego* dengan harga RM1.1 bilion. Apabila pihak kerajaan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ubah suai yang New York macam mana?

Tuan Lim Guan Eng: ...Mengambil tampuk pemerintahan oleh Pakatan Harapan, kita mengkaji bahawa mengikut kepentingan negara tidak harus dibuat secara *direct nego* tetapi secara tender terbuka.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Eh! Bagilah peluang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bagilah. Bagilah peluang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Bagan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bagilah peluang, bagilah peluang.

Tuan Lim Guan Eng: ...Dan kita ada. Sudah, sudah habis

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Heh! Jawab.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bagilah peluang.

Tuan Lim Guan Eng: ...Bagi saya habis dahulu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bagilah peluang. Jangan takut, bagilah peluang. Bagilah, janganlah takut.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Menteri, Bagilah.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Menteri takut, takut, takut.

Tuan Lim Guan Eng: Apabila kita melahirkan... untuk buat...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bagilah Yang Berhormat Pekan, bagilah Yang Berhormat Pekan apa salahnya

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pekan tidak bangun sendiri kerana dia takutkah macam mana.

Tuan Lim Guan Eng: ...Secara tender terbuka.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bagilah Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Maka kita ada terima tawaran secara bertulis...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Saya hendak tanya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bagilah Yang Berhormat Pekan.

Tuan Lim Guan Eng: ...Untuk menyelia dengan sekurang-kurangnya satu perpuluhan...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: ...Projek terowong di Pulau Pinang itu ada tender terbuka kah tidak?

Tuan Lim Guan Eng: ...Satu perpuluhan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Projek terowong, projek terowong, projek terowong, terbuka tidak?

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terowong, terowong.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Guan Eng: ...Dan kita ada terima tawaran apabila kita hendak menjual secara tender terbuka.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terowong, terowong.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pekan mengakulah itu.

Tuan Lim Guan Eng: Bahawa ada tawaran untuk menjual...

Tuan Su Keong Siong [Kampar] Yang Berhormat Pekan sudah mengaku.

Tuan Lim Guan Eng: ... RM1.6 bilion. RM1.6 bilion.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pekan mengaku.

Tuan Lim Guan Eng: ...Iaitu RM500 juta lebih tinggi daripada apa yang dipersetujui...

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Terowong...

Tuan Lim Guan Eng: ...Oleh Barisan Nasional. Itulah taktik parti pembangkang yang sudah membelakangkan kebenaran.

[Dewan riuh]

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Pekan bohong.

Tuan Lim Guan Eng: Barisan Nasional yang jual secara *direct nego*...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terowong- Yang Berhormat Pekan tipu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Ish! Ish! Ish!*

Tuan Lim Guan Eng: ...RM1.1 bilion. Akan tetapi mereka menyalahkan Kerajaan Pakatan Harapan. Apabila kita sudah buat...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Ish! Ish! Ish!*

Tuan Lim Guan Eng: ...Secara tender terbuka, tawaran yang kita terima sampai RM1.6 bilion, kita akan buat secara tender terbuka dengan *rizab price* dan kita tengok apakah harga yang boleh diterima oleh rakyat Malaysia. Sekurang-kurangnya RM500 juta.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Speaker, masa sudah habis. Masa sudah habis Speaker.

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap Yang Berhormat Pekan boleh mengakui kesilapan yang beliau buat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terowong, terowong.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau beliau masih hendak menyalahkan orang lain atas kesilapan beliau, ini bukan sahaja menunjukkan beliau tidak bertanggungjawab tetapi pembangkang juga tidak bertanggungjawab...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong mana? Terowong, terowong.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kerana membela sesuatu keputusan yang tidak betul.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Ish! Ish! Ish!*

Tuan Lim Guan Eng: Sistem tender terbuka adalah jalan yang paling baik...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terowong, terowong.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kaedah yang paling baik untuk mendapat harga yang paling lumayan untuk kerajaan dan rakyat Malaysia. So, di sini sekali lagi saya harap Yang Berhormat Pekan tolong ingat apa yang anda buat semasa anda menjadi Perdana Menteri Malaysia. Janganlah cuba untuk membelakangkan fakta kerana ini adalah keputusan anda sendiri. Apabila kita lihat *direct nego* tidak harus dijalankan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Tunggu kita menang PRU-15. Kau tahulah.

Tuan Lim Guan Eng: ...Harus dilakukan dengan tender terbuka. Maka pihak Kerajaan Pakatan Harapan membatalkan atas kepentingan nasional. Penjualan secara *direct nego* dan buat secara tender terbuka, di mana ada tawaran untuk membeli dengan harga RM1.6 bilion. Saya rela untuk memberikan peluang kepada Yang Berhormat Pekan untuk menjawab perkara ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat daripada Pekan sila.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Jawab, jawab terowong dahulu. Cerita terowong itu jawab dahulu.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat Pekan mengakui kah?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Ini mengakui kah? Orang tanya jawab lain. Tidak ada malu kah?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Hei! Jawab dahulu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hei! Jangan malu hendak mengaku? Malu apa Bosku?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Banglo, terowong jawab dahulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri...

[Dewan riuh]

Tuan Lim Guan Eng: ...Yang Berhormat daripada Pekan untuk menjawab.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri, jawab terowong, jawab terowong.

Tuan Lim Guan Eng: Jawab, tidak mahu jawab? Itulah, itulah sikap...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Malu apa Bosku?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jawablah terowong dahulu.

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pekan, malulah Yang Berhormat Pekan.

Tuan Lim Guan Eng: Yang telah...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Jawablah terowong.

Tuan Lim Guan Eng: Yang telah hilang asas...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, jawab terowong itu.

Tuan Lim Guan Eng: ...Prinsip kebenarannya. So, di sini saya harap juga sekiranya hendak serang Kerajaan Pakatan Harapan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Menteri, Menteri.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, jawablah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: ...Biarlah berdasarkan fakta bukanlah berdasarkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Rakyat tidak diterima sudah, rakyat sudah tolak.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Jawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Rakyat sudah tolak.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, jawab. Yang Berhormat Menteri menjawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: ...Dijalankan oleh seorang mantan Perdana Menteri. So, di sini...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri yang patut jawab.

Tuan Lim Guan Eng: ...Saya hendak berikan peluang terakhir.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Jawab Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Berikan peluang terakhir kepada Yang Berhormat Pekan. Adakah anda hendak menjawab tentang perkara ini?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak terlibat dalam keputusan ini. Biar Yang Berhormat...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya...

Tuan Lim Guan Eng: ...Pekan menjawab kerana ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ada persoalan yang...

Tuan Lim Guan Eng: ...Dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pekan.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri jawab Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, saya bangkit ini kerana ada beberapa persoalan...

Tuan Lim Guan Eng: ...Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pekan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Yang belum dijawab oleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sila duduk ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Antara yang saya bangkitkan adalah terowong.

Tuan Lim Guan Eng: Ini laluan saya, sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bera, ini tidak berkaitan dengan Yang Berhormat Bera. Cuma sekarang Yang Berhormat Pekan hendak menjawab atau tidak? Jika tidak, Menteri menggulung. Senang sahaja.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, jika Yang Berhormat Pekan tidak hendak menjawab di mana ya sekarang Yang Berhormat Menteri memberi peluang kepada Yang Berhormat Pekan menjawab. Jika Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Pekan ada kebebasan dan budi bicara tidak menjawab. Maka tidak menjawab maka Yang Berhormat Menteri boleh menggulung. Masa pun sudah tamat. Saya bagi lagi. Sila untuk menggulung Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan.

Tuan Lim Guan Eng: Mengapa Yang Berhormat Pekan takut sangat?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jawablah Yang Berhormat Bagan. Jawablah terowong.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Termasuk terowong, terowong. Takut sama terowong. Takut sangat...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jawablah Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng: Anda yang bangkit, anda sekarang begitu takut. Adakah anda sudah lupa keputusan yang anda buat?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]: Terowong tidak jawab lagi, jangan hendak cakap besar. Jawab fasal terowong dahulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Hah! Jawab.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Jawab terowong itu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jawab Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Nota terowong itu jawab, jawab.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat Menteri, semua sudah jelas. Sila menggulung.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak gulung. Berapa minit saya boleh dapat Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, skandal terowong lagi besar. Jawab Yang Berhormat Menteri, jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, tadi Kementerian Dalam Negeri saya bagi tiga minit, Kementerian Kewangan sama juga, tiga minit tambahan.

Tuan Lim Guan Eng: Okey, baik tiga minit juga.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Boleh saya...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu soalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tiga minit jawab terowong.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat, satu soalan Yang Berhormat Bagan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Lim Guan Eng: Saya bagi kepada Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Setujukah...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bagilah Kuala Krau. Kuala Krau satu soalan. Kuala Krau satu soalan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Lain kalilah Yang Berhormat Kuala Krau.

■1610

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Setujukah Yang Berhormat Menteri Kewangan, bahawa pihak-pihak yang mengatakan terowong tidak ada *open tender* adalah pihak-pihak yang bodoh?

Seorang Ahli: Setuju!

[Dewan riuh]

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Tarik balik. Bodoh tarik balik!

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak jangan sensitif sangat. Siapa makan cili baru dia rasa pedas. Yang Berhormat Tanjong tidak rujuk kepada sesiapa. Akan tetapi siapa yang hendak anggap dirinya bodoh, itu terpulang kepada beliau. Okey. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri sila menggulung.

[Dewan riuh]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itulah sebabnya Pakatan Harapan mengamalkan sistem tender terbuka, tidak ada siapa yang boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, tidak ada siapa yang merujuk kepada anda bodoh tetapi mengapa hendak tunjukkan dirinya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Pihak yang katakan terowong itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dia kata siapa yang kata terowong ini tidak *open tender* dia orang bodoh. Akan tetapi Yang Berhormat Pasir Salak sudah mengaku buat apa?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, sebab jawapannya bodoh. Jawapan bodoh. Sebab jawapan bodoh.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya yang dengar pun tidak boleh tahan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua turun dekat bawahlah. Suruh duduk bawahlah boleh bahas Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Memang bodoh lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dia tidak merujuk kepada sesiapa. Sila.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah perbezaan di antara Barisan Nasional dengan Pakatan Harapan. Pakatan Harapan hanya boleh buat *direct nego* yang merugikan negara. Pakatan Harapan jalankan sistem tender terbuka yang memberikan hasil yang paling lumayan untuk rakyat dan negara. *[Tepuk]*

Tajuk yang terakhir ialah berkaitan dengan saranan daripada Yang Berhormat dari Port Dickson...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Yang Berhormat Menteri Kewangan ada jawab-kah soalan saya?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya setuju. Saya setuju. *[Ketawa]* Saya memang setuju Yang Berhormat daripada Tanjong. Ya, itulah sebabnya kita amalkan sistem tender terbuka kerana kita tidak mahu jadi bodoh.

Daripada Yang Berhormat Port Dickson tentang sara hidup. Semestinya pihak kerajaan akan...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bayaran konsultan. Yang Berhormat, bayaran konsultan RM200 juta.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila minta kebenaran dahulu lah. Yang Berhormat Ketua Pembangkang, tunjukkan teladan yang baik.

Tuan Lim Guan Eng: Kita akan sedaya upaya untuk pastikan bahawa kita dapat kurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat. Kita telah pun menjalankan beberapa usaha selain daripada memberikan bantuan sara hidup yang akan makan perbelanjaan RM5 bilion. Pihak kerajaan pun telah mengurangkan harga had minyak untuk RON95 daripada RM2.20 kepada RM2.08.

Juga, mengkaji semula pengenaan tol bagi mengurangkan beban rakyat. Tentu ada lebih banyak yang kita perlu lakukan. Akan tetapi seperti yang kita lihat, kadar harga indeks pengguna

telah pun turun buat kali pertama dalam 10 tahun pada bulan Januari sebanyak 0.7 peratus dan turun lagi sebanyak 0.4 peratus pada bulan Februari. Apa yang pihak kerajaan hendak berikan tumpuan ialah untuk memastikan bahawa penurunan harga indeks pengguna ini dapatlah dinikmati juga oleh rakyat biasa di Malaysia dan tentu seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat daripada Port Dickson.

Kalau pihak kerajaan ada apa-apa sumber kewangan, ia akan ditumpukan untuk mengurangkan beban rakyat khususnya daripada golongan B40. Saya telah nyatakan dalam Dewan yang mulia ini dan saya ingin ulangi lagi bahawa untuk saya secara peribadi, kalau ada sumber kewangan, lebih baik ia digunakan untuk bantu golongan B40 daripada menjalani atau menjalankan projek-projek mega yang merupakan minat kerajaan lama. Itu akan menjadi tumpuan oleh pihak Kementerian Kewangan supaya kita dapat pastikan bahawa rakyat selepas lima tahun di bawah pemerintahan Pakatan Harapan, akan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik daripada Barisan Nasional. Sekian, terima kasih pada semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang, saya terus kepada Kementerian...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat membenarkan perkataan 'bodoh' digunakan di Dewan ini. Jadi makna kata, saya sekarang ini ingin berkata perkataan ini. Sesiapa yang *bias* dalam...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat Arau, perintah tetapnya saya tahu. Perkataan 'bodoh' ini *unparliamentary*. Akan tetapi, ia merujuk sekiranya Yang Berhormat Tanjong menuju kepada sesiapa ahli itu, maka saya akan larang beliau. Beliau cuma tanya, tetapi siapa suruh ada orang yang mengaku. Itu yang saya tidak faham. Sila Yang Berhormat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya setuju...

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selama 45 minit diperuntukkan. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya setuju dan siapa yang mengendalikan mesyuarat...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Menteri MITI, 45 minit. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapa yang mengendalikan mesyuarat dengan tidak adil, dia ialah seorang yang bodoh!

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Bukan ada apa-apa ya. Bukan ada apa-apa. Saya hendak minta Yang Berhormat Bagan, banyak persoalan-persoalan yang tidak dijawab. Boleh tidak diberikan jawapan secara bertulis ya?

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan cuba. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Macam Yang Berhormat Ketua Pembangkanglah, tanya dengan baik-baik, Yang Berhormat Menteri jawab dengan baik-baik. Barulah ini Dewan yang mulia. Okey Yang Berhormat Menteri, yang lain tidak payah. Sekarang Yang Berhormat Menteri ada tugas rasmi yang lain diteruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua bahawa siapa yang kendalikan mesyuarat dengan tidak adil...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, okey. MITI.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya juga ada Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, yang mana satu?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan Mesyuarat 36(4) dan 36(6).

Dr. Ong Kian Ming: Tuan Yang di-Pertua, saya minta masa saya dibekukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sama jugalah. Perkara yang sama.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, bukan. Saya hendak bagi tahu, Yang Berhormat minta pencerahan tidak betul...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat. Perkara yang sama saya sudah buat *ruling*. Tidak payah bangkitkan perkara yang sama berulang-ulang lagi. Sekarang giliran adalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sila. Okey.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini bukan *ruling*. Masalahnya Yang Berhormat, Timbalan Speaker pun tidak faham peraturan. Yang Berhormat tidak faham peraturan, macam mana?

Dr. Ong Kian Ming: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada isu yang saya rasa amat penting...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Teruskan. Teruskan penggulungan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat pun tidak faham, macam mana hendak jadi Timbalan Tuan Yang di-Pertua?

Dr. Ong Kian Ming: Yakni yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Bukit Bintang dan saya rasa pada hari yang terakhir semalam itu, Yang Berhormat Wangsa Maju juga telah membangkitkan isu ini yang saya rasa perlu diberi penjelasan yang lebih lanjut iaitu tentang isu AP ataupun *approved permit*.

Saya rasa salah satu sebab mengapa adanya reaksi yang begitu negatif terhadap berita terkini tentang pemberian AP kereta dan juga motosikal kepada 36 syarikat yang baharu adalah kerana sejarah di Malaysia di mana implementasi polisi AP lari daripada matlamat yang utamanya iaitu untuk memberi peluang kepada usahawan bumiputera untuk menceburi bidang penjualan automotif. Pada masa itu ada banyak aduan tentang AP *King* ataupun AP *Queen* yang telah membolot sebahagian besar daripada AP di pasaran dan ada setengah daripada mereka diadu menjual lesen AP ini kepada pihak yang ketiga dan menjadikan diri sebagai syarikat Ali Baba.

Ramai rakan-rakan saya di sebelah sini dan saya yakin bahawa di sebelah *Backbenchers* juga pernah bangkitkan isu ini dahulu. Pada masa itu, AP memang berharga tinggi kerana kebanyakan kereta jenama asing adalah kereta import. Akan tetapi, pasaran automotif hari ini telah berubah. Kebanyakan kereta jenama asing yang dijual di Malaysia adalah kereta CKD yang dipasang atau di-*assemble* di Malaysia.

Anggaran ialah lebih daripada 80 peratus daripada jumlah kereta yang dijual adalah CKD. Untuk model kereta di mana jumlah penjualan adalah rendah, *brand owner* biasanya akan melantik wakil tempatan ataupun *licensed distributors* iaitu pengedar berlesen. Untuk pengedar ini, mereka diberikan *franchise* AP untuk mengimport kereta baharu. Saya rasa kita belum membezakan *franchise* AP dengan *open* AP yang menjadikan isu topik yang memang hangat dibangkitkan dan juga didebatkan.

Apa yang masih menjadi isu ialah pemberian *open* AP terutamanya apabila kita mendengar berita bahawa 36 AP baharu telah diberikan baru-baru ini. Akan tetapi sebelum saya memberi penjelasan tentang pemberian AP yang baharu, saya hendak memberikan gambaran yang lebih tepat tentang jumlah AP terbuka berbanding dengan jumlah pasaran kereta yang dijual. Pada tahun 2018, jumlah kereta penumpang ataupun *passenger car* atau *passenger vehicle* yang dijual adalah 533,202 dan jumlah AP terbuka diisukan ialah hanya 28,316 ataupun lima peratus daripada jumlah pasaran. Jadi apabila orang kata bahawa AP adalah sebab utama kenapa harga kereta naik, saya rasa ini tidak begitu tepat. Ini kerana AP terbuka ini digunakan untuk mengimport kereta *high end* dengan izin dan dari segi *volume* pun tidak begitu banyak.

■1620

Jadi, *open AP* memang digunakan untuk mengimport kereta *recon* ataupun *recondition car*. Oleh sebab ada persaingan yang kuat, jumlah dan juga margin untuk *recon car* ataupun untuk *open AP* ini pun sudah makin lama makin turun. Ada juga pakar industri yang beritahu saya, ada kemungkinan ini adalah satu *sunset industry* di mana dalam lima ke 10 tahun lagi mungkin *economic viability* untuk *open AP* ini akan menjadi sesuatu yang mesti dikaji semula.

Jadi, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, seramai 164 syarikat diberi AP terbuka. Ini adalah dari jumlah 283 syarikat yang mohon. Jadi, ada banyak yang kena *reject* dan 36 syarikat baharu telah diberi AP.

Saya rasa Yang Berhormat Ipoh Timur ada tanya sama ada senarai 36 syarikat ini boleh diberikan kepada beliau. Saya setuju, saya akan berikan kepada beliau nanti. Pada masa yang sama, saya juga telah memberi arahan supaya butiran 36 syarikat ini dinyatakan dalam senarai 160 syarikat yang sudah dimuat naik di laman web MITI. Jadi kalau Yang Berhormat di mana-mana tempat pun mahu meneliti senarai ini, boleh terus kepada *website* MITI. Ini adalah untuk memastikan bahawa ketelusan dalam proses pemberian AP ini dijamin.

Jadi soalan yang seterusnya ialah kenapa hendak beri AP kepada syarikat baharu? Saya rasa ini adalah sesuatu yang dipertikaikan kerana ada kemungkinan bahawa ada orang yang ragu bahawa daripada 36 syarikat ini adalah syarikat-syarikat kroni ataupun syarikat yang tidak berkelayakan untuk mendapatkan AP.

Untuk menjawab soalan ini, saya hendak memberi dua sebab kenapa AP perlu diberikan kepada syarikat yang baharu. Oleh sebab yang pertamanya ialah untuk menambahkan persaingan. Ini kerana jikalau kita hanya memberi peluang kepada AP *holder* yang wujud, saya rasa mereka memang akan jadi *complacent*, dengan izin. Jadi dengan penambahan AP baharu, saya rasa mereka boleh memberi persaingan dari segi *quality of service* dan juga dari segi harga yang lebih hebat kepada pemegang-pemegang AP yang sedia ada.

Satu lagi sebab ialah kita mahu beri peluang kepada pengusaha yang baharu. Yang Berhormat Kepong dalam ucapan ada merujuk kepada kenapa hendak beri AP kepada *those who are filthy rich* yang telah menceburi bidang ini sekian lama. Jadi, kita hendak beri AP baharu untuk mereka yang bukan *filthy rich* tetapi untuk memberi usahawan yang baharu ini, *new players, a chance*, dengan izin. Jadi saya rasa bukan sahaja kita perlu memberi AP kepada syarikat yang baharu dari segi persaingan dan juga dari segi akses, saya rasa...

Seorang Ahli: [Bangun]

Dr. Ong Kian Ming: Nanti. Saya habiskan dahulu. Saya rasa apa yang penting ialah saya hendak menegaskan supaya Dewan yang mulia ini tahu bahawa syarat-syarat untuk pemberian AP telah diperketat. Saya hendak memberi beberapa syarat-syarat yang mungkin Yang Berhormat tidak tahu.

Antaranya ialah syarikat mempunyai pengalaman dan sedang beroperasi dalam bidang penjualan dan pengedaran kenderaan motosikal ataupun kenderaan perdagangan minimum dua tahun. Jadi mungkin ada orang tanya, "Eh! Mereka ini sebelum ini bukan AP holder, bagaimana

mereka hendak dapatkan pengalaman dalam bidang ini? Ada sebahagian daripada mereka adalah pengedar Proton, *distributor* untuk Perodua, Honda dan sebagainya dan juga ada daripada mereka ini adalah pengedar *used car* ataupun kenderaan terpakai dan juga kenderaan klasik. Berdasarkan pengalaman ini, ini adalah salah satu daripada syarat yang perlu dipatuhi.

Satu lagi syarat ialah untuk mempunyai modal berbayar minimum RM1 juta. Satu lagi syarat yang saya rasa adalah sangat penting ialah sekiranya syarikat memohon AP terbuka baharu, pemegang saham ataupun pengarah ataupun pengurusan syarikat atau *management* tidak boleh mempunyai kepentingan dalam syarikat AP terbuka kereta yang lain. Saya rasa Yang Berhormat Kepong juga ada membangkitkan isu Syarikat Naza. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Kepong bahawa Syarikat Naza ada satu AP sahaja. Dia tidak ada AP berlambak-lambak.

Pada masa yang sama, setiap syarikat juga diberikan had. Untuk makluman Yang Berhormat Kepong dan juga Dewan yang mulia ini, untuk kategori satu di mana *paid-up capital* adalah RM4 juta, jumlah maksimum yang boleh diberikan kepada satu syarikat adalah 240 sahaja. Untuk kategori dua, jumlah itu akan turun dan untuk kategori yang keempat iaitu untuk syarikat yang baharu, mereka boleh mohon maksimum 60 AP sahaja. Jadi ini adalah untuk *testing period*. Kalau mereka tidak berjaya untuk menjual kereta AP ini, mereka memang tidak akan diberikan AP yang lebih daripada 60 walaupun mereka menambahkan *paid-up capital* mereka.

Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri MITI. Saya masih ingat semasa perbahasan, saya pernah membangkitkan beberapa insiden yang mana portal *Malaysiakini* pada 23 Oktober 2010 yang menyatakan, yang melaporkan “*DAP: Kerajaan telah hilang RM3.6 bilion daripada AP setiap tahun*”. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan dibuat mencadangkan Kerajaan Persekutuan supaya memansuhkan permit import kereta sekarang daripada menunggu sehingga tahun 2015.

Saya menganggap pandangan-pandangan pada masa itu memang bernas. Tetapi apa yang saya dapati daripada Yang Berhormat cerita tadi, penjelasan diberi, saya rasa terkilan. Ini memberi justifikasi kenapa kita teruskan. Apakah ini perubahan pendirian yang berlaku setelah mengambil takhta?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Ayer Hitam, boleh mencelah?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Bukan saya. Celah dia.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Saya celah kamu boleh?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tidak ada, tidak ada. Saya kena celah.

Ini peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Takut apa?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kepong, sila duduk.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Jadi apabila saya mendengar Yang Berhormat kata *français AP*, betul, semasa Yang Berhormat Jeli jadi Menteri MITI, ada penambahbaikan yang mana dahulu bayar RM50 kepada kerajaan ditingkatkan sehingga RM10,000. Itu adalah penambahbaikan yang telah dibuat. Pihak sini ketika itu beria-ia sangat tidak boleh ada AP. “*Ini hendak memiskinkan rakyat.*” “*Ini kita macam mengambil hak orang lain.*” Jadi kenapa pula secara tiba-tiba ada pendirian yang berubah sampai begitu ketara sekali? Apakah justifikasi Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri melihat AP ini satu perkara yang kita tidak boleh mansuhkan, terpaksa kita perluaskan kepada orang lain atas nama kita hendak membantu lebih ramai usahawan untuk mereka juga tumpang semangkuk? Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini?

Dr. Ong Kian Ming: Yang Berhormat Kepong hendak tanya soalan? Tiada? Okey.

Saya rasa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi memang perlu dinilai semula oleh Yang Berhormat Ayer Hitam sendiri kerana apa yang saya katakan tadi ialah memang dari masa dahulu itu adalah isu yang dihangat-hangatkan oleh sebab jumlah AP yang dikeluarkan pada zaman dahulu itu memang tinggi, dan pada masa yang sama memang ada banyak kereta yang tidak dibuat secara *assembly* di Malaysia. Jadi memang ada aduan bahawa ada AP King dan AP Queen juga yang membolot AP-AP seperti itu.

Akan tetapi buat masa sekarang, apa yang saya hendak beritahu Yang Berhormat Ayer Hitam dan saya rasa Yang Berhormat Ayer Hitam juga tahu ialah jumlah dari segi duit yang boleh dikumpulkan dari AP itu tidak begitu ramai kerana jumlah AP sekarang tidak melebihi 30,000 untuk *open AP* dan itu adalah sesuatu yang dipertikaikan.

Saya juga hendak...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Dr. Ong Kian Ming: Saya belum habis lagi. Saya juga hendak beritahu Yang Berhormat Ayer Hitam, kita telah *blacklist* sembilan syarikat di mana syarikat ini telah dijumpai tidak mematuhi syarat seperti menjual AP kepada pihak yang ketiga, ada saham di syarikat yang lain dan sebagainya.

Pada masa sekarang, kita juga sedang menyiasati kes-kes yang telah dibangkitkan termasuk satu kes yang dilaporkan di *Malaysiakini* baru-baru ini tentang satu syarikat yang *Malaysiakini* kata tidak ada *revenue* ataupun pendapatan yang direkodkan dalam SSM. Bukan syarikat ini sahaja. Selepas saya mengeluarkan kenyataan media, selepas MITI telah mengeluarkan kenyataan media tentang AP, ada juga aduan yang ditujukan kepada saya, ada juga aduan yang ditujukan kepada pihak MITI dan kita sedang menyiasati kes-kes seperti ini.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Ayer Hitam, semasa MCA memegang jawatan Menteri MITI dan juga Timbalan Menteri MITI, adakah mana-mana pihak yang telah di*blacklist* oleh sebab mereka tidak mematuhi syarat atau tidak?

■1630

Saya rasa itu adalah sesuatu yang berbeza di Kerajaan Pakatan Harapan, di mana aduan yang kita rasakan ini tidak mengikuti peraturan kita akan siasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Apa jawapan Yang Berhormat Ayer Hitam?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pegawai yang sama juga. Sekiranya satu aduan dibuat, siapa yang sepatutnya dipertanggungjawabkan untuk menyiasat, dialah yang perlu bertanggungjawab. Ini bermaksud, tidak kira siapa Menteri itu patut diambil tindakan. Kedua, saya tertarik dengan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tadi berkata ada pembongkaran yang dibuat oleh *Malaysiakini* bahawa kononnya satu syarikat itu belum layak tetapi telah diberi. Yang Berhormat Menteri kata baik, telah menjanjikan akan diambil tindakan, akan dibuat siasatan. Ini bermaksud tanpa usul periksa terlebih dahulu tiba-tiba bagi, bila ada orang buat aduan, barulah diperiksa semula. Ini bermaksud, perlu ada penelitian yang lebih.

Saya hendak tanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri tanya saya tentang MITI. Saya tidak pernah duduk sebagai Menteri MITI tetapi saya cuma mahu katakan tidak kira siapa, kalau tindakan perlu diambil, pegawai juga diberikan mandat untuk mengambil tindakan tidak kiralah siapa Menteri itu. Sebarang penyelewengan patut diambil tindakan. Saya tidak kira siapa, *connection* dengan mana-mana pihak, itu sepatutnya yang kita buat.

Saya mahu tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam soal ini saya tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pernah kata AP Terbuka, AP Franchise yang dibantah, secara terbuka kata sebanyak RM3.6 bilion akan hilang, memiskinkan rakyat. Begitu bersemangat, begitu berkobar-kobar mahu mansuhkan AP tetapi pada hari ini nampaknya menerima realiti kita sudah jadi kerajaan terpaksa juga terima untuk memperluaskan AP. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dr. Ong Kian Ming: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua? Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya bagi peluang untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri fikir jawapan. Saya ingin merujuk Perkara 36(4) dan juga Perkara 36(6), saya agak *confused* apabila Tuan Yang di-Pertua sebelum ini mengatakan bahawa Perkara 36(4) itu terpakai kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sementara, Yang Berhormat Tanjong ada di dalam Dewan. Kes ini berlaku ketika Yang Berhormat Kinabatangan menyebut perkataan 'bocor'. Perkataan 'bocor' itu tidak *refer* kepada sesiapa. Akan tetapi, itu

perkataan yang *seksisme* merujuk kepada kaum wanita. Sehingga kaum wanita di luar sana marah.

Ini menyebabkan pindaan pada peraturan mesyuarat pada ketika itu terpaksa dipinda dan disebutkan juga perkataan iaitu menggunakan bahasa yang kurang sopan, biadab atau membuat pernyataan yang *seksis*. Perkara 36(4), tidak perlu rujuk kepada sesiapa Ahli-ahli yang lain berbeza dengan Perkara 36(6). Saya bangkitkan ini kerana tadi dibangkitkan, Yang Berhormat Tanjong bangun tetapi tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini. Jadi saya ingin mendapatkan *ruling* bukan sekarang pun tidak apa tetapi Yang Berhormat Tanjong telah mengeluarkan perkataan 'bodoh'.

Walaupun tidak merujuk kepada sesiapa, saya ingin mendapatkan *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada Tuan Yang di-Pertua Dato' Mohamad Ariff atau Tuan Yang di-Pertua sekarang, membuat *ruling* apakah maksud Perkara 36(4) dan apakah maksud Perkara 36(6)? Ini kerana ia menyebabkan satu peristiwa besar di dalam negara, terpaksa membuat pindaan kepada peraturan mesyuarat ketika itu.

Jadi, saya mohon petua daripada Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara ini dapat kita faham oleh semua Ahli Dewan, jangan keluarkan perkataan 'bodoh', jangan keluarkan perkataan 'biadab', 'bangang' dan perkataan apa pun yang dikeluarkan kurang sopan tanpa merujuk kepada sesiapa Ahli yang lain, tidak boleh digunakan di dalam Dewan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan? Minta penjelasan sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *Ruling* dulu, *ruling* dulu...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak bagi hujah tentang...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebentar, *ruling* dulu, kejap. Sekejap Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sebelum *ruling* diberikan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuala 'Krau'...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau bukan 'Krau'...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Kuala Krau. Adakah Yang Berhormat Kuala Krau hendak cadangkan di sini bahawa ada banyak perkataan Melayu yang tidak boleh digunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau sesuatu perkataan itu digunakan di tempat yang tepat untuk kita berbahas, untuk kita memberikan penjelasan yang lebih tepat. Adakah mahu dicadangkan, saya pun tidak mahu bagi contoh, kalau biadab kah, gila kah. Adakah kalau

seseorang itu memang ada seorang gila yang membunuh seseorang? Adakah kita di sini tidak boleh mengatakan bahawa seorang orang gila telah membunuh seorang yang lain?

Oleh sebab itu, pada hemah saya perkara di sini ialah supaya kita bersopan santun dalam ucapan kita. Bukan menidakkan hak kita untuk menggunakan bahasa Melayu. Saya harap sebelum *ruling* dibuat, saya harap Tuan Yang di-Pertua mengambil kira ini. Kita tidak boleh menidakkan hak wakil rakyat menggunakan bahasa Melayu, apa-apa perkataan apabila ia diperlukan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Saya...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, betul memang boleh menggunakan apa-apa perkataan Melayu tetapi yang saya sebut perkataan Melayu atau apa-apa pun perkataan dalam bahasa-bahasa yang lain dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bila perkataan itu kurang sopan, biadab. Disebutkan di sini, Perkara 36(4), saya ingat saya tidak perlu bacalah.

Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh rujuk, "*Adalah menjadi satu kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan atau biadab atau membuat pertanyaan yang seksis*". Dia tidak kata perkataan yang kurang sopan, biadab, seksis kepada seorang Ahli yang lain. Ini umum. Ini yang terjadi di dalam kes, Tuan Yang di-Pertua. Boleh rujuk kes dahulu yang melibatkan Yang Berhormat Kinabatangan yang terpaksa digantung enam bulan kerana ketika itu menggunakan perkataan 'bocor' bagi kaum wanita. Dia tidak merujuk kepada sesiapa.

Akan tetapi, perkataan 'bocor' itu dianggap menghina kaum wanita. Begitu juga dengan seksis, begitu juga dengan perkataan 'bodoh', 'bangang', 'tahi' dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krau...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini perkataan yang kurang sopan. Itu yang saya, bila Yang Berhormat Tanjong Karang bangun untuk mengemukakan peraturan mesyuarat tetapi tidak diendahkan, saya mengambil peluang, kalau saya bangun pun mungkin ketika itu keadaan Dewan yang hangat. Saya ambil peluang ketika di dalam keadaan Dewan yang tenang.

Tuan Yang di-Pertua dengan wajah yang tenang, penuh tekun, senyum, menawan, segak, bergaya, berkaca mata. Saya harap Tuan Yang di-Pertua memberikan *ruling*, petua yang tenang bagi kemuliaan Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Saya tidak mahu mengambil masa yang panjang tetapi sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan, saya merujuk kepada Yang Berhormat...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Tanjong ada di sini, Yang Berhormat Tanjong ada di sini. Yang Berhormat Tanjong boleh bangun, menjelaskan bila dia sebut, "*Apa-apa soalan yang bodoh.*" Maksudnya yang bertanya, soalan yang— Jadi perkataan bodoh dikeluarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya bagi peluang sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, kalau sesuatu keputusan Tuan Yang di-Pertua ingin dikaji semula, ia perlu dibuat melalui usul. Lebih-lebih lagi seorang Tuan Yang di-Pertua yang lain daripada orang yang mempengerusikan persidangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menggunakan usul, ini boleh juga di bawah Peraturan 43, Peraturan 44, Peraturan 26, itu saya tahu. Akan tetapi, akan melengah-lengahkan satu aturan mesyuarat khas yang perlu diwujudkan dalam aturan mesyuarat iaitu usul yang dikemukakan. Mungkin perlukan masa satu jam untuk debat. Kita debat dan Yang Berhormat Menteri menjawab, ini hampir satu jam. Cuma, satu minit Tuan Yang di-Pertua boleh memberikan petua. Adakah perkataan 'bodoh' ini boleh digunakan di dalam Dewan menurut Peraturan 36(4) itu sahaja soalan saya.

Kalau boleh dibenarkan, jangan marahlah nanti kalau kita sebut, "*Jawapan-jawapan pihak sana adalah jawapan yang bodoh! Jawapan yang gila yang menyebabkan rakyat menjadi tertipu, hancing dan sebagainya*". Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun sakit hati, Yang Berhormat Pokok Sena pun sakit hati kalau saya sebut kerajaan ini kerajaan kencing, rakyat hancing, marah! Terasa hati. Jadi...

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Sudah guna pun. Yang Berhormat Kuala Krau sudah guna la tu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ha! Itulah. Itulah marah. Oleh sebab itu Yang Berhormat Pokok Sena rasa marah. Oleh sebab itu saya bagi contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Kuala Krau, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Cuma, saya minta Tuan Yang di-Pertua bagi *ruling* cepat, pantas, perkataan kurang sopan tidak boleh digunakan. Minta Yang Berhormat Tanjong tarik balik. Itu sahaja.

■1640

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Saya bukan mempengerusikan tadi, tetapi cuma dimaklumkan perkataan tadi adalah...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, dengar Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua pengalaman Tuan Yang di-Pertua akan dengar apa sahaja perbincangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita boleh rujuk kepada...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua akan menggantikan tugas *Speaker* sebelum ini. Maknanya kita dalam bilik kamar kita ada siaran langsung [*Pembesar suara dimatikan*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi saya penjelasan Yang Berhormat Kuala Krau. Soalan perkataan disebut tadi adalah menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, tidak ditunjukkan kepada sesiapa, itu satu. Kedua, saya akan rujuk kepada verbatim dan saya ambil pandangan daripada Yang Berhormat Tanjong untuk—jika sekiranya ada usul, kita ambil kemudian, sila. Saya terpaksa—minta Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sedikit sahaja. Tidak payah pula. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta ringkas sedikit kerana masa ya. Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum cakap sudah suruh ringkas, ini yang tidak syok ini. Saya cuma—ringkas. Saya tidak ada masalah kementerian untuk meneruskan AP ini kerana permintaan banyak dan kita rakyat Malaysia ini, dia ada permintaan pelbagai-bagai. Ada yang hendak pakai kereta import, hendak pakai kereta Mercedes, BMW kan? Jadi tidak ada masalah, teruskan. Cuma saya hendak mencadangkan kepada Timbalan Menteri supaya yang sudah banyak itu dahulu, sudah jadi bilionwan tau! Sudah beratus-ratus juta hasil daripada AP ini, sudah lah itu. Bagi lah pula kepada *new players*. Banyak Pakatan ada, Amanah lah, DAP lah, semua pun hendak itu, di belakang-belakang itu [*Ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak sila duduk.

Dr. Ong Kian Ming: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kerajaan Pakatan Harapan jikalau tidak mematuhi syarat yang saya sudah kata diperketat, tidak boleh dapat AP. Tidak kira Ahli Parlimen atau DUN dan sebagainya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, faham.

Dr. Ong Kian Ming: Okey, saya teruskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Peraturan Mesyuarat, *this time* Peraturan Mesyuarat.

Dr. Ong Kian Ming: Saya teruskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Peraturan Mesyuarat, bagi *chance*. Tuan Yang di-Pertua 36(6), (12) Timbalan Menteri buat kenyataan tempoh hari, saya tunggu peluang ini untuk membetulkan. Mengatakan bahawa *foreign direct investment RM80 billion*. Saya kata, *RM31 billion*. Yang Berhormat minta saya *check* dengan website MIDA, saya sudah *check* dan saya *double check* saya punya *source*, Jabatan Statistik Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita dapati MIDA itu bukannya *investment* yang sudah masuk. Itu permohonan, permohonan baharu.

Dr. Ong Kian Ming: Saya akan jawab nanti.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang sudah masuk RM31 juta bilion itu sebagai *reported by* Jabatan Statistik. Yang Berhormat sudah bagi satu laporan yang salah dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri buat pembetulan.

Dr. Ong Kian Ming: Saya sudah kata hari itu di mana statistik yang saya rujuk adalah memang statistik MIDA di mana itu adalah permohonan yang telah diluluskan, bukan direalisasi. Saya sudah kata, kalau Yang Berhormat Pasir Salak hendak rujuk...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh tengok *Hansard*, kita cakap soal *foreign direct investment* yang sudah masuk, bukan permohonan yang diluluskan. *We are not that stupid*, bukan bodoh ya. Kita bukan bodoh, Yang Berhormat jangan jadi bodoh [*Ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak, saya minta diteruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Jadi saya kembali balik kepada isu AP yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi. Saya rasa apa yang penting ialah di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan?

Dr. Ong Kian Ming: Okey, sila.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah bezanya pelaburan yang diluluskan seperti setiap tahun diumumkan dengan *realised investment* yang sebenarnya jadilah, daripada apa yang diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong, sila.

Dr. Ong Kian Ming: Saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak boleh dapatkan taklimat daripada Yang Berhormat Pontian yang memang peka dan tahu terhadap isu seperti ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya sudah baca, *I did my own research as well*.

Dr. Ong Kian Ming: Saya tidak bagi jalan, saya rasa Yang Berhormat Pasir salak sudah bazirkan masa Dewan ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, jangan bodohkan kita.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua siapa menteri ini? Minta kita bagi taklimat pula.

Dr. Ong Kian Ming: Saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak ini dan Yang Berhormat Kuala Krau boleh minta penjelasan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta siapa?

Dr. Ong Kian Ming: Daripada Yang Berhormat Pontian, tetapi...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Siapa yang menteri? Siapa kerajaan?

Dr. Ong Kian Ming: Tetapi secara mudah saya hendak jelaskan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pontian pun setuju bahawa *foreign direct investment is not RM80 billion*.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini jawapan kurang bijak, jawapan kurang bijak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey Yang Berhormat Pontian sila bangun. *Is it RM80 billion?*

Dr. Ong Kian Ming: Saya tidak bagi jalan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya menyokong apa yang Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menyokong Pasir Salak.

Dr. Ong Kian Ming: Saya tidak bagi jalan. Ini kerana saya jelaskan bahawa apa yang saya kata tadi ialah *approved investment* ataupun pelaburan yang telah diluluskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan itu Yang Berhormat cakap tadi? *No, no, no. That not what he said*, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ong Kian Ming: Saya tidak akan bagi jalan kepada Yang Berhormat Pasir Salak ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Now only he said it.*

Dr. Ong Kian Ming: Saya cadangkan supaya Yang Berhormat Pasir Salak kalau hendak rujuk saya kepada Jawatankuasa, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak payah rujuk-rujuk. Sini sahaja *settle, you tarik balik lah*. Betulkanlah.

Dr. Ong Kian Ming: Tulis usul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Betulkanlah, sudah silap.

Dr. Ong Kian Ming: Jadi, saya teruskan *approved investment* berbeza dengan *realised investment*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ketua menteri pun tanya, *what is the realised investment, not approved*.

Dr. Ong Kian Ming: *Approved investment* adalah angka yang dilaporkan oleh MIDA...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi tahu MIDA *don't do that*.

Dr. Ong Kian Ming: *Realized investment* adalah angka yang diberikan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi tahu pegawai MIDA *don't do that*.

Dr. Ong Kian Ming: Adalah angka yang diberikan dan dikumpul oleh Jabatan, '*dorsum*' dan juga [*Pembesar suara dimatikan*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak minta duduk, terima kasih [*Dewan riuh*].

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Daripada situ, *every [Pembesar suara dimatikan]*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: FDI sudah turun berbanding dengan kerajaan Barisan Nasional. *This is the point*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dr. Ong Kian Ming: Saya rasa, saya juga boleh jawab soalan itu. Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Kuala Krau, *realized investment* ini berdasarkan rekod yang dibuat oleh Barisan Nasional pada tahun 2017. Apa yang—semua *approved investment* perlu masa untuk direalisasikan. Angka yang dilaporkan oleh *dorsum* dan juga Bank Negara ini merupakan *reflection of a record* di Barisan Nasional pada tahun 2017 dan di *early 2018*. Jadi itu adalah jawapan saya. Jikalau tidak suka boleh duduk ataupun boleh keluar, itu pilihan kamu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak beritahu rakyat di luar sana Timbalan Menteri bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta teruskan. Teruskan Timbalan Menteri dengan *point*-nya

Dr. Ong Kian Ming: Okey. Saya teruskan kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi oleh sebab masa suntuk, saya hendak katakan kepada Yang Berhormat Ayer Hitam, sebenarnya apa yang dikatakan kebocoran RM3 bilion, RM4 bilion itu bukan dikatakan oleh saya. Akan tetapi *the main point is* pada masa itu AP memang harga tinggi, tetapi dijual dengan harga yang murah. Akan tetapi sekarang ini *value of the AP* tidak setinggi berbanding dengan sebelum ini.

Oleh itu, apa yang kita mesti buat ialah memastikan supaya proses memberi AP itu adalah telus. Ada juga cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Subang di mana mereka kata, okey, saya beliau cadangkan supaya AP ini diberikan secara *auction*. Harga yang tertinggi kepada syarikat yang boleh memberikan harga yang lebih tinggi. Saya rasa itu memang boleh memberi dana yang lebih banyak kepada kerajaan, tetapi juga ada *pros and cons*. *Pros* ialah ada pendapatan yang lebih tinggi, tetapi *cons* ialah syarikat-syarikat yang besar yang ada *capital* yang besar sahaja boleh *dominate* dan juga memberi harga yang lebih tinggi dan ini tidak sama dengan matlamat untuk memberi peluang keusahawanan kepada lebih ramai pengusaha dari kalangan bumiputera.

Saya juga hendak memberitahu Dewan yang mulia ini, selepas pendedahan ataupun akhbar yang telah disiarkan mengenai 36 syarikat ini, pihak MITI juga telah memberi—mengambil keputusan untuk menulis kepada setiap syarikat baharu ini untuk mendapatkan maklumat yang terkini seperti penyata kewangan tahun 2015 hingga tahun 2018, kerana ada syarikat yang kata di laman SSM itu maklumat ini tidak *updated*. Kita juga minta slip pengisytiharan dan bayaran

cukai kepada LHDN untuk tahun 2016 hingga tahun 2018. Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk setiap syarikat untuk tahun 2018 hingga tahun 2019 dan juga lesen PBT untuk tahun 2017 hingga tahun 2019.

Jikalau syarikat-syarikat AP baharu ini tidak menjawab surat ini dalam masa tempoh tujuh hari, jadi ini boleh dikatakan permohonan AP syarikat ini tidak akan dipertimbangkan. Ini adalah sesuatu yang saya rasa adalah penting untuk membezakan apa yang dibuat di bawah Kerajaan Pakatan Harapan berbanding dengan dulu. Saya rasa ini memang menunjukkan bahawa kita mahu lebih telus berbanding dengan sebelum ini. Okey. Untuk isu AP, saya rasa setakat itu sahaja yang saya hendak bangkitkan.

■1650

Ada juga Yang Berhormat yang telah bangkitkan isu tentang *Free Tree Agreement* dengan izin iaitu RCEP, CPTPP dan juga EU-Malaysia FTA. Yang Berhormat Bukit Bendera telah membangkitkan isu seperti ini. Untuk makluman Yang Berhormat, saya hendak memberitahu status terkini tentang RCEP (*Regional Comprehensive Economic Partnership*). Sejak Mei 2013 sehingga Februari 2019, sebanyak 25 pusingan rundingan telah diadakan untuk RCEP. Sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan tujuh daripada 16 kumpulan kerja ataupun *working group* iaitu prosedur kastam dan juga *facilitation* perdagangan ataupun *trade facilitation*; kerjasama ekonomi dan teknikal ataupun *ecotech*; perusahaan kecil dan sederhana (SME); kumpulan kerja *Standard, Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures* (SRACAP) dengan izin; *Sanitary and Phytosanitary (SPS)* dengan izin; perolehan kerajaan ataupun *government procurement* yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk kongsi maklumat dan ketelusan; dan nombor tujuh *institution of provision*. Jadi, tujuh daripada 16 telah dimuktamadkan. Mesyuarat berkaitan RCEP yang seterusnya akan diadakan pada bulan Jun tahun ini. Negara-negara RCEP komited untuk memuktamadkan rundingan RCEP pada akhir tahun 2019.

Namun, perkara ini bergantung kepada perkembangan rundingan dan juga *flexibility* setiap negara perunding. Untuk makluman, masih lagi wujud sebilangan isu-isu yang tertunggak bersifat teknikal dan dasar di mana rundingan yang mendalam perlu dijalankan. Akan tetapi secara prinsipnya, mana-mana Perjanjian Perdagangan Bebas yang ditandatangani oleh Malaysia perlu membawa kepada perdagangan yang adil dan *mutually beneficial outcome* dengan izin, kepada semua pihak yang terlibat. Di peringkat domestik, konsultasi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat melalui Mesyuarat Kaukus juga akan diteruskan untuk melaporkan perkembangan rundingan khususnya RCEP dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Bukit Bendera, untuk isu CPTPP ini, saya hendak maklumkan bahawa CPTPP ini telah mula berkuat kuasa pada 30 Disember 2018 bagi negara-negara tersebut iaitu Australia, Canada, Japan, Mexico, New Zealand dan juga Singapura. Pada 14 Januari, negara Vietnam. Bagi empat negara lain yang belum meratifikasikan CPTPP, CPTPP hanya akan berkuat kuasa untuk Brunei, Chile, Malaysia dan Peru 60 hari setelah mereka melengkapkan proses domestik dan mengemukakan instrumen ratifikasi kepada New Zealand yang

bertanggungjawab sebagai *depository*. Saya hendak memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan masih lagi menilai sama ada kita perlu untuk meratifikasi CPTPP ini. Saya juga mahu memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa memang ada negara yang lain yang minat untuk memasuki CPTPP termasuk negara Thailand yang baru-baru ini telah mengadakan pilihan raya mereka. Saya rasa keputusan ini, keputusan sama ada untuk memohon masuk ke CPTPP oleh kerajaan baharu di Thailand. Saya rasa kita perlukan sedikit masa lagi untuk menilai semua *cost benefit* dari beberapa sudut untuk membuat keputusan yang seterusnya.

Ini sama juga seperti *Malaysia-EU Free Trade Agreement*. Buat masa sekarang EU-Malaysia FTA ini keputusan belum lagi dibuat sama ada untuk meneruskan rundingan atau tidak. Akan tetapi, satu isu yang penting yang saya rasa Dewan yang mulia ini perlu tahu ialah Malaysia telah bercadang untuk menjadikan Malaysia-EU FTA ini sebagai satu landasan untuk mengutarakan isu tentang kempen anti minyak sawit di Eropah. Saya rasa Yang Berhormat Jeli dan juga Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan isu minyak sawit dari segi FTA ini dan juga dari segi WTO. Malaysia telah pun mengemukakan cadangan kepada pihak EU untuk memperkenalkan lampiran baharu mengenai minyak dan juga lemak sayuran dalam rundingan Malaysia-EU FTA. Ini bertujuan untuk menjamin kepentingan Malaysia terutamanya bagi menangani isu-isu berkaitan minyak sawit yang kini giat dibangkitkan di Eropah. Jadi saya rasa ini adalah satu landasan yang penting yang Malaysia perlu mengambil kesempatan supaya pendirian Malaysia, pendirian kerajaan terhadap isu kelapa sawit ini boleh dibangkitkan di kalangan negara Eropah.

Saya juga hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Bukit Bendera, di mana pihak Indonesia juga sedang merunding dengan pihak *European Union* tentang satu *Free Trade Agreement*. Di antara cabaran yang mereka hadapi ialah isu akses untuk kelapa sawit. Yang Berhormat Bukit Bendera, saya juga hendak memberitahu bahawa Indonesia telah menandatangani satu perjanjian FTA dengan *European Free Trade Association* ataupun EFTA. Ini berbeza dengan *European Union* kerana EFTA ini dianggotai oleh empat negara iaitu *Iceland, Norway, Liechtenstein* dan juga *Switzerland*.

Mungkin Yang Berhormat hendak tanya kenapa Indonesia boleh menandatangani FTA dengan EFTA ini memandangkan bahawa negara seperti Norway telah meletakkan syarat yang saya rasa sangat *stringent* ke atas kelapa sawit. Saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Bukit Bendera bahawa ada beberapa syarat yang telah disetujui oleh pihak Indonesia di bawah EFTA ini iaitu kuota pasaran tahunan ataupun *tariff-rate quota* yang fleksibel di mana tidak melebihi 5,000 tan metrik. Pada masa yang sama, pihak Indonesia juga telah bersetuju dengan kriteria kelestarian mampan ataupun *sustainable criteria Roundtable on Sustainable Palm Oil* ataupun RSPO. Isu yang ketiga ialah keperluan pembungkusan khusus ataupun kontinjen limit muatan produk yang tidak melebihi berat 22 metrik tan bagi setiap pembungkusan. Isu RSPO ini adalah penting kerana saya rasa Yang Berhormat Seputeh nanti juga akan bangkitkan isu ini kerana di Malaysia kita ada standard Malaysia sendiri iaitu MSPO. Jikalau kita

masuk dan persetujuan kita terhadap RSPO di mana-mana FTA, ini boleh membangkitkan isu di mana MSPO tidak mendapatkan pengiktirafan standard yang sama berbanding dengan RSPO. Isu ini perlu ditangani dengan begitu rapat.

Satu lagi isu yang saya hendak bangkitkan selain daripada FTA ialah tentang isu pelaburan. Tadi Yang Berhormat Pasir Salak yang hendak buat kecoh telah keluar, tetapi saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini, angka-angka yang telah saya bangkitkan adalah berdasarkan kepada angka FDI yang telah diluluskan. Saya rasa angka ini memang penting kerana kita hendak menunjukkan kepada pelabur asing dan juga syarikat-syarikat di Malaysia bahawa pelabur asing masih ada lagi *confident* ataupun keyakinan untuk terus melabur di Malaysia. Bagi tempoh Mei hingga Disember 2018, setelah Pakatan Harapan menubuhkan kerajaan, kementerian melalui MIDA telah meluluskan sejumlah 895 projek dengan pelaburan sebanyak RM80 bilion. Ini bukan sahaja FDI, tetapi DDI juga dalam sektor perkilangan dan juga perkhidmatan di bawah bidang kuasa MITI ataupun MIDA. Projek-projek ini akan dijangka menjanakan 48,860 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah ini, 515 projek yang diluluskan adalah dalam sektor perkilangan dengan pelaburan bernilai RM71.2 bilion. Pelaburan langsung asing menyumbang sejumlah besar nilai pelaburan ini iaitu sebanyak RM45.5 bilion ataupun 64.4 peratus sementara RM25.7 bilion merupakan pelaburan tempatan. Manakala sebanyak 380 projek telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan di bawah bidang kuasa MIDA seperti pertubuhan global ataupun *global hub services*, perkhidmatan sokongan ataupun *support services*, hotel dan pelancongan, penjagaan kesihatan dan lain-lain. Projek-projek ini menyumbang jumlah pelaburan sebanyak RM8.9 bilion yang meliputi RM5.6 bilion pelaburan asing dan RM3.3 bilion pelaburan tempatan.

■1700

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bangi.

Dr. Ong Kian Ming: Ya, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. FDI dan DDI ini pada tahun 2017, peluang pekerjaan daripada 5,608 projek ialah 139,511 dengan purata 11,625 pekerjaan sebulan.

Untuk Januari hingga September 2018, jumlah pekerjaan ialah 93,379 atau purata 10,375 pekerjaan sebulan, bererti berkurangan jika dibandingkan daripada segi jumlah pekerjaan. Saya bukanlah ingin berpolemik tentang perkara itu. Pada saya, yang lebih penting ialah pelaburan yang masuk itu adalah pelaburan yang berkualiti, itu yang pertama. Bukan kita terima apa juga jenis pelaburan. Kedua, pelaburan yang berkualiti itu hendaklah memberikan pendapatan yang tinggi kepada rakyat. Itu perkara yang kedua. Jika kedua-dua perkara ini dipenuhi, lagi banyak pelaburan memanglah lagi baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Terima kasih. Saya rasa daripada segi FDI, saya telah meneliti lebih kurang saya rasa kebanyakan daripada syarikat-syarikat yang telah diluluskan oleh MIDA dan

saya beri kepastianlah kepada Yang Berhormat bahawa semua ini adalah projek yang berimpak tinggi dan juga berkualiti tinggi. Akan tetapi mungkin daripada segi pendapatan seorang pekerja itu ada sedikit berlainan kerana untuk sektor seperti E&E di Pulau Pinang, memang pendapatan seorang pekerja itu lebih tinggi berbanding dengan satu kilang besi yang diluluskan misalnya di negeri Pahang.

Saya rasa kita perlu ada sedikit pelonggaran di mana untuk kawasan yang boleh dikatakan *less develop*, tidak semaju seperti Pantai Barat, saya rasa kita perlu memberi rangsangan ataupun insentif daripada segi *less develop area* dan sebagainya supaya Pantai Timur dan juga Sabah dan Sarawak tidak diabaikan. *Investment* ataupun pelaburan yang mencukupi yang boleh membawa pekerjaan walaupun mungkin sebahagian daripada pekerjaan itu bukan pekerjaan *high income* tetapi mungkin adalah *middle income*. Saya rasa pekerjaan-pekerjaan ini juga perlu diambil kira. Tadi Yang Berhormat Pontian...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri. Satu lagi ialah kita mohon selepas ini jawapan bertulis, berapa banyak pelabur yang masuk untuk *less develop areas* (LDA) ini? Ini kerana kadang-kadang mereka tak minat pun sebab ia jauh dan menyukarkan kepada pelabur itu sendiri untuk daripada segi pengangkutan dan sebagainya. Kita ingin senarai berapa banyak sebenarnya segala insentif yang telah diberi untuk LDA dan berapa banyak pelabur yang masuk ke kawasan-kawasan itu.

Dr. Ong Kian Ming: Ya, saya akan berikan secara bertulis. Saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian kerana telah membangkitkan isu mengenai DDI. Memang daripada segi DDI, saya rasa prestasi daripada segi kelulusan pada tahun 2018 ada menghadapi sedikit cabaran tetapi saya rasa cabaran ini adalah oleh sebab beberapa polisi yang belum dimuktamadkan lagi.

Saya beri dua contoh, satu contoh ialah aplikasi untuk MSC status, syarikat MSC status. *Tax incentive* berkenaan dengan MSC status ini akan dan sedang dibincangkan di antara pihak MITI, pihak MDEC, pihak KKMM dan juga pihak MOF. Saya rasa apabila syarat-syarat ini telah diperketat dan juga diperbaharui, permohonan daripada segi MSC ini akan bertambah lagi pada tahun ini.

Pada masa yang sama ada juga polisi daripada segi *foreign workers*. Daripada segi *foreign workers* ini, pekerja asing, saya rasa ini adalah sesuatu yang telah diperhalusi termasuk polisi seperti memperkenalkan *multi-tier levy* untuk pekerja asing di sektor-sektor yang berlainan. Saya rasa apabila polisi pekerja asing ini telah ditetapkan, *domestic investment* juga akan naik pada tahun ini daripada segi aplikasi.

Sebenarnya apa yang Yang Berhormat Pasir Salak kata tadi daripada segi *realized investment* memang sesuatu yang penting kerana saya rasa kita tak mahu satu keadaan di mana angka yang diumumkan daripada segi kelulusan itu memang tinggi tetapi angka yang direalisasikan itu ada percanggahan dengan apa yang diumumkan daripada segi kelulusan. Jadi ini memang sesuatu yang pihak MITI dan juga MIDA akan meneliti. Setiap *quarter* ataupun setiap setengah tahun, *survey* akan dihantar kepada syarikat-syarikat yang telah diluluskan daripada

segi pelaburan asing, dan kita akan mendapatkan angka yang terkini daripada segi *realized investment*.

Saya juga nak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, daripada segi *realized investment*, ada pelaburan yang makan masa yang lama untuk direalisasikan seperti projek besar-besaran- seperti projek RAPID di Pengerang tetapi untuk projek *services* ataupun *preserve- principle hub* kerana *investment* daripada segi *capital investment* yang tidak begitu tinggi. Beli bangunan dan juga untuk beli teknologi yang saya rasa tidak perlu dibina, boleh dibeli daripada merata-rata tempat. Tempoh untuk merealisasikan pelaburan asing ini saya rasa tempoh ini lebih singkat berbanding dengan sektor perkilangan. Saya rasa ini juga adalah merupakan komitmen daripada MITI dan juga MIDA untuk memberi maklumat yang terkini.

Saya rasa setakat itu sahaja jawapan yang saya hendak berikan. Untuk Yang Berhormat yang lain yang saya belum lagi menjawab, saya akan berikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri MITI. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pendidikan, 45 minit.

5.06 ptg.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, Kementerian Pendidikan Malaysia ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang prihatin dan cakna akan konsep pendidikan milik semua. Seramai 53 Ahli Yang Berhormat telah memberikan pandangan, sumbang saran dan teguran yang cukup membina demi membantu penambahbaikan berterusan sektor pendidikan negara. Sebanyak 127 isu telah dibangkitkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sewaktu perbahasan Titah Yang di-Pertuan Agong mulai 12 Mac hingga 25 Mac 2019. Saya percaya semua isu yang dibangkitkan adalah bagi memantapkan kualiti sistem penyampaian dan keberhasilan bidang pendidikan negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan ini dengan mendeklamasikan sebuah sajak yang sesuai dengan isu mahasiswa hari ini bertajuk, '*Silakan Orang Muda*' oleh Sasterawan Negara kita, Muhammad Haji Salleh. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Dr. Maszlee bin Malik:

*Silakan duduk di kerusi ku itu orang muda,
Telah lama aku di sana.
Lebih lama daripada saudara ku.
Aku sampai ke sana sewaktu orang masih duduk di tanah,
Dan tiada di tentang kerana menentang.
Sekarang, silalah teriakkan marah mu,
Kerana orang muda harus merubah,
Mengganti lantai buruk dan menegak rumah baru.
Ambillah parang ini,
Rintislah lorong peribadi,*

*Tetapi penentang juga harus bijaksana,
Menemukan keadaan dengan kenyataan,
Memaksanya melihat kebenaran.
Inilah giliran mu. Silakan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi fokus untuk menjelaskan isu-isu dasar mengikut tema. Perkara-perkara spesifik dan operasi akan di rumus secara umum bagi menjimatkan masa. Walau bagaimanapun, semua isu yang dibangkitkan akan diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bandar Kuching, tak ada?

Yang Berhormat Jelebu, ada?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Maszlee bin Malik: Minggu depan?

Seorang Ahli: Di depan ini.

Dr. Maszlee bin Malik: Oh Yang Berhormat Jelebu, *sorry*. Ingat dah pindah sini. *[Ketawa]* Dan Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Hai Yang Berhormat Menteri, jangan macam-macam ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Belum minum minyak sawit lagi, dah minum baru dia pindah.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Padang Terap dan juga Yang Berhormat Papar yang membangkitkan isu-isu yang menyentuh dasar pendidikan. Bagi menjawab permohonan Yang Berhormat Jelebu berhubung cadangan penawaran ijazah siswa dan kedoktoran di IPG, KPM dalam usaha menawarkan program pengajian di peringkat sarjana dan PhD mulai tahun 2020 kepada para pelatih. Kertas cadangan mewujudkan *scholarly teacher* di KPM telah disediakan dan dihantar kepada bahagian-bahagian serta agensi bagi mendapatkan pandangan serta ulasan.

Seterusnya KPM melalui IPGM akan memperhalus serta memantapkan kertas cadangan tersebut berdasarkan pandangan dan ulasan yang diterima sebelum dibentangkan di peringkat pengurusan tertinggi KPM. Terima kasih kepada 33 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan 58 isu peruntukan, pembangunan dan penyelenggaraan institusi pendidikan.

■1710

KPM sentiasa berusaha untuk menambah baik dan menaik taraf fasiliti pendidikan bagi memastikan persekitaran, pembelajaran yang selamat dan kondusif. Dalam konteks pembangunan semula sekolah daif, pelaksanaan pada tahun 2019 di tambah baik daripada aspek penggunaan skala impak, kaedah pelaksanaan dan skop pembinaan termasuk rumah guru dan makmal. Keutamaan projek diberikan kepada sekolah-sekolah yang berskala tujuh iaitu sekolah yang tidak selamat lagi untuk digunakan dan telah mendapat pengesyoran daripada Jabatan Kerja Raya ataupun JKR. Pembangunan semula sekolah daif di Sarawak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti. Ada Yang Berhormat Sibuti?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey. Yang Berhormat Betong, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Igan dan Yang Berhormat Lawas. Sehingga kini pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak melibatkan 198 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM557 juta melalui peruntukan pembangunan dan *private finance initiative* ataupun PFI. Pada tahun 2017, sebanyak 26 sekolah telah siap di naik taraf. Tahun 2018, 66 sekolah telah berjaya disiapkan. Bagi tahun 2018 dan 2019 yang lalu, kita telah siapkan 198 buah sekolah. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak hampir tiga kali ganda hasil pemantauan yang lebih rapi.

Sehingga kini terdapat baki 50 sekolah lagi dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap setelah CPC dikeluarkan pada bulan April 2019. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memaparkan beberapa gambar taraf sekolah sebelum dan selepas ia disiapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dr. Maszlee bin Malik: [Menunjukkan beberapa gambar kepada Ahli Dewan]. Contoh beberapa gambar di Sarawak, sebelum dan disiapkan. Ini hanya sebahagian daripadanya sahaja. Dia banyak lagi kalau kita hendak tunjukkan.

Seorang Ahli: Dekat belakang tunjuk, belakang.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya. Dia lebih kepada Sarawak lah. Yang bertanya itu Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, bagi pada Sarawak.

Dr. Maszlee bin Malik: Tidak apa, mereka - Ya, kita tunjukkan kepada Sarawak.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua hendak tengok. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, tunjuk pada Sarawak. Tunjuk dekat sana.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Betul-betul macam cikgu.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, macam cikgu kerana kita Kementerian Pendidikan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Teruk ya, sekolah dulu itu teruk ya.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, dulu memang teruk. Sekarang ini telah diperbaiki. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dulu, adoi. *Ish, ish ish.*

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi pelaksanaan tahun 2019...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Diperbaiki itu peruntukan kita juga.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Peruntukan sebanyak RM100 juta...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita yang luluskan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula 32 sekolah daif di Sarawak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Minta penjelasan, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Mesyuarat susulan Jemaah Menteri pada 20 Februari 2019 juga telah memaklumkan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh minta penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk menyalurkan dana pembiayaan sebanyak RM1 bilion bagi tujuan pembangunan dan menaik taraf sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak. Penyediaan dana tersebut adalah sebagai bayaran hutang Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan. Ke semua projek ini juga akan dilaksanakan oleh pihak JKR Sarawak secara tender terbuka dan pelaksanaan dijangka bermula secara berperingkat pada Jun tahun ini. Berkaitan pembangunan semula sekolah daif di Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Yang Berhormat, kejap boleh tidak?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kalabakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kalabakan sana, belakang.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, Yang Berhormat Kalabakan, okey. 'Aga kareba'. Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Tawau sehingga...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Maszlee bin Malik: Saya akan jawab, saya akan jawab nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia akan jawab nanti.

Dr. Maszlee bin Malik: Sehingga Februari 2019, naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah melibatkan 153 buah sekolah dengan kos berjumlah RM552.1 juta melalui peruntukan pembangunan dan PFI. Untuk tahun 2018 sahaja, kelulusan untuk menaik taraf 120 buah sekolah daif telah dibuat dengan kos sebanyak RM429 juta. Sehingga 28 Februari 2019, sebanyak 73 buah sekolah telah siap dan telah digunakan, manakala baki 47 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap setelah CPC dikeluarkan pada April 2019. Sekali lagi saya ingin meminta izin kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menunjukkan beberapa sekolah yang telah disiapkan pada tahun 2019 di Sabah pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan. Di Sabah pula, sila.

Dr. Maszlee bin Malik: *[Menunjukkan beberapa gambar kepada Ahli Dewan].*

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, contoh.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Angkat tinggi sikit, tidak nampak.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, ini untuk di Sabah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Bukit Katil tolong, tidak nampak tinggi sikit.

Dr. Maszlee bin Malik: Sebelum dan selepas. Begitu daif sebelum dan telah disiapkan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Alhamdulillah.*

Dr. Maszlee bin Malik: Begitu juga...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Duit banyak-banyak dulu pi mana.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tunjuk belakang sahaja, depan tunjuklah.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Depan, tunjuk yang depan.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Syukur Sabah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dulu duit banyak-banyak pi mana.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi pelaksanaan tahun 2019...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya mohon penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan untuk menaik taraf pembangunan semula...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bagan Datuk minta penjelasan, saya mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Biarkan dia.

Dr. Maszlee bin Malik:Tiga buah sekolah daif di Sabah. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak JKR secara tender terbuka...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Dan pelaksanaan dijangka bermula secara berperingkat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Pada Mei 2019.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: Projek libat urus bersama-sama Ketua Menteri Sabah dan Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah sentiasa diadakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh, projek...

Dr. Maszlee bin Malik: KPM juga mengucapkan tahniah, KPM juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah atas inisiatif dan usaha berterusan berkomunikasi dengan pihak kementerian...

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Minta penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Untuk menyelesaikan isu pembangunan pendidikan di negeri Sabah. Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, bagi laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Bagan Datuk dulu. Sila.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sewaktu saya diberikan tanggungjawab oleh Kabinet ketika itu untuk mengkoordinasikan permohonan Kerajaan Sarawak dan Sabah bagi menaikkan taraf sekolah-sekolah daif dan ketika itu Kerajaan Sarawak meminta supaya *private initiative* dilakukan oleh kerajaan negeri. Pada waktu yang sama Kerajaan Sabah juga telah memohon dan permohonan itu telah dipersetujui oleh Perdana Menteri ketika itu dan Menteri Kewangan bukan secara *private initiative* tetapi dengan peruntukan sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Ertinya apa yang Yang Berhormat lakukan itu baik tetapi akuilah kami yang telah memulakannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Boleh saya celah? Legasi..

Dr. Maszlee bin Malik: Pertama, okey.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bagi muka *ex minister*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapa yang menyibuk itu?

Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]: Saya minta penjelasan Yang Berhormat kerana di Sabah kita telah memberi peruntukan seperti disebut oleh Yang Berhormat Bagan Datuk bahawa RM1 bilion dan pada fasa pertama kita telah membelanjakan sebanyak RM500 juta dan ada baki sebanyak RM500 juta yang sepatutnya dibelanjakan. Tapi ikut Yang Berhormat Simpang Renggam sebut tadi pada, Yang Berhormat Menteri sebut tadi ialah untuk tahun 2019 hanya RM10 juta sahaja diberi kepada Sabah. Ada apa-apa tambahan tidak yang dibuat untuk tahun ini sebab dulu sudah lulus sudah RM1 bilion. Kemudian belanja RM500 juta, kemudian maknanya yang bakinya tidak dibelanjakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Menteri...

Dr. Maszlee bin Malik: Pertama, saya ingin mengucapkan...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Datuk dan juga Yang Berhormat Padang Terap. Kita tidak menafikan, malah dalam ucapan saya pun tidak

menafikan usaha kerajaan terdahulu. Apa yang, kita kena, ya. Kita, tetapi apa yang berlaku terdapat banyak projek...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terdapat banyak projek...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Menteri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagilah Yang Berhormat Menteri habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Menteri habis.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Bukan, saya mahu tegaskan di sini, selepas-waktu kami mengambil tampuk pemerintahan ada 707 sekolah daif yang ditinggalkan. Inilah legasi BN. Ya, ini legasi BN.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah lah, sudah masuk dalam bajet lah, *come on man*. Bagi Yang Berhormat Menteri jawab. Menteri Pendidikan lebih pandai dari kamu.

Dr. Maszlee bin Malik: [Ketawa] Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik. Saya minta Yang Berhormat Menteri terus jawab.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya. Apa yang berlaku ialah ada sesetengah projek yang baru diteruskan, baru dimulakan dan ada yang terbengkalai. Jadi apa yang diusahakan? Bagi pihak saya dan juga Kementerian Pendidikan, kita melakukan sistem pemantauan. Malah kita juga telah melakukan pemantauan secara dekat sama ada *on the ground* ataupun pemantauan pada setiap kali *Post Cabinet Meeting* dengan izin, secara mingguan berkala. Apakah *progress* terhadap projek-projek sekolah daif dan juga projek-projek terbengkalai.

Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]: Saya tanya Yang Berhormat yang bajet yang baki itu.

Dr. Maszlee bin Malik: Begitu juga seperti mana yang telah saya sebutkan sebelum ini, saya juga telah menyediakan *dashboard* di bilik saya sendiri untuk memantau secara dekat projek-projek yang telah berlaku sebelum ini agar diteruskan agar usaha untuk meningkatkan sekolah daif dapat diperbaiki.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Padang Terap. Ya, kita tidak nafikan terdapat banyak projek terdahulu yang kita teruskan, begitu kita tambah baik dan seperti mana saya telah jawab pada siang tadi iaitu kita menerokai beberapa ruang PPP, *land swap* dan juga PFI untuk projek yang akan datang tanpa menafikan kita juga sentiasa berhubung dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah melalui Ketua Menteri Sabah dan juga Menteri Pelajaran dan Inovasi mereka untuk menggunakan formula yang telah kita gunakan di Sarawak untuk dibawa ke negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sibuti.

■1720

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat dan juga terima kasih atas menerima tawaran daripada Sarawak dan juga *your good presentation on our* sekolah daif tadi. Ya kita akui, saya mengucapkan terima kasih ke atas kerajaan lepas dan saya dapat lihat sekolah-sekolah daif melalui IBS telah siap. Saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri adakah kaedah IBS ini akan diguna pakai dalam projek dana RM1 bilion? Begitu juga saya ingin mengetahui adakah penyelesaian kementerian hanya dengan membina semula sekolah daif tersebut? Ataupun adakah kerajaan dapat menerima cadangan saya berkenaan tentang sudah tiba masanya untuk pihak kementerian mengkaji penggabungan sekolah-sekolah agar pelajar mendapat satu ruang sekolah yang kondusif dan juga penggabungan sekolah ini akan dapat penjimatan yang lebih besar dan kita akan dapat membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah di Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat Sibuti itu akan dibincangkan secara bersama oleh jawatankuasa khas yang ditubuhkan melibatkan kerajaan negeri, Kementerian Pendidikan, JKR dan juga Kementerian Kewangan. Segala input daripada Yang Berhormat Sibuti akan saya bawakan di dalam perbincangan tersebut.

Berkaitan status penyambungan bekalan elektrik ke grid utama sekolah-sekolah di Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti juga, Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk membiayai kos dan melaksanakan projek penyambungan ke talian grid bekalan utama elektrik kepada sekolah-sekolah di luar bandar Sarawak yang terlibat dengan anggaran kos RM50 juta melalui agensinya iaitu Sarawak Energy Berhad dan juga Jabatan Kerja Raya Sarawak. Kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun kerja-kerja penyambungan ke talian grid ini yang mana di antara sekolah tersebut saya menyaksikan talian grid di hadapan sekolah sahaja. Ia hanya boleh dilakukan setelah kontrak projek bersepadu, sistem solar, *photovoltaic*, *PV hybrid* dan penyelenggaraan dan operasi genset diesel 369 sekolah luar bandar Sarawak yang sedia ada tamat. Walau bagaimanapun KPM masih terikat dengan kontrak sedia ada bersama Syarikat Jepak Holdings Sdn Bhd yang kini masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). *[Tepuk]*

Yang Berhormat Padang Terap dan juga Yang Berhormat Pekan amat maklum tentang isu ini. Bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam tempoh siasatan ini, pihak KPM telah menyediakan notis untuk tujuan penamatan (NUTP) kepada pihak kontraktor dan perkara ini dalam tindakan pihak berkuasa seterusnya. Bagi Parlimen Sibuti terdapat lapan buah sekolah yang telah disenaraikan di bawah projek ini oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu sekali lagi yang amat prihatin terhadap isu infrastruktur IPG yang uzur terutamanya IPG Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur.

Saya sendiri telah turun untuk melihat IPG Ilmu Khas di Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat Jelebu hampir keseluruhan IPG Kampus sudah berusia lebih 20 tahun dan memerlukan peruntukan yang besar bagi kerja-kerja pembaikan infrastruktur dan juga kemudahan. Sehingga 20 Mac 2019 jumlah peruntukan pembaikan yang telah diluluskan untuk IPGM di seluruh negara adalah RM2.063 juta bagi pembaikan institusi dan RM1 juta bagi pembaikan kuarters. Pada tahun 2019 ini juga projek naik taraf IPG Kampus Ilmu Khas telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* 4, RMKe-11. Jumlah kos projek dianggarkan sebanyak RM34 juta bagi menaik taraf kemudahan akademik dan juga pembaikan kecil menggunakan peruntukan pembangunan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Terap dulu, sila.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, Institusi Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia ini banyak. Tiap-tiap negeri boleh dikatakan ada IPG. Dulu dipanggil Maktab Perguruan kemudian diangkat menjadi Institusi Pendidikan Guru dan dapat mengadakan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Saya mendapat maklum pada waktu itu bahawa banyak daripada IPG ini bangunan-bangunan yang sedia ada itu tidak boleh digunakanlah sebab jumlah pelajar yang diambil itu sedikit.

Dulu pengambilan 1,200 orang Tuan Yang di-Pertua tapi pengambilan kemudiannya menurun tinggal 300 atau 400 orang satu semester jadi banyak bangunan kosong. Jadi pada pandangan Yang Berhormat Menteri apakah 27 IPG yang berada di seluruh negara ini akan kekal untuk membuat pengambilan pelajar untuk Ijazah IPGM? Ataupun ada saya baca dalam media yang menyebut Yang Berhormat sebut bahawa semua IPG ini akan digunakan untuk pengambilan guru-guru pelatih dan tidak ada yang akan digunakan untuk aktiviti yang lain kerana kerajaan dulu ada fikir untuk mengubah sedikit bangunan itu kepada sekolah vokasional ataupun kolej vokasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap, sila.

Dr. Maszlee bin Malik: Soalan yang amat menarik, terima kasih Yang Berhormat Padang Terap kerana pada zaman beliau, beliau hampir menutup beberapa IPG termasuk IPG di Kota Bharu yang telah menyebabkan kemarahan rakyat di Kelantan sendiri, rakyat di Terengganu dan beberapa rakyat di negeri-negeri lain. Kita telah mengambil pendekatan yang berbeza.

Kita melihat bahawa seperti mana telah saya sebutkan sebelum-sebelum ini dan saya jawab sebentar tadi kita menaik tarafkan IPG. Ada beberapa perkara demi mengelakkan IPG ini ditutup. Pertamanya, kita memperbanyakkan latihan dalam perkhidmatan untuk guru-guru supaya guru-guru kita dapat dilatih dan IPG dapat digunakan untuk tujuan LADAP tersebut. Keduanya, seperti mana saya sebutkan sebentar tadi IPG juga dalam proses untuk menawarkan

kursus-kursus sarjana dan mungkin jikalau ada keperluan untuk ke tahap PHD tetapi itu masih lagi dalam perbincangan dan yang ketiganya kita melakukan *coexistence*.

Contohnya, di Sarawak baru-baru ini di Kuching kita telah lihat bagaimana IPG telah *coexist* bersama politeknik dan juga beberapa formulasi lain tetapi kita berusaha untuk tidak menutup IPG-IPG tersebut. Isu berkaitan status peruntukan RM50 juta SJK(T) bagi tahun 2018 telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah ada? *Sorry*, tidak nampak. Untuk maklumat daripada RM50 juta yang telah diluluskan untuk pembangunan SJK(T) bagi tahun 2018 sebanyak RM19.6 juta telah disalurkan bagi tujuan penyelenggaraan kepada Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS).

Untuk baki peruntukan KPM telah mengangkat permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan kelulusan bagi tujuan tersebut. Kita doa supaya dapat kelulusan. Yang Berhormat Kapar? Yang Berhormat Kapar...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Tidak ada, okey. Sebanyak lima Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Cameron Highlands oh silap ini. Seterusnya Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Tangga Batu ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Oh, Yang Berhormat Tangga Batu ada. Yang Berhormat Tangga Batu pula memohon penjelasan tentang status perpindahan kakitangan Pusat Asasi UIAM di Petaling Jaya ke Kampus Gambang. Untuk maklumat Yang Berhormat sebenarnya perpindahan kakitangan dan pelajar bukanlah dari Petaling Jaya kerana mereka telah meninggalkan Petaling Jaya lebih setahun yang lalu.

Mereka telah pun berpindah ke kampus-kampus UIAM yang berbeza kerana saya pernah mengajar di UIA dulu. Ada yang ke Gambang, ada yang ke Kuantan dan ada yang ke Gombak. Pusat Asasi di Kampus Gambang dan ini berita menarik dan ini berita baik iaitu Pusat Asasi di Kampus Gambang akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun 2019 dan akan memberi kemudahan dan keselesaan prasarana untuk 5,000 orang pelajar dan 382 kakitangan akademik dan pentadbiran. Terima kasih Yang Berhormat Batu Tangga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tangga Batu.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Tangga Batu. *[Ketawa]* Sebanyak lima Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Cameron Highlands...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Tidak ada. Yang Berhormat Setiu? Ada. Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Batang Sadong dan Yang Berhormat Setiawangsa telah mengemukakan cadangan dan pertanyaan berhubung bantuan pendidikan dan biasiswa. Yang Berhormat Cameron Highlands tidak datang, Yang Berhormat Batang Sadong?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak.

Dr. Maszlee bin Malik: Tidak ada juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Maszlee bin Malik: Oh, tidak ada, okey. Isu berkaitan TVET telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru, okey Yang Berhormat Johor Bahru dan Yang Berhormat Cameron Highlands. Yang Berhormat Cameron Highlands banyak dia tanya soalan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Solat.

Dr. Maszlee bin Malik: Oh, dia pergi solat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Bersangka baik.

Dr. Maszlee bin Malik: *[Ketawa]* Kakak saya ini bagus dia suka bersangka baik. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru setakat ini seramai 1,800 orang pelajar kohort...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bila jadi kakak ini?

Dr. Maszlee bin Malik: ...Tahun 2018 dari Kolej Vokasional telah berjaya menyambung pelajaran ke universiti awam dan swasta, 1,800 daripada mereka.

■1730

Dari aspek piawaian, KPM komited untuk memastikan program di kolej vokasional memenuhi standard Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia.

Lanjutan itu, KPM telah mewujudkan kerjasama antara kolej vokasional dan politeknik, kolej komuniti serta rangkaian universiti teknikal Malaysia dari segi sumber, peralatan, fasiliti, tenaga pengajar dan kepakaran termasuklah penambahbaikan kurikulum dan perkara ini dijangka selesai pada pertengahan tahun. Ini demi untuk memastikan usaha memperkasakan institusi TVET dan pelajaran TVET.

Manakala pertanyaan berhubung kemahiran vokasional untuk anak-anak Orang Asli—Yang Berhormat Cameron Highland. Tetapi tidak apa, kita jawab juga walaupun beliau tidak ada. Sehingga kini, bilangan murid Orang Asli yang mengikuti program kolej vokasional ialah seramai 115 orang.

Seterusnya saya beralih kepada isu berkaitan guru dan pensyarah. Seperti yang...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sedikit sahaja.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tentang kolej vokasional. Dahulu terdapat kes yang mana pelajar daripada kolej vokasional tidak boleh menggunakan sijil mereka untuk melanjutkan pelajaran ke IPT walaupun IPTS sekalipun. Adakah perkara ini telah pun diubah? Dari segi peluang kemasukan tersebut, bolehkah dibenarkan penggunaan sijil tersebut?

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih, Yang Berhormat Bera. Soalan yang begitu signifikan. Jikalau kita lihat, memang isu ini berlaku dan kita ambil maklum dan ambil cakna. Antara usaha intervensi yang kita telah lakukan, pertamanya, untuk memastikan kelayakan mereka diiktiraf oleh MQA, beberapa proses saringan telah dilakukan untuk pengiktirafan

tersebut. Yang mana program yang masih lagi tidak mendapat MQA, kita cuba pastikan mereka menepati syarat-syaratnya. Itu yang pertama.

Kedua, kita cuba berhubung dengan MTUN. Sekarang ini, Kementerian Pendidikan Malaysia merangkumi sistem pendidikan dasar dan juga sektor pengajian tinggi. Mudah kerana di bawah satu bumbung. Maka sepertimana yang saya telah sebutkan sebelum ini, KV telah berhubung dengan politeknik dan telah berhubung dengan *technical university* ataupun saya kata MTUN— bukan Tun M, okey— yang mana kita telah wujudkan laluan-laluan khas untuk pelajar daripada KV pergi sama ada ke politeknik ataupun pergi ke universiti teknikal ini. Begitu juga dengan kerjasama beberapa pihak industri, kita cuba pastikan bahawa sijil kita ini diiktiraf oleh industri di samping diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia juga melalui persijilan JPK mereka. Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Seterusnya saya akan beralih kepada isu yang dibangkitkan berkaitan guru. Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Batu Gajah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Setiu...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, tadi mengenai sekolah Orang Asli...

Dr. Maszlee bin Malik: ...Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Saratok...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sebelum berpindah.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Bagan Serai. Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sebelum berpindah ke tajuk lain, tadi ada menyebut tentang pendidikan Orang Asli. Saya mohon Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada Yang Berhormat Jelutong bahawa di Pos Senderut Cameron Highlands, ada sekolah kebangsaan. Jadi tuduhan daripada Yang Berhormat Jelutong, dia pergi masuk Pos Senderut di Cameron Highlands, dia kata, "*Tidak ada sekolah*". Saya pergi di Pos Senderut dan duduk di sana, ada sekolah SK Senderut. Saya minta Yang Berhormat Menteri betulkan Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Saya kira ia tiada kaitan dengan apa yang saya bawa. Akan tetapi, Yang Berhormat Jelutong telah pun dengar daripada Yang Berhormat Pontian dan beliau telah ambil maklum.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik: Jika ditanya kepada saya...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, sebelum beralih kepada tajuk lain.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sedikit sekolah Orang Asli. Sekolah Orang Asli. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Siapa? Saya ya. Yang Berhormat, ada kes di perkampungan Orang Asli, pelajar-pelajar tidak pergi melanjutkan pelajaran ke sekolah rendah sekalipun kerana kedudukan yang terpencil. Untuk meletakkan anak mereka di asrama untuk Darjah 1, tidak mungkin bagi mereka kerana terlalu muda dan sebagainya.

Jadi dulu Kementerian Pelajaran pernah berbincang dengan Kementerian Luar Bandar iaitu untuk menghantar guru secara individu ke perkampungan Orang Asli yang terlalu *remote* tadi supaya mereka boleh mendapat pelajaran dan selepas Darjah 6 mungkin mereka boleh masuk ke asrama ataupun mungkin Darjah 3, Darjah 4 boleh masuk ke asrama dan sebagainya. Adakah perkara itu diteruskan? Kerana kalau tidak, ianya akan menyebabkan keciciran berlaku di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bera.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu tadi, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Oh, Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Berkait dengan bantuan RM28 kepada setiap orang pelajar yang telah tidak diperuntukkan untuk tahun 2019. Tahun 2018 dahulu ada peruntukan ini. Hendak minta penjelasan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Bera, berkaitan dengan isu keciciran pelajaran di kalangan Orang Asli, sekarang ini kita sedang meningkatkan kempen keciciran sifar di kalangan bukan sekadar Orang Asli malah seluruh warga Malaysia. Maka antara projek yang dilaksanakan ialah Ziarah Cakna yang mana kita ingin supaya pihak sekolah menziarahi keluarga-keluarga dan saya sendiri telah terlibat di Kluang baru-baru ini pergi ke kampung-kampung Orang Asli untuk mengambil anak-anak ini masuk semula berdaftar. Kesannya agak menarik.

Begitu juga, kita juga melakukan proses libat urus dengan NGO dan pemegang taruh yang lain agar bersama-sama menggalakkan anak-anak Orang Asli datang ke sekolah.

Di samping itu...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Di samping itu, kita juga tidak menafikan terdapat juga beberapa cadangan, sepertimana yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Bera, untuk dihantarkan cikgu ke dalam. Jikalau kita ingat, jikalau kita perasan, saya telah menyebutkan sebelum ini berkaitan

dengan Jawatankuasa Kajian Dasar yang turut dianggotai salah seorangnya oleh ahli akademik daripada Orang Asli iaitu Profesor Juli Edo. Melalui beliau, banyak input-input yang menarik akan digunakan dan akan kita aplikasikan demi memberikan pendidikan berkualiti kepada Orang Asli.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, saya lagi tinggi daripada Yang Berhormat Menteri. Boleh nampak. Boleh? Boleh bagi sekejap? Yang Berhormat Menteri, terima kasih. *[Disampuk]* Diam. Saya bercakap sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta yang lain senyap.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, saya tunggu jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Kerana itu saya tidak celah. Saya tunggu kalau ada sentuh tiga perkara ini tetapi Yang Berhormat Menteri sudah pindah ke tajuk yang lain.

Saya ucap terima kasih Yang Berhormat Menteri beri perhatian kepada IPG tadi tetapi bukan sahaja IPG Ilmu Khas, banyak IPG yang daif. Maktab IPG Bahasa umpamanya. Ini adalah IPG yang melahirkan kebanyakan daripada kita di dalam Dewan ini dan mereka juga bakal melahirkan tokoh-tokoh kepimpinan di peringkat negara pada masa akan datang. Saya fikir Yang Berhormat Menteri kena beri perhatian kepada kebajikan pelatih-pelatih ataupun graduan kita daripada IPG itu. Itu saya sebut untuk IPG, Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri sebut SJKT, sebut sekolah Sabah, Sarawak begitu panjang lebar. Saya hendak bawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada sekolah di kawasan Semenanjung juga begitu keadaannya. Macam saya sebut di kawasan saya, SJKT Pertang itu, Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja lagi. Yang Berhormat Menteri angkat telefon, arah esok, minggu depan selesai. Saya *confirm*. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri beri perhatian kepada SJKT di Pertang ini.

Kemudian, asrama Lui Barat ini juga dua kali saya bawa ke Dewan, Yang Berhormat Menteri. Sudah terbakar lama, peruntukan sudah lulus oleh Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat Menteri angkat telefon arah supaya laksanakan tugas ini. Budak-budak sekarang ini, Yang Berhormat Menteri— bukan budak-budak, pelajar-pelajar kita terpaksa berulang jauh. Kasihan. Sudahlah anak-anak peneroka sekarang ini susah, ditambah kesusahan dengan bayaran tambang ke asrama *for nothing*, dengan izin. Saya minta Yang Berhormat Menteri tolong beri perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu. Saya akan angkat telefon.

Berkaitan dengan IPG Bahasa, saya telah pun menziarahi IPG Bahasa pada tahun yang lepas dan melihat sendiri apa yang berlaku. Pada minggu lepas, kita telah berbincang dengan Rektor IPGM sendiri untuk melihat apakah yang boleh kita lakukan untuk membantu IPG Bahasa itu sendiri di Kuala Lumpur.

Berkaitan dengan guru...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, sebelum beralih ke tajuk yang lain.

Dr. Maszlee bin Malik: Jika ditanya kepada saya siapakah adiwira yang paling agung di seluruh galaksi, jawapan saya adalah guru.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak nampak.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri nampak tidak Parit Sulong dekat sini? *[Ketawa]*

Dr. Maszlee bin Malik: Jika ditanya kepada saya siapakah pahlawan yang paling hebat dari seluruh peradaban...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Setiu tanya tidak jawab lagi, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Sekali lagi jawapannya ialah guru. Merekalah nakhoda yang sedang melahirkan angkatan pemimpin masa hadapan. Mereka ini jugalah yang telah disifatkan oleh sasterawan negara kita, Bapak A. Samad Said sebagai obor hemah. Mereka inilah obor hemah yang menyinari pertiwi.

Dari sebuah kelas yang kecil, suara para guru terus bergempita menerobos sempadan dunia. Semalam, hari ini, esok dan lusa, para guru tetap sejarah yang tidak pernah terpadam. Jatuh bangun negara bertukar-tukar generasi, seorang guru tetap insan yang tidak bisa diganti.

■1740

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Isu tugas guru dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Batu Gajah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KPM sentiasa mencari kaedah terbaik dalam mengatasi isu beban guru. Sehubungan dengan itu, KPM telah menubuhkan jawatankuasa mengkaji beban tugas guru. KPM juga telah melaksanakan sembilan intervensi yang diperkenalkan melalui lima inisiatif seperti yang telah diumumkan oleh saya sendiri dalam amanat tahun 2019 pada 14 Januari yang lalu.

Kementerian juga sedang perhalusi tindakan-tindakan bagi jangka sederhana dan jangka panjang untuk mengurangkan beban tugas guru termasuk tugas perkeranian. KPM juga telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) dan empat surat pemakluman sebagai tindakan segera dalam menangani isu beban tugas guru pada awal Januari 2019. Terima kasih kepada Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Kapar dan juga Yang Berhormat Ayer Hitam yang membangkitkan tentang kekurangan guru dan mencadangkan KPM membuat *redeployment* di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri bagi mengatasi masalah kekurangan guru dan taburan guru mengikut *option* yang *mismatch*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah.

Dr. Maszlee bin Malik: KPM telah mengeluarkan arahan penempatan semula guru dari sekolah yang mempunyai lebih guru ke sekolah yang kurang guru sepertimana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah.

Dr. Maszlee bin Malik: Arahan penempatan semula telah dikeluarkan melalui surat Pelaksanaan Penempatan Semula (*Redeployment*) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan pada 23 Julai 2019.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah hendak menjawab. Hendak tanya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Parit Sulong

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita bagi Yang Berhormat Parit Sulong dahulu.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun tajuk ini tadi susulan daripada yang Yang Berhormat Jelebu nyatakan, saya membaca satu laporan dalam surat khabar, tajuk laporan itu adalah "*Daifnya sekolahku.*" Dalam laporan itu ada menyatakan mengenai keadaan di SK Bertam. Apa yang saya pohon pada pihak kementerian adalah Yang Berhormat Menteri mungkin boleh melihat mengenai keadaan di SK Bertam ini yang mana ia menyatakan bahawa dia minta - di Gua Musang supaya Yang Berhormat daripada kementerian dapat menyelesaikan kerja-kerja baik pulih. Tadi Yang Berhormat sendiri nyatakan akan melihat mengenai perkara ini jadi saya mohon untuk SK Bertam ini melalui laporan surat khabar "*Daifnya Sekolahku*" tajuk dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya akan mengambil cakna isu SK Bertam. Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri. Memang betul masalah *redeployment* ini adalah masalah yang perlu diatasi oleh kementerian. Saya cuma hendak maklumkan pada Menteri dalam perbahasan, saya kata ada dua masalah iaitu kekurangan guru. Contohnya negeri Selangor, PIBG dan lembaga pengurusan sekolah mengeluarkan RM260 ribu untuk menggaji guru interim. Itu ditanggung oleh PIBG dan juga LPS dan keadaan ini makin menular. Daripada *survey* yang dibuat tidak kurang 323 dan kita tahu setiap tahun kalau SJK(C) sahaja, 800 yang akan bersara.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang pertama, mekanisme untuk kita mengatasi bekalan guru di SJK(C). Dahulu zaman kita tahun 2012 kita tubuhkan satu jawatankuasa meja bulat untuk selesaikan. Apakah perancangan itu akan diteruskan memandangkan itulah cara terbaik untuk mengatasi masalah?

Kedua, *redeployment*. Yang Berhormat memang benar, *redeployment* itu sangat diperlukan tetapi kenapa *redeployment* itu dibuat pada penghujung Januari? Sepatutnya sebelum buka satu sesi sekolah, ianya diawalkan. Apa yang menjadi masalah ialah minggu pertama Januari mereka sudah buat jadual waktu. Bila sampai empat minggu guru itu kena tukar. Tiba-tiba kena pusing balik dan cari guru untuk muatkan jadual waktu. Jadi, ini yang kita minta

kementerian awalkan empat minggu atau lima minggu supaya perkara ini tidak lagi menjadi masalah kepada operasi sekolah. Itu permintaan kita supaya dapat dipertimbangkan terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Permintaan akan dipertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Masjid Tanah minta di belakang.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Sekejap, sedikit sahaja. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Parit Sulong, saya juga berhadapan dengan perkara yang sedemikian yang mana guru di luar bandar ini terpaksa berpindah sekolah sedangkan mereka berusaha sedaya upaya untuk menaikkan nama sekolah dan apabila disebabkan oleh kekurangan guru ini mereka terpaksa berpindah tanpa notis. Amat kasihan sekali apabila sekolah yang kecil dan murid yang tidak ramai terpaksa berhadapan dengan kekurangan guru dan guru yang kurang arif dalam sesuatu subjek. Jadi saya mohon beri perhatian khusus untuk sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Masjid Tanah dan juga Yang Berhormat Ayer Hitam. Kita juga mengambil maklum dan akan cuba melakukan usaha pembaikan dari semasa ke semasa. Yang Berhormat Batu Gajah pula membangkitkan isu kekurangan guru *option* Bahasa Melayu di SJK(T).

Untuk makluman, guru yang berkelayakan mengajar dalam Bahasa Melayu Tahap 1 di SJK(C) dan SJK(T) hendaklah terdiri daripada mereka yang boleh bertutur dalam dwibahasa dan mempunyai kredit dalam Bahasa Melayu di peringkat SPM. Ketetapan ini adalah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas bilangan 17 tahun 2010, pengajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJK(T) dan SJK(C). Walau bagaimanapun, KPM bersedia menempatkan guru-guru opsyen Bahasa Melayu yang telah menamatkan pengajian di IPTG tanpa mengira jenis sekolah di masa akan datang.

Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Jelevu dan Yang Berhormat Cameron Highlands telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan hal ehwal dan mahasiswa di IPT. Berhubung *Zero Reject Policy* ataupun Dasar Penolakan Sifar bagi murid keperluan khas (MBK) ataupun murid OKU seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah, ibu bapa dibenarkan untuk mendaftarkan murid berkeperluan khas di mana-mana sekolah arus perdana

Walaupun bagaimanapun, memandangkan dasar sifar penolakan MBK sedang dalam peringkat pemantapan secara berperingkat mulai tahun 2019, maksudnya masih baru. Ibu bapa boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada JPN ataupun PPD berhubung pilihan persekolahan dan penempatan bersesuaian bagi murid-murid ini mengikuti pendidikan. Untuk makluman, ibu bapa dibenarkan menjadi pembantu guru di sekolah yang menempatkan anak-anak murid berkeperluan khas mereka dan guru hendaklah mengalu-alukan sumbangan dan juga

keterlibatan mereka. Ini adalah berdasarkan SPI KPM Bilangan 1 Tahun 2018 Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa, Penjaga dan Komuniti Sebagai Sukarelawan di Dalam Kelas.

Seperti yang kita sedia maklum, negara kita telah digemparkan tragedi pembuangan sisa toksik di Pasir Gudang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tragedi ini turut memberikan kesan buruk kepada murid-murid dan guru-guru di sekitar kawasan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Ayer Hitam. KPM sentiasa dalam kesiapsiagaan menghadapi bencana dengan menyediakan garis panduan menghadapi bencana melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 21 Tahun 1998 dan Bilangan 9 Tahun 2019. Surat pemakluman pengurusan menghadapi bencana di sekolah dan juga surat peringatan persediaan menghadapi bencana ataupun banjir.

Selain itu, KPM juga menyediakan bantuan bencana luar jangkaan seperti bantuan dari segi kaunseling dan psikologi dan bantuan kebajikan seperti alat tulis, buku dan pakaian serta bantuan fizikal. Namun demikian, bagi bencana yang melibatkan sisa toksik yang berlaku buat pertama kalinya pada skala yang besar, KPM belum mempunyai SOP yang khusus bagi situasi berkenaan lagi. Sehubungan itu, KPM mengambil langkah dengan mengadakan perbincangan dengan agensi yang berkaitan seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Kimia, Jabatan Alam Sekitar, Bomba dan agensi yang berkaitan bagi menyediakan SOP berkenaan persiapan untuk masa hadapan.

Isu berkaitan kebajikan mahasiswa terutamanya mahasiswa dari keluarga miskin telah mendapat perhatian Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai ada? Okey, *good* dan Yang Berhormat Jerai yang telah menyentuh isu penginapan mahasiswa di UM dan isu ikat perut di institut pendidikan tinggi. Pihak UM memberi keutamaan penginapan kepada pelajar dalam kalangan B40 dengan kapasiti sebanyak 12,418 katil dalam kampus.

Bagi penginapan luar kampus, Lembaga Pemegang Amanah Kolej Islam Malaya (LAKIM) sedang membantu untuk menyewakan fasiliti di Petaling Jaya dahulunya Matrikulasi UIA yang mampu menyediakan tambahan 2,500 katil bagi pelajar-pelajar UM. Pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UM telah memperuntukkan sebanyak RM80,000 setahun untuk semua urusan berkaitan dengan pelajar luar kampus dan pihak UM juga telah menyediakan kemudahan *bus shuttle* kepada pelajar yang tinggal di luar kampus.

Berhubung dengan isu ikat perut, KPM sejak dari dahulu bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan melalui pelbagai program bantuan termasuklah skim zakat, dan bantuan kebajikan pelajar, *HEP food coupon*, *food pantry* di kolej, *HEP Emergency Cash*, *central kitchen*, *UM Campus Food Bank* di *FSS Food Pantry* di UM. Dalam masa yang sama bantuan-bantuan lain yang sedang dilaksanakan seperti Program Food Bank Malaysia.

■1750

Terima kasih kepada KPDNHEP. Pihak UM, UKM dan UPM telah dipilih sebagai universiti perintis untuk program ini dan ia akan diperluaskan ke IPT lain. Terima kasih kita ucapkan sekali lagi kepada KPDNHEP atas usaha ini. Pihak KPM sedang bekerja keras untuk menyelesaikan isu ini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: [*Bangun*]

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kanowit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Menteri, boleh sebelum...

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kanowit ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kanowit ada? Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Tidak ada. Okey, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencadangkan atau bertanya soalan, adakah kementerian bersedia untuk mempertimbangkan penggunaan, sebagai contoh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) sebagai pangkalan data untuk mengumpulkan, bukan B40 tetapi saya difahamkan ada sekelompok ataupun satu kumpulan pelajar-pelajar yang ditakrifkan sebagai BL40 yang datang daripada keluarga berpendapatan RM1,000 ke bawah. Di Universiti Malaya sendiri jumlahnya mencecah 1,600.

Jadi sekiranya mereka didaftarkan dalam sistem ICU seperti e-Kasih sebagai contoh, bukankah kita boleh memberikan dari segi perkhidmatan itu ia lebih *direct* dan *straight* kepada yang memerlukan. Kerana saya lihat dari segi implementasi pelaksanaan ada beberapa perkara yang boleh ditambah baik.

Kedua, dari segi perumahan. Saya ingin mencadangkan sekiranya Yang Berhormat Menteri bersedia untuk pertimbangkan penggunaan sistem *micro housing* yang ada dibangkitkan oleh sama ada KPKT ataupun Menteri Wilayah Persekutuan, agar kita boleh usahakan satu pilot di Universiti Malaya sebagai contoh, untuk dilaksanakan di tempat lain. Ia kerana pada waktu ini Yang Berhormat Menteri, yang saya lihat walaupun kolej, saya bagi contoh Kolej Ke-7, Kolej Za'ba di Universiti Malaya, bilik yang boleh menempatkan dua orang, kini saya difahamkan ada yang menempatkan empat orang. Jadi memang mungkin jumlah itu jumlah yang banyak tetapi keadaannya sesak. Jadi saya ingin mencadangkan adakah Yang Berhormat Menteri bersedia? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai sedikit, boleh? Sedikit sahaja, *very short*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada persoalan Bagan Serai yang saya rasa tidak dijawab, yang saya tidak dengar. Berkenaan dengan profesor-profesor yang sudah bersara tetapi masih produktif. Mereka ini *experienced*, *expert* dan ada *networking* yang baik, mereka dapat membantu untuk memantapkan kualiti pelajar-pelajar di universiti. Apa pendapat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Menteri, masa telah tamat.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Menteri, Menteri, sikit sahaja. Menteri, depan, depan, sikit saja Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan untuk habiskan.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sikit saja Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Menteri, Menteri, saya hendak tanya sikit saja Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Universiti-universiti awam sentiasa memberi peluang kepada mana-mana profesor untuk memberikan sumbang saran mereka dan biasanya mereka akan dilantik secara kontrak. Namun, ianya terletak kepada kuasa universiti-universiti masing-masing. Begitu juga saya lihat di IPTS, kebanyakan profesor-profesor pencen kita banyak yang diambil untuk bekerja di IPTS.

Berkaitan cadangan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Ya kita mengambil peduli dan mengambil maklum semua cadangan yang baik sama ada oleh KPKT, oleh ICU, oleh para pelajar dan kita cuba membuat yang terbaik untuk kebajikan para pelajar.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Menteri sedikit sahaja, saya tunggu.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kota Samarahan dan Yang Berhormat Puncak Borneo telah menyentuh isu kebolehpasaran graduan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kementerian telah menjumudkan, membekukan dan melupuskan sebanyak 1,251 program yang tidak berdaya saing dan juga telah melaksanakan saringan yang ketat bagi semua program akademik baharu bagi semua universiti awam di Malaysia. Selain itu, KPM dalam proses membuat analisis mendalam seperti *predictive analytics* untuk mengenal pasti faktor-faktor kritikal di sebalik pengangguran dalam kalangan graduan termasuk graduan bumiputera. Lanjutan analisis itu, KPM akan melaksanakan pelan intervensi yang lebih bersasar.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu berhubung memartabatkan bahasa kebangsaan. Perkara ini jelas diperuntukkan dalam Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967 [Akta 32] yang memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi serta diterjemahkan dalam Surat Pekeliling Am untuk sektor awam. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi maksud rasmi perlu dan wajib digunakan dalam segala bentuk urusan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam.

Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan tanggungjawab, menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Namun, tanggungjawab memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu bukan sahaja terletak pada bahu DBP tetapi turut menjadi dukungan semua kementerian, badan bukan kerajaan serta seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan peringkat umur di negara ini. Bahasa adalah jiwa bangsa.

Munshi Abdullah pernah berpesan; *"Aku dengar bangsa-bangsa yang besar di dunia ini, mereka memiliki kepandaian membaca dan menulis dan memelihara bahasanya. Bahasa itu ditambah dan diluaskan, dibaiki dan dihaluskan sehingga kini. Sesuatu bangsa yang besar, besarlah bahasanya"*. Silakan.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar jawapan Menteri 45 minit. Jadi saya hendak tanya sedikit sahaja, adakah Yang Berhormat Menteri akan menjawab segala pertanyaan termasuk pertanyaan saya yang masih belum dijawab secara bertulis? Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kota Samarahan menyarankan agar kompetensi dan kapasiti PIBG ditingkatkan seperti melaksanakan jalinan pintar. KPM amat mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama dengan pelbagai pihak dari segi sumbangan kemahiran, kepakaran dan sebagainya yang boleh diperluaskan oleh pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) terutama jalinan pintar bersesuaian dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3, Tahun 2018, Sekolah Milik Masyarakat. Sekolah boleh dijadikan sebagai hab komuniti bagi menghubungkan komuniti setempat dengan pihak-pihak berkepentingan lain dalam memastikan kemenjadian murid untuk dicapai.

Untuk makluman, penekanan KPM sekarang adalah untuk meluaskan cakupan penglibatan masyarakat di dalam pembangunan pendidikan. Maka PIBG yang hanya terhad pada ibu bapa dan guru telah dikembangkan kini menjadi PIBK untuk memastikan komuniti turut sama terlibat iaitu Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti. KPM mengalu-alukan penglibatan yang lebih luas dari semua pihak sama ada pihak individu, NGO, syarikat swasta, IPT, budayawan dan lain-lain lagi. Ini selaras dengan aspirasi KPM untuk menjadikan sekolah milik komuniti, universiti milik masyarakat, pendidikan milik semua. Bak kata pepatah Afrika dengan izin; *"It takes a village to raise a child"*.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh KPM. Menjawab daripada Yang Berhormat yang bertanya tadi, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa seperti mana yang telah disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua, akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya dan ada yang akan dijawab secara bertulis.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, minta sedikit Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dr. Maszlee bin Malik: Akhir kalam, izinkan saya untuk memetik semula ucapan tokoh agung Maal Hijrah negara iaitu Datuk Dr. Siddiq Fadzil yang mana beliau telah berkata, *"Di balik kata Malaysia baharu, tersirat makna segunung harapan terangkatnya martabat insan, tegaknya keadilan, berdaulatnya kebenaran, meratanya kemakmuran dan terjamin keselamatan. Segala harapan tersebut hanya dapat direalisasikan dengan menegakkan moral bangsa berasaskan nilai-nilai agama dan budaya. Malaysia Baharu harus benar-benar satu departure, satu anjakan mendasar dari era sebelumnya, era yang tercedera dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa, pelanggaran hak asasi manusia dan keruntuhan nilai-nilai moral"*. Sekian, terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Hidup Menteri Pendidikan! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin menjemput Kementerian Belia dan Sukan, sila Timbalan Menteri untuk menjawab. 45 minit.

5.58 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga saya ingin mengucapkan terlebih dahulu jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah melontarkan pandangan, pertanyaan, cadangan dan juga kritikan yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh berbahas usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku dalam sesi sidang Parlimen kali ini.

Izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan seperti berikut. Pertama sekali kepada Yang Berhormat Johor Bahru yang membangkitkan isu berkaitan belia memilih kerja dalam industri yang melibatkan pekerjaan 3D, dengan izin, *“dirty”, “dangerous”, and “difficult”*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IRIS) telah melaksanakan satu kajian yang bertajuk, dengan izin, *Youth Unemployment Profiling and Employability Competencies* pada tahun 2016.

■1800

Salah satu objektif kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti kecenderungan belia terhadap industri yang melibatkan pekerjaan 3D. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa 73 peratus responden belia tidak berminat bekerja dalam industri 3D dan faktor yang mendorong golongan belia terlalu memilih pekerjaan terutamanya dalam bidang pekerjaan yang sukar, kotor ataupun berbahaya adalah seperti berikut:

- (i) Gaji pokok. Ini merangkumi responden seramai 38.4 peratus;
- (ii) Waktu bekerja - 17.8 peratus;
- (iii) Persekitaran tempat kerja - 15.0 peratus;
- (iv) Persepsi sosial - 14.1 peratus;
- (v) Peluang pembangunan kerjaya - 10.4 peratus; dan
- (vi) Faedah pekerjaan - 4.3 peratus.

Justeru, berdasarkan kajian tersebut juga, didapati belia yang menganggur berminat untuk bekerja dalam pekerjaan 3D sekiranya gaji yang ditawarkan adalah setimpal. Oleh kerana 37.3 peratus responden belia mencadangkan agar gaji pokok pada ketika tahun 2016 berjumlah sekurang-kurangnya RM1,000 sehingga RM2,000 sebulan dan 22 peratus responden belia mencadangkan gaji pokok sejumlah RM2,500 sehingga RM3,500 sebulan. Ini bertepatan dengan satu kes sebenar yang terjadi di Pulau Pinang di mana apabila kerja-kerja pembersihan ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai sebanyak 1,000 kekosongan pada tahun 2012, ada lebih kurang 5,000 pemohon telah memohon pekerjaan tersebut yang berada pada gred yang paling bawah iaitu H11 kerana gaji yang ditawarkan adalah dianggap setimpal.

Yang Berhormat Johor Bahru juga ada membangkitkan tentang langkah-langkah yang patut diambil oleh kerajaan untuk memberikan peluang kepada anak muda membina perniagaan atau pun *startup* daripada segi modal, ekosistem, pelaburan, inovasi dan bukannya sekadar memberikan geran sahaja. Dalam aspek ini, Yang Berhormat dari Sibuti turut ada menyarankan agar kerajaan memberi ruang yang lebih kondusif serta memikirkan cara yang lebih baik bagi mengembangkan usahawan belia dengan penggunaan media sosial. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian amat prihatin dalam memastikan pembangunan ekonomi belia sejajar dengan arus perubahan semasa. Kini, perniagaan telah berkembang ke alam digital secara atas talian atau pun *online*. Menyedari hal ini, kementerian merangka, merancang dan melaksanakan program pembangunan usahawan digital yang diberi nama Young Heroes dengan izin, bertujuan untuk memberikan pendedahan dan latihan secara praktikal potensi perniagaan atas talian atau pun *online business*. Peserta Young Heroes akan didedahkan dengan pelbagai teknik pemasaran dan strategi jualan dengan menggunakan medium atas talian dan media sosial. Platform yang digunakan meliputi media sosial seperti Facebook dan Instagram, *apps* komunikasi seperti Whatsapp dan Telegram, *website e-commerce* serta strategi dalam memasarkan produk mereka. Program ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2019 ini.

Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan juga telah melaksanakan program-program pembangunan usahawan muda yang bertujuan menerapkan budaya berniaga dengan memberi pendedahan, kesedaran dan pengetahuan. Kementerian turut bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan agensi-agensi yang lain yang terlibat dalam menjayakan usaha ini menerusi khidmat bimbingan dan nasihat di peringkat awal.

Bagi membentuk satu ekosistem yang berupaya menyokong usahawan belia, kementerian telah melaksanakan program '*youth go export*' dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk mengetengahkan produk-produk usahawan belia yang berpotensi untuk dieksport ke luar negara. Kementerian juga mewujudkan pusat sehenti maya atau pun *one stop center* menerusi portal Youth Entrepreneurial Network (YEN) yang bertindak sebagai medium bagi usahawan-usahawan muda mendapatkan kemudahan latihan dan dana pembiayaan untuk memulakan perniagaan mereka. Agensi yang menjadi rakan strategik di dalam portal ini antara lain termasuklah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bera telah membangkitkan tentang perancangan daripada pihak kerajaan untuk membangunkan sektor belia di luar bandar serta meningkatkan pendapatan mereka. Yang Berhormat Sibuti turut membangkitkan perkara yang sama terutamanya yang melibatkan inisiatif kementerian untuk membangunkan belia terutamanya di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui ruang yang terhad dan bidang kuasa yang ada telah melaksanakan program-program berprestasi tinggi bagi membangunkan belia secara inklusif termasuk kepada belia di luar bandar, belia daripada golongan B40 dan belia yang terpinggir.

Program-program yang telah diadakan termasuklah seperti;

- Program Reben Kuning yang memberikan peluang kedua kepada bekas-bekas banduan untuk mendapatkan peluang dalam kehidupan mereka selepas keluar daripada penjara;
- Perdana Fellows, Corporate Fellows yang berunsur seperti Perdana Fellows tetapi menempatkan pemimpin-pemimpin muda di sektor korporat;
- Fit Masjid;
- Program Youth Career (Y-Career);
- Program Keusahawanan Belia Bestari (B-Best);
- Keusahawanan belia digital yang telah saya sebutkan tadi Young Heroes;
- *Business on wheels*,
- Kursus Reka Bentuk Pembungkusan dan Pelabelan; dan
- Program Pembangunan Produk.

Bagi memberikan impak yang lebih tinggi, kementerian telah melaksanakan program-program ini dengan kerjasama kementerian-kementerian lain termasuklah Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak lupa utk memberikan perhatian kepada golongan belia berisiko tinggi iaitu belia yang berada di bawah pengawasan, belia yang dikenakan tindakan undang-undang dan belia yang tercicir dalam pelajaran peringkat menengah. Contohnya, belia dalam golongan ini turut akan diberikan pemberat untuk menyertai program Malaysian Future Leaders School. Bagi memastikan pembangunan belia yang berada dalam kategori ini tidak ketinggalan, kementerian dengan bidang kuasa yang ada telah merangka satu program khas yang baharu yang diberi nama Skill Training At-risk @ Youth (Star@U). Program yang dilaksanakan ini dijangka akan memberikan impak seperti berikut:

- (i) memberikan ruang dan peluang kepada lebih ramai belia mendapatkan kemahiran;
- (ii) mengurangkan gejala sosial negatif di kalangan belia berisiko, belia minoriti dan belia terpinggir;
- (iii) memperkenalkan kursus-kursus yang ditawarkan di ILKBS dan meningkatkan minat belia mendapatkan peluang belajar sepenuh masa;
- (iv) meningkatkan peluang belia menceburi bidang keusahawanan;
- (v) memberi peluang belia masa untuk menyambung belajar dan mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Bagi tahun 2019, sebanyak empat program My Future Youth, satu program Reben Kuning, 70 program My Future Youth Plus akan dilaksanakan melibatkan 21 Institut Latihan

Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Seramai 820 orang belia akan terlibat dalam program latihan ini yang akan melibatkan 13 bidang kemahiran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kementerian di peringkat negeri dan bahagian di negeri Sarawak sering melaksanakan program-program pembangunan belia dan sukan terutamanya di peringkat akar umbi. Pegawai-pegawai ini turut boleh dihubungi melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta Pejabat Belia dan Sukan Bahagian di Sarawak. Bagi menyahut pula tentang jemputan Yang Berhormat Sibuti supaya Menteri hadir atau pun datang ke negeri Sarawak, saya bagi pihak Menteri mengucapkan terima kasih atas jemputan tersebut dan beliau akan datang berkunjung ke Sarawak pada masa yang sesuai nanti.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong: Silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Untuk usahawan ya. Tahniah Yang Berhormat kerana banyak program-program yang dilaksanakan. Saya dengar tadi Reben Kuning dan berbagai-bagai lagi-lah. Cuma dua perkara. Isu yang dihadapi oleh belia luar bandar, pinggir bandar atau pun bandar, mereka berminat untuk menjalankan perniagaan sendiri, tetapi isunya adalah dana. Dulu ada skim Tabung Ekonomi Belia misalnya, di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Adakah belia-belia ini dibantu dengan dana-dana yang dikhaskan untuk mereka ini?

Kedua, banyak program telah pun dilaksanakan. Soalan saya dari segi kesan kepada program tersebut. Berapa jumlah usahawan belia yang telah pun dihasilkan daripada program-program yang disebutkan tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Sila Timbalan Menteri menjawab.

■1810

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Ahli Parlimen Yang Berhormat Bera yang juga merupakan Ketua Pembangkang.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh beliau iaitu geran ataupun dana untuk membantu peniagaan ataupun usahawan anak muda belia. Tentang tabung ekonomi belia itu kita memang sedia mengambil maklum bahawa dahulunya wujud satu program yang dipanggil Tabung Ekonomi Belia. Namun, selepas mendapatkan maklumat daripada pegawai-pegawai di peringkat kementerian kita mendapati program ini kita tidak dilaksanakan dengan efektif malah sebenarnya sudah beberapa tahun program ini dihentikan sebelum pilihan raya pun di masa pentadbiran kerajaan lepas.

Justeru itu, kerajaan ataupun pentadbiran KBS pada masa kini lebih menumpu kepada membantu para belia untuk mendapatkan dana-dana yang sedia ada oleh agensi yang mungkin lebih berkemampuan mengendalikan tabung ataupun dana seperti ini. Contohnya, melalui portal *Youth Entrepreneurial Network* tersebut tadi yang saya sebutkan. Para belia akan mendapat maklumat dan juga panduan untuk memohon dana untuk perniagaan ataupun usahawan mereka melalui agensi-agensi seperti TEKUN yang menawarkan dana-dana tersebut.

Bagi soalan tentang statistik, berapa usahawan belia yang telah diwujudkan melalui program-program ini. Mungkin saya akan meminta pegawai saya memberikan jawapan tersebut secara bertulis kepada Yang Berhormat daripada Bera.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Menteri dari Sibuti. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan tentang Program *Future Leaders* yang saya rasakan satu program mungkin menarik. Apa persoalan yang saya ingin bangkitkan adalah kemungkinan belia-belia bandar boleh kita nampak dan mereka boleh memohon untuk menyertai. Bagaimanakah dengan golongan belia minoriti? Contohnya di Sarawak, kaum-kaum kecil ataupun kaum contohnya seperti belia-belia Penan. Mereka mungkin tidak dapat maklumat. Bagaimanakah langkah ataupun cara kementerian membawa mereka untuk bersama di dalam program-program belia arus perdana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sibuti yang memang membangkitkan banyak isu-isu tentang belia. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Sibuti saya juga sebut tadi bahawa dalam Program *Malaysia Future Leaders School* belia-belia-belia berisiko, belia-belia terpinggir, belia-belia daripada kawasan pedalaman akan diberikan pemberat ataupun mungkin dalam kata lain kuota untuk menyertai Program *Malaysia Future Leaders School*. Jadi kita tidak akan meminggirkan mana-mana golongan belia.

Malah, Program *Malaysia Future Leaders School* bertujuan untuk memberikan ruang kepada belia daripada segala lapisan tidak kiralah warna kulit, pegangan agama, kepercayaan politik mahupun daripada geografi yang berlainan untuk bersama-sama hidup dan dilatih sebagai pemimpin masa depan Malaysia.

Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan saya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit?

Tuan Sim Chee Keong: Silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada dua perkara yang saya perlukan pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama, berkaitan *Malaysia Future Leaders School*. Saya faham dan saya meneliti ucapan dan jawapan pagi tadi tetapi tidak sempat untuk celahan atau soalan tambahan. Saya hendak dapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapa hanya tiga hari daripada 10 hari sahaja diperuntukkan untuk *indoor training*, tujuh hari untuk *outdoor training*? Itu yang pertama.

Bagaimana modul diambil? Bagaimana pemerolehan yang dibuat kepada syarikat yang memberi dipanggil *consent* yang dibuat di kem-kem BTN yang terdahulu? Adakah dibuat secara runding terus? Adakah dibuat secara *open tender*? Itu yang pertama.

Keduanya adalah berapa banyak kos? Oleh sebab saya faham dan saya ketahui *Training of Trainers* (TOT) sedang berlaku untuk *train* untuk keseluruhan kursus-kursus seperti bagaimana kementerian cadangkan? Itu yang berkaitan dengan sekolah-sekolah masa hadapan.

Keduanya, berkaitan dana disebutkan oleh Ketua Pembangkang tadi. Saya hendak tahu status terkini berkaitan dengan dana RM1 bilion yang telah dibuat koordinasi oleh kementerian-kementerian? Apakah status terkini? Berapa banyak daripada RM1 bilion itu telah disalurkan kepada anak-anak muda yang ingin melakukan usahawan. Terima kasih, Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Paya Besar. Tentang *Malaysia Future Leaders School* ini ada beberapa pecahan dalam soalan beliau. Mungkin soalan pertama iaitu mengapa dari segi sukatan program tersebut lebih kurang 30 peratus merupakan dalam bilik darjah dan 70 peratus di luar bilik darjah. Saya percaya ini sebagai satu projek perintis pada tahun ini. Kita akan memerhatikan keberkesanan program tersebut. Bagi saya tidak kira di luar ataupun di dalam bilik darjah sememangnya nilai-nilai yang kita hendak pupuk di kalangan anak muda kita boleh dilaksanakan. Jadi saya rasa itu tidak menjadi masalah. Walau bagaimanapun, kita akan memantau dan memerhatikan keberkesanan program-program ini di peringkat perintis ini ataupun di peringkat *pilot* pada tahun ini untuk melihat sama ada perlu ada penambahbaikan selepas ini.

Berkaitan kos MFLS, kos yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk program ini bagi tahun ini adalah sebanyak RM70 juta. Bagi isu tentang dana RM1 bilion tersebut, saya kurang pasti apa maksud soalan itu sebenarnya? Mungkin boleh dijelaskan apa dana RM1 bilion tersebut.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Dana RM1 bilion ini adalah dana di bawah iltizam pertama Buku Harapan. Sidang yang lepas saya ada bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan bagaimana koordinasi dibuat? Ini kerana dana RM1 bilion ini Yang Berhormat Menteri beritahu telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan telah dibuat satu Jawatankuasa Koordinasi bagi membincangkan duit-duit yang berada di kementerian untuk diselaraskan. Itu yang pertama. Jelas ya Timbalan Menteri?

Keduanya, saya hendak tahu berapa banyak kos yang telah dibelanjakan untuk *Training of Trainers* (TOT) di *outward bound* Lumut? Kenapa ada pula *outward bound* di Sabah. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Bagi soalan tentang dana RM1 bilion itu yang merupakan salah satu daripada iltizam manifesto yang disebut tadi, saya rasa Menteri akan membuat kenyataan yang lanjut selepas mempunyai keputusan yang lebih jitu. Jadi saya tidak akan menyentuh perkara ini sekarang.

Keduanya, tentang kos tersebut. Saya minta pegawai untuk berikan jawapan dalam bentuk bertulis.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Menteri, saya cuba bantu sedikit. Ini sebab saya *outward bound school* adalah tempat *raises* saya mana dekat universiti. Cuma saya hendak bantu sedikit.

Outward bound school diwujudkan setahun sebelum merdeka oleh Tunku Abdul Rahman dan dia punya *patron* sampai sekarang pun termasuklah Sultan Nazrin, Yang Berhormat Gua Musang pun pernah menjadi *patron* di sana.

Jadi di dunia *outward bound* Malaysia adalah kedua tertua pusat latihan berasaskan pengalaman yang kedua tertua di dunia. Itu sahaja saya hendak bantu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Timbalan Menteri, saya hendak...

Tuan Sim Chee Keong: Dia minta tentang kos. Jadi saya akan bagi tentang kos itu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Cuma ini Timbalan Menteri...

Tuan Sim Chee Keong: Saya rasa cukuplah dari Yang Berhormat Paya Besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cukuplah Yang Berhormat Paya Besar. Tidak diberikan laluan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit sahaja Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Saya akan teruskan ucapan saya untuk memberikan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Come on*-lah Timbalan Menteri, sedikit.

Tuan Sim Chee Keong:...jawapan kepada Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit.

Tuan Sim Chee Keong: Cukuplah tadi. Saya rasa sudah bagi jawapan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Cuba bagi jaminan saya. Satu sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini bukan perbahasan.

Tuan Sim Chee Keong: Sebab masa sudah suntuk ini.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Paya Besar, ini bukan- ini adalah perbahasan soalan yang telah dibawa diperbahaskan, bukan soalan-soalan baru.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sama ada dibuat secara rundingan terus atau *open tender*.

Tuan Sim Chee Keong: Kita akan bagi semua jawapan tersebut dalam bentuk bertulis termasuk kosnya sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Paya Besar. Teruskan Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Saya akan memberi maklum balas kepada ucapan ataupun pertanyaan daripada Yang Berhormat Cameron Highlands. Ini kali pertama saya menjawab pertanyaan beliau. Jadi saya ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Cameron Highlands yang

merupakan Ahli Parlimen daripada komuniti Semai yang pertama dalam Dewan Rakyat yang mulia ini.

Tentang saranan beliau agar kerajaan memberikan keutamaan kemasukan ke institut ILKBS ataupun Institut Kemahiran Vokasional kepada golongan belia daripada komuniti Orang Asli.

Saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengalu-alukan kemasukan anak muda dan para belia Orang Asli ke institusi-institusi dan juga program-program di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan mengawal selia 22 buah Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). ILKBS ini menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa daripada tahap satu hingga tahap lima menawarkan sijil kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta persijilan profesional yang melibatkan 13 bidang utama antaranya mekanikal, elektrik, elektronik, teknologi awam, hospitaliti, teknologi sukan, fotografi, automatif, tekstil, teknologi maklumat, teknologi marin dan minyak dan gas.

■1820

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini promosi kemasukan bagi *intake* Julai 2019 ke ILKBS sedang rancak digerakkan di seluruh negara. Salah satu inisiatif yang dirancang adalah dengan memilih negeri Perak dan Selangor sebagai kampus rintis bagi pelaksanaan pengambilan bersasar untuk belia Orang Asli. ILKBS akan terus berusaha meningkatkan lagi promosi di kawasan perkampungan Orang Asli dan akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam aspek ini.

Yang Berhormat Johor Bahru tadi juga turut menyentuh tentang usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi menyediakan kemudahan sukan bermotor dan litar lumba yang mudah diakses oleh anak muda bagi menyekat masalah lumba haram dan mat rempit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian telah membina litar lumba di Tangkak, Johor bagi kegunaan penggiat komuniti permotoran. Dengan adanya litar perlumbaan seperti ini, ramai lagi pelumba muda bertaraf juara dunia dan antarabangsa dijangka dapat dilahirkan.

Dengan kewujudan litar perlumbaan ini juga akan mengurangkan masalah-masalah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Selain daripada litar lumba di Tangkak, kementerian turut merancang untuk membina litar lumba di Sungai Petani Kedah. Manakala sepanjang tahun 2019 pula, sebanyak 13 program sukan permotoran telah dicadangkan untuk dilaksanakan. Contohnya kursus Marsyal, Klinik *Pocket Bike* KBS, dan *Motocross Championship 2019*. Untuk makluman Yang Berhormat...

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan litar sukan permotoran ini, saya dimaklumkan kalau rujuk kepada kenyataan sebelum ini bahawa kerajaan sebelum ini telah berjanji untuk mewujudkan litar ini di setiap negeri. Jadi kalau boleh Timbalan

Menteri semak balik sama ada pernah masuk dalam perancangan kementerian ataupun sekadar janji sebelum pilihan raya.

Kedua, saya juga difahamkan seperti litar di Tangkak ada juga litar swasta macam di *Elite* dan sebagainya, cuma kos untuk mereka menganjurkan kejohanan itu sebenarnya agak tinggi. Malah saya difahamkan kalau untuk di Sarawak, mereka terpaksa pula bayar lebih untuk agensi di Sarawak untuk membolehkan mereka berlumba. Jadi saya mohon kalau kementerian boleh lihat, macam mana kita boleh tambah baik dan memudah cara itu termasuk dari segi kos dan keselamatan. Saya sangat bersetuju yang mana Timbalan Menteri sebutkan bahawa kita akan ada kursus, latihan supaya niat kita adalah mereka mengikut kaedah yang terbaik sebab niat kita adalah untuk bersama-sama meraikan minat mereka, melahirkan pelumba yang bertaraf antarabangsa ataupun peringkat negara dan yang paling penting menghindarkan mereka daripada kegiatan yang tidak bermoral. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih atas cadangan dan juga idea, pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tersebut dan kita ambil maklum untuk mempertingkatkan lagi kaedah bagi pelaksanaan sukan permotoran di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Sibuti yang bertanya tentang perancangan untuk membina litar sukan di Sarawak. Pada masa kini, kementerian belum ada lagi cadangan, tetapi kementerian bersedia untuk melihat semula kemudahan sukan di Sarawak demi manfaat dan kegunaan penduduk tempatan.

Sebenarnya kementerian ini dalam proses merangka Dasar Kemudahan Sukan Nasional bagi memastikan setiap kemudahan sukan yang dibina kerajaan menepati keperluan rakyat setempat dan didirikan secara strategik. Ini bagi memastikan agar tiada kemudahan yang terbina menjadi gajah putih ataupun dengan izin, *white elephant* kerana mempunyai penggunaan yang rendah contohnya setelah dibina dengan wang rakyat.

Kementerian menyambut baik keprihatinan Ahli Yang Berhormat tentang cadangan penambahan Pejabat Jabatan Belia dan Sukan di Sarawak dan pembinaan kemudahan seperti kompleks sukan dan velodrom sama ada di kawasan bandar atau luar bandar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti, Putatan dan Jelebu. Ini saya rasa juga merupakan satu pengiktirafan kepada kerja-kerja yang baik yang dilakukan oleh para pegawai dan staf kita di Pejabat Belia dan Sukan di setiap negeri dan di setiap peringkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Pejabat Belia dan Sukan Daerah baharu adalah berdasarkan populasi belia dan permukiman baharu. Rasionalisasi penubuhan pejabat baharu itu akan melibatkan ataupun akan melihat kepada keperluan program pembangunan belia dan sukan yang dilaksanakan di kalangan belia setempat di daerah baharu tersebut. Kementerian perlu mengkaji keperluan perjawatan berdasarkan permohonan perjawatan baharu, perjawatan sedia ada dan pengisian mengikut skim perkhidmatan dan gred

jawatan. Semua ini perlu dipertimbangkan apabila menimbang permohonan untuk membuka ataupun menambah Pejabat Jabatan Belia dan Sukan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana dapat mendengar cadangan daripada Sibuti. Selain daripada itu, sekiranya tiada perancangan untuk menambah ruang pejabat ataupun pejabat KBS di daerah-daerah baharu, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan dan juga telah melihat secara menyeluruh keperluan pegawai-pegawai belia dan sukan di Sarawak terutamanya di luar bandar berkenaan tentang membekalkan kenderaan, sekurang-kurangnya sebuah pacuan empat roda kepada pegawai KBS supaya mereka dapat pergi lebih jauh untuk menjual ataupun *branding* jenama KBS ini di luar-luar bandar.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Sibuti. Kita sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal dan juga kebajikan para pegawai kita di peringkat daerah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat...

Tuan Sim Chee Keong: Nanti saya habiskan jawapan kepada Yang Berhormat Sibuti dahulu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jangan keluar tajuk Yang Berhormat. Masih tajuk yang sama Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong: Nanti saya kena jawab dahulu soalan beliau, saya akan bagi kepada Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Okey, okey.

Tuan Sim Chee Keong: Ya, kita sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal dan juga kebajikan para pekerja kita di semua peringkat termasuklah di peringkat Pejabat Belia dan Sukan Daerah. Jadi dalam aspek ini, kementerian sentiasa terbuka kepada permohonan dan permintaan daripada staf-staf di peringkat Pejabat Belia dan Sukan Daerah untuk mendapatkan kemudahan seperti kereta yang disebutkan tadi. Jadi saya juga memohon supaya Ahli Yang Berhormat boleh melakukan ataupun melaksanakan lawatan ke Pejabat Belia dan Sukan di daerah masing-masing untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut tentang keperluan dan juga program-program yang dilaksanakan dan jikalau ada keperluan yang perlu dikemukakan kepada pihak kementerian, pihak kami sentiasa mengalu-alukan pandangan daripada Yang Berhormat. Saya silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya? Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, Jelebu sebenarnya, kita tidak ada mencadangkan pasal pejabat belia ini. Kita sudah ada pejabat belia. Apa yang saya tanya tempoh hari ialah daripada kementerian tentang status kemudahan untuk belia di Jelebu, kompleks sukan yang telah diumumkan oleh

Yang Berhormat Menteri pada kerajaan yang terdahulu. Itu status itu saya hendak minta supaya pihak kementerian— apa status tentang kompleks sukan ini? Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat daripada Jelebu. Sebenarnya tadi saya kelompokkan bersama permohonan daripada Sibuti, Putatan dan Jelebu yang merangkumi penambahan Pejabat Jabatan Belia dan Sukan, kompleks sukan, velodrom dan sebagainya. Jadi untuk soalan Yang Berhormat daripada Jelebu tadi nanti kita akan bagi *update* ataupun maklum balas secara bertulis tentang status pembinaan kompleks sukan. Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, tentang peruntukan bagi memperbaiki Kompleks Sukan Labuan, gelanggang tenis, *basketball*, bola keranjang, kolam renang yang telah rosak, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sedang dalam proses untuk menaik taraf Kompleks Sukan Labuan dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada awal tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen dari Bera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah menganjurkan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL 2017) pada 19 hingga 30 Ogos 2017. Manakala, temasya Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur pula berlangsung pada 17 sehingga 23 September 2017. Penganjuran temasya-temasya ini diuruskan oleh jawatankuasa pengelola yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Belia dan Sukan ketika itu dan dibantu oleh 17 buah jawatankuasa.

■1830

Kesemua jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pegawai pengawal kementerian ataupun agensi masing-masing. Ini termasuklah Jawatankuasa Kewangan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Kementerian dan jawatankuasa pengelola juga telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Sekretariat Sukan SEA KL 2017 ataupun MASOC pada tahun 2015 bagi memastikan penganjuran temasya ini berjalan dengan lancar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekretariat Sukan SEA KL 2017 merupakan pejabat yang menyelaraskan penganjuran temasya sukan antarabangsa ini. Kementerian Kewangan pula berperanan memberikan kelulusan pembayaran, manakala Majlis Sukan Negara di bawah KBS bertindak sebagai pejabat pembayar bagi kelulusan-kelulusan yang diterima daripada Kementerian Kewangan.

Kesemua jawatankuasa yang terlibat dengan penganjuran temasya ini telah mengemukakan laporan pengelolaan dan laporan kewangan masing-masing. Jawatankuasa Kewangan juga telah menyiapkan penyata kewangan Kuala Lumpur 2017 dan telah selesai diaudit oleh juruaudit luar yang dilantik oleh Kementerian Kewangan. Laporan pengelolaan dan laporan kewangan ini akan diangkat ke mesyuarat pasca Kabinet nanti di KBS untuk mendapat punca kuasa bagi menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri untuk pengesahan laporan-laporan tersebut dalam jangka masa yang terdekat.

Kenyataan penuh tentang laporan-laporan ini akan dikeluarkan selepas penelitian oleh jawatankuasa ini.

Walau bagaimanapun, saya boleh sebut di sini bahawa berdasarkan laporan awal yang dikemukakan oleh juruaudit terdapat beberapa teguran contohnya tindakan penyelarasan terhadap aset, akaun dan pembetulan dari segi prosedur kelulusan dan pembayaran. Seperti yang saya sebutkan tadi kenyataan penuh tentang laporan-laporan yang dikemukakan oleh jawatankuasa dan juga MASOC akan diberikan selepas penelitian oleh jawatankuasa di KBS yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Kampar telah menyentuh tentang peningkatan kos pembinaan fasa satu Kompleks Belia dan Sukan, Bukit Jalil yang pada awalnya dianggarkan berjumlah lebih kurang RM499.21 juta namun telah meningkat kepada RM1.03 bilion iaitu peningkatan sebanyak 73.72 peratus. Kementerian Belia dan Sukan pada hari ini, kita mengiktiraf situasi kenaikan ini yang menyebabkan kekurangan dana untuk pelaksanaan projek pembangunan fasa yang kedua. Justeru itu, Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) telah diarahkan untuk melihat semula projek fasa satu tersebut dengan pemaju dan kontraktor yang terlibat bagi memastikan bahawa tiada kepincangan dan supaya semua jurang kelemahan ditangani dengan baik.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya, saya menerima baik jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tentang masalah *cost overrun* di Stadium Bukit Jalil ini. Akan tetapi isu sekarang apabila kementerian mengarahkan PSM untuk menjalankan siasatan semula mengenai kos fasa satu itu, apakah apa-apa rancangan untuk memastikan PSM dapat menjalankan siasatan tanpa halangan sebab sehingga hari ini langkah-langkah ataupun permintaan PSM untuk mendapat maklumat daripada MRCB menemui jalan buntu kerana MRCB memberi alasan-alasan sehingga Perlembagaan untuk tidak memberi jawapan kepada PSM. Adakah kementerian akan mengatasi masalah ini.

Mengenai fasa kedua dan telah pun terbatalnya – adakah ia dengan ini terbatal sahaja sebab tanah yang bernilai berbilion itu telah pun diberikan kepada MRCB dan saya difahamkan MRCB akan membina *headquarter* mereka di tanah tersebut dan tanah itu telah dijual kepada pihak EPF. Adakah itu benar?

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Kampar. Terima kasih kerana membangkitkan satu isu yang saya rasa penting dalam Kementerian Belia dan Sukan. Ada dua soalan yang dikemukakan. Satu adalah tentang kerjasama oleh pemaju dengan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dalam siasatan. Saya rasa janji ataupun jaminan yang kita boleh berikan di sini adalah pihak Kementerian Belia dan Sukan tidak akan berkompromi terhadap apa-apa masalah ataupun penyelewengan jika ada berlaku dalam kementerian tidak kira sekarang ataupun terdahulu. Jadi dalam aspek ini, kita akan memberikan kuasa kepada PSM untuk melakukan perbincangan dan juga siasatan dengan para pemaju dan kontraktor yang terlibat dan mereka wajib untuk memberikan apa-apa maklum balas kepada pihak PSM juga kementerian.

Dari segi pembatalan fasa kedua, Kementerian Belia dan Sukan telah menerima baki wang yang diperuntukkan untuk fasa kedua tetapi baki tersebut oleh sebab telah digunakan dalam fasa pertama, maka tidak mencukupi untuk pembinaan fasa kedua. Itulah sebabnya mengapa kita mengarahkan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) untuk melihat kepada projek fasa pertama tersebut, untuk melihat sama ada apa-apa jurang ataupun apa-apa isu yang telah berlaku sehingga ada kenaikan lebih 70 peratus.

Akhir sekali, saya melihat kepada cadangan Yang Berhormat daripada Setiawangsa agar kementerian mengkaji potensi sukan *downhill cycling* di Malaysia. Kementerian menyahut baik cadangan dan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Setiawangsa seperti mana kita menyahut baik segala cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dan kita akan mengkaji sama ada kesesuaian basikal *downhill* ini untuk keadaan masyarakat kita, keadaan di negara kita dan juga dari aspek keselamatan, minat dan juga kecenderungan dalam sektor ataupun dalam sukan *downhill cycling* ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk memberikan penggulungan ke atas ucapan Titah Diraja. Sekian terima kasih.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Yang Berhormat, pohon – Putatan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah duduk pun. Terima kasih Kementerian Belia dan Sukan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Silakan.

6.37 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismilahi Rahmani Rahim [Mengucapkan kata-kata aluan dalam bahasa Arab].* Tuan Yang di-Pertua, ini giliran saya berucap. Saya hendak komen sedikit. Hari itu Yang Berhormat Lenggong, dia cabar saya untuk menjawab tetapi apabila saya menjawab, dia guna peraturan Dewan untuk hentikan saya bercakap. Lalu saya rasa cukup terkesan. Apabila dicabar untuk menjawab tetapi apabila saya bangun menjawab, dia berselindung di sebalik peraturan Dewan tidak beri saya menjawab. Selepas itu keluar pula dalam *Facebook* kata saya lari.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lari, saya keluar, saya jalan *slow, slow* kerana kalau saya duduk di sini pun saya tidak boleh berucap, sedangkan ada banyak kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan yang saya rasa memang memerlukan jawapan. Di antaranya Tuan Yang di-Pertua, di antaranya tuduhan bahawa ada parti yang merupakan parti komunis. Akan tetapi yang kita tahu hanya satu parti sahaja yang ada hubungan rasmi dengan parti komunis Cina iaitu parti UMNO. Akan tetapi dia boleh main sewenang-wenangnya tuduh parti lain pula parti komunis. Ini merupakan...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri Wilayah jawab tentang wilayah sahajalah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya rasa tidak apa...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ini jawablah tentang kementerian dia. Buat apa jawab benda yang bukan-bukan ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Hah tahu pun.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Allah, orang hendak balik ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tahu pun yang cakap itu semua yang bukan-bukan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Menteri bodoh.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Jawab apa yang dibangkitkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia bangkitkan, Menteri bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menasihatkan Yang Berhormat Menteri jawab tentang wilayah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Heh bodoh, jawab elok-elok.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bodoh!

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya – ada orang gila di sini. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya hendak pesanlah, jangan sewenang-wenangnya tuduh orang komunis sedangkan parti awak sendiri yang ada perjanjian dengan parti komunis Cina, memalukan ya. Kedua,...

■1840

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri Wilayah ini Setiausaha Agung parti apa? Bodoh!

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya bukan Setiausaha Agung. Saya Ketua Penerangan dan saya tahulah bahawa daripada mana dia ini ya? Arau. Oh! dari Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hei! Jebon. Hei! Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, jangan tunjuk dia terlampau cerdik sangat. Bodoh ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Dia tengah marah, tidak tahan ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Engkau tutup habis bazar Ramadan untuk orang berniaga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Teruskan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak kenal orang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, peraturan mesyuarat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan Mesyuarat 44(2).

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri ini adalah seorang yang bodoh. Orang pun tidak kenal.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan peraturan mesyuarat. Ada peraturan mesyuarat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya, Peraturan Mesyuarat 44(2). Saya melihat, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau ada mengeluarkan kata-kata yang *unparliamentarian* terhadap satu individu yang khusus. Berbeza dengan apa yang berlaku di awal tadi. Mungkin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh berikan petua dan pohon Yang Berhormat Arau untuk tarik balik. Saya rasa kurang sesuai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua pagi tadi membiarkan perkataan bodoh digunakan. Jadi, sekarang ini perkataan bodoh ialah *parliamentary*, bukan *unparliamentary*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Seperti yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua tadi yang membenarkan perkataan tersebut digunakan. Saya tidak mahu guna perkataan ini kepada Yang Berhormat. Dia ini seorang yang baik, rambutnya putih, tetapi malangnya oleh sebab perkataan itu dibenarkan digunakan, maka saya gunakanlah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang dimaksudkan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, belum habis lagi itu peraturan mesyuarat. Ya, sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ini kerana saya rasa kita semua perlu mainkan peranan. Ini adalah platform satu negara boleh lihat kita sekarang *live online*. Jadi, saya harap kita semua, tidak kira di sebelah kerajaan ataupun sebelah pembangkang, kita mainkan peranan untuk kawal emosi dan gunakan perkataan yang lebih sosok dengan sifat Dewan yang mulia ini. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua keluar petua. Mohon Yang Berhormat Arau tarik balik dan kita semua boleh hentikan menggunakan perkataan yang tidak baik itu. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sememangnya perkataan seperti bodoh, penipu dan perkataan-perkataan sealiran dengannya tidak boleh digunakan. Inilah keadaan Dewan yang mulia ini sekarang. Kedua-dua belah pihak menggunakan istilah-istilah sedemikian. Jadi, saya ingat tibalah masanya kita batalkan penggunaan kata-kata begitu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, apakah Tuan Yang di-Pertua hendak *override* keputusan Tuan Yang di-Pertua pagi tadi? Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua itu cukup hebat, berwibawa. Tetapi, dia tidak adil, dia *bias*. Tetapi dia benarkan perkataan bodoh digunakan. Ketua Menteri Pulau Pinang menggunakan perkataan bodoh, dia benarkan. Jadi, kami pun terus menggunakan perkataan bodoh seolah-olah satu perkataan yang biasa.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, kalau...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tidak apa. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Walau apa pun, dari saat ini, saya tidak akan membenarkan sesiapa menggunakan perkataan bodoh.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Okey. *All right.*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak cadangkan satu *ruling*. Walaupun tidak ditujukan kepada individu pun, seeloknya kita tidak payah pakailah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak perlu. Tidak perlu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya ingat kalau kita ada pilihan kebebasan pun, saya ingat lebih baik kita ikut sunah daripada kita ikut *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Kangar ini pagi tadi Yang Berhormat tidak kata apa pun bila Tuan Yang di-Pertua membenarkan perkataan bodoh. Sekarang ini Yang Berhormat cuba-cuba hendak cakap lemah lembut, sunah dan sebagainya. Kenapa pagi tadi tidak pakai? Kenapa pagi tadi membenarkan perkataan tersebut digunakan? Kesian dekat Yang Berhormat Menteri Wilayah ini. Dia tidak faham...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, rasa ini sudah memesong dari...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, tidak apa. Arau dengan Kangar duduk dekat sahaja. Tidak apa. Tidak apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah yang komunis ini...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, semua sudah dewasa, orang yang dah tua, orang yang berpengalaman. Kita harus bagi pandangan-pandangan dekat luar. Orang semua dengar dekat luar, mesti contohi kita.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Bagus, bagus.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kalau kita tidak beri satu contoh di Dewan yang mulia ini, bagaimana akan jadi pada orang dekat luar?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, pagi tadi kenapa benarkan Ketua Menteri Pulau Pinang menggunakan perkataan bodoh?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tidak apa, benda yang lalu itu dilupakan. Bagi kita kawan balik. Bagi peluang pada dia bagi hujah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oh! Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Baik. Sila duduk Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lepas kamu pukul, kamu ajak buat baik. Pukul sahaja buat baik. Pukul, buat baik. Sekarang saya hendak pukul dahulu, baru boleh buat baik.

Tuan Yang di-Pertua: Dah. Dah. Sudah dipukul. Duduk. Silakan Yang Berhormat Menteri. Khusus untuk Kementerian Wilayah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya, saya beri jaminan pada Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan guna perkataan bodoh. Akan tetapi, kurang cerdik itu mungkin. *[Disampuk]* Eh! Kurang cerdik tidak apa. Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

6.45 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan sepanjang perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14 Dewan Rakyat tahun 2019 kali ini khususnya Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, Ahli Yang Berhormat Labuan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Labuan ada?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Oh! Yang Berhormat Labuan ada. Tadi hilang. Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang dan Ahli Yang Berhormat Batu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat jawab semualah. Tak payah kira siapalah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya. Saya ucap terima kasih sahaja kepada dia. Yang Berhormat Arau ini kacau apa hal? Biasakan duduk sebelah sana, duduk diam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Setiawangsa ada mencadangkan kawasan Bukit Dinding supaya tidak dibangunkan sepenuhnya tetapi turut dibangunkan bagi tujuan aktiviti sukan *downhill cycling*. Tadi Kementerian Belia dan Sukan pun ada sebut perkara yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan ini memerlukan kajian kesesuaian tapak yang terperinci kerana mengikut rekod di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sejumlah 229.8 ekar atau 71.57 peratus daripada kawasan Bukit Dinding adalah tanah milik persendirian. Mengikut Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 pula, tanah-tanah pemilikan persendirian ini telah dizonkan dengan Zon Guna Tanah Kediaman 1 dan Kediaman 2. Ini menjadikan kawasan milik persendirian ini mungkin kurang sesuai dijadikan kawasan sukan *downhill cycling*.

Laluan ataupun *trail downhill* yang digunakan dalam acara *Bukit Dinding Downhill 3.0* pada 2 dan 3 Mac 2019 yang lalu menggunakan tanah persendirian sebahagian besarnya milik Nova Pesona Sdn Bhd dan sebahagian kecil di kaki bukit milik MCL Land (Malaysia) Sdn Bhd.

Nova Pesona Sdn Bhd telah mendapat kelulusan perintah pembangunan pada 11 Oktober 2004. Pindaan terkini bagi membangunkan tanah ini bagi kegunaan pembangunan perumahan berstrata dan rumah kelab telah diluluskan pada 18 Julai 2018 iaitu selepas pilihan raya ya. Dalam kelulusan ini juga, pemaju telah disyaratkan bagi menyerahkan sebahagian 32.41 ekar daripada tanahnya bagi kegunaan kawasan lapang awam.

Sehubungan dengan itu, apabila tanah ini dimajukan sepenuhnya kelak, penganjur sukan *downhill cycling* perlu berbincang dengan pemilik tanah ini supaya dapat menentukan bahawa

kawasan ataupun *trail* yang digunakan untuk *downhill cycling* ini masih dapat dikekalkan sebagai *trail* untuk *downhill cycling*.

Program ini, Tuan Yang di-Pertua, telah mendapat sambutan yang agak baik bukan sekadar daripada rakyat tempatan tetapi juga daripada golongan belia daripada luar negara. Oleh sebab itu, usaha untuk mengekalkan *trail* ini adalah satu usaha yang baik dan kita mengharapkan bahawa pihak penganjur boleh berbincang dan berunding dengan pemilik tanah itu.

Menurut rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga, di kawasan Bukit Dinding ini terdapat kira-kira 91.23 ekar adalah tanah kerajaan yang telah dizonkan dalam Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 bagi kegunaan kawasan lapang awam, rizab sekolah, rizab tangki air dan sebahagian kecil di atas puncak bukit untuk kegunaan rizab telekomunikasi.

■1850

Kawasan tanah kerajaan seluas 50.61 ekar yang dizonkan bagi kegunaan kawasan lapang awam ini, telah digunakan untuk *trail* basikal *all mountain* pada masa ini dan sesuai dikekalkan sebagai tapak bagi aktiviti sukan basikal *all mountain*. Akan tetapi, pada masa yang sama, penganjur *downhill cycling* boleh juga berunding dengan pihak DBKL untuk melihat sama ada kawasan tanah milik kerajaan itu boleh digunakan untuk *downhill cycling* sekiranya pemilik tanah persendirian iaitu Nova Pesona Sdn. Bhd. tidak bersetuju dengan cadangan yang telah kita sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian 43 peratus dan 18 peratus daripada kawasan Bukit Dinding merupakan kawasan cerun Kelas III dan kelas IV manakala selebihnya 39 peratus terdiri daripada kawasan cerun Kelas I dan Kelas II. Mengikut Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Cerun Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010, kawasan cerun Kelas IV boleh dipertimbangkan untuk pembangunan. Ya, ini kalau di tempat lain Kelas IV tidak boleh. Akan tetapi di Wilayah ini, dibenarkan dan memerlukan kaedah penyelesaian kejuruteraan ataupun *engineering solution*.

Dari aspek kawalan hakisan, kesan daripada pembangunan yang ditimbulkan Yang Berhormat Setiawangsa, kita perlu memahami bahawa pembangunan yang diluluskan di kawasan bukit ini, DBKL akan memastikan semua cadangan pembangunan akan dikenakan syarat untuk kelulusan kerja tanah terlebih dahulu sebelum sesuatu kerja-kerja pembangunan boleh dimulakan. Ini merupakan syarat penting yang dikenakan supaya kerja-kerja tanah yang akan dijalankan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh jurutera bertauliah. Kerja-kerja kejuruteraan ini juga dinilai oleh pemeriksa bebas bertauliah atau *independent checker* bagi memastikan reka bentuk kejuruteraan yang dapat menjamin keselamatan dan kestabilan tanah yang dibangunkan. Itu soalan pertama yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiawangsa.

Soalan yang kedua, Yang Berhormat Labuan telah bertanya berhubung dengan Jambatan Labuan-Menumbok. Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, merujuk kepada

Penyata Rasmi Dewan Rakyat pada 15 Ogos 2018, Kementerian Kewangan telah memutuskan bahawa kajian pelaksanaan Jambatan Labuan-Menumbok dibatalkan. Pada 15 Ogos 2018, ya.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah mendapat arahan untuk tidak meneruskan kajian pelaksanaan tersebut. Keputusan membatalkan kajian pelaksanaan tersebut dibuat mengambil kira dasar penjimatan kerajaan baru pada masa itu. Sebagai maklumat, kajian tersebut melibatkan keseluruhan kos sebanyak RM14 juta yang dianggap tidak munasabah. Namun begitu, Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil langkah awal dengan meletakkan projek pembinaan Jambatan Labuan-Sabah sebagai keutamaan teras ketiga dalam enam teras hala tuju bagi tempoh lima tahun kementerian yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam, sekali gus akan memperbaiki kemudahan infrastruktur dan jaringan perhubungan bagi tujuan memperkasa ekonomi pulau tersebut.

Perbadanan Labuan juga pada masa ini, telah mengenal pasti alternatif sebagai tindakan segera. Bekerjasama dengan pihak swasta untuk meningkatkan “kemudahsampaian” orang luar untuk memasuki Pulau Labuan. Misalnya, cadangan operasi feri ekspres berkelajuan tinggi yang menghubungkan Pulau Labuan ke Kota Kinabalu secara *direct*. Dengan adanya kemudahan ini, tempoh perjalanan yang mengambil masa yang lama iaitu lebih kurang dalam tiga jam lebih. Bagi orang yang hendak datang daripada Kota Kinabalu pergi ke Labuan, dia kena turun, *drive* naik kereta dari Kota Kinabalu turun ke Menumbok.

Selepas itu, dari Menumbok naik feri sampai ke Labuan, ya, dalam tempoh lebih kurang tiga jam setengah akan dipercepatkan dan penumpang akan lebih selesa kerana perjalanan feri yang laju ini daripada Kota Kinabalu *direct* ke Labuan mengambil masa kurang daripada dua jam. Kenapa Barisan Nasional tidak memikirkan penyelesaian yang mudah sebegini?

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya pun tidak tahu.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid bin Abd Samad: Sudah 60 tahun pegang tetapi masih menggunakan pendekatan yang lama. Ini dijangka akan menarik lebih ramai pelancong luar dan domestik untuk berkunjung ke Wilayah Persekutuan Labuan sebagai alternatif kepada sistem pengangkutan udara yang terhad dari segi kapasiti dan kekerapan.

Selain itu juga, terminal feri kenderaan yang baru turut diberi keutamaan apabila lokasi terminal dipindahkan ke Kerupang iaitu di satu lokasi yang lebih strategik dan hampir kepada terminal di Menumbok, Sabah. Lokasi yang baru ini akan memendekkan masa pelayaran dan juga mengurangkan isu kesesakan lalu lintas di pusat bandar seperti yang berlaku pada masa ini. Sekarang ini, yang feri penumpang, feri kenderaan, semua turun dekat terminal yang sama dan ini menghasilkan satu keadaan kesesakan yang tidak diinginkan. Kita akan pisahkan supaya yang feri penumpang pergi kepada terminal feri yang sedia ada dan feri kenderaan akan pergi ke terminal feri yang baru di Kerupang.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah menerima beberapa cadangan daripada pihak swasta yang berminat untuk membina Jambatan Labuan-Menumbok. Ini *direct* kepada soalan

Yang Berhormat Labuanlah, ya. Ini tentang soal Jambatan Labuan-Menumbok. Syarikat-syarikat ini merupakan usaha sama di antara syarikat tempatan dan syarikat antarabangsa khususnya syarikat China dan Korea. Kementerian sedang mengkaji cadangan-cadangan ini dan akan mengusahakan satu *request for proposal* (RFP). Ini akan dilakukan bersama dengan penglibatan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sabah.

Semua usaha untuk mengukuhkan infrastruktur dan pengangkutan di antara Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah termasuk cadangan pembinaan jambatan, terminal feri kenderaan serta lain-lain aspek pembangunan perlu persetujuan kedua-dua pihak. Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, kerajaan negeri Sabah sekarang lebih terbuka terhadap cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok berbanding Kerajaan Negeri Sabah semasa Sabah di bawah Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Labuan bahawa sekarang adalah di peringkat pelaksanaan masa ini sudah di peringkat dan kajian yang hendak dilakukan adalah untuk peringkat pelaksanaan yang sepatutnya telah dimulakan, bukannya di peringkat boleh laksana amat dicurigai kesahihannya. Ia sebenarnya kajian ini dulu sudah ada. Kosnya RM4 juta. Selepas itu, dibuat satu lagi kajian kononnya hendak buat kajian yang kedua ini bukan sekadar untuk kebolehlaksanaan tetapi untuk pelaksanaan. Ini merupakan satu alasan yang amat dicurigai dan besar kemungkinan ianya hanya merupakan janji pilihan raya oleh pentadbiran sebelum ini.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Labuan bangun untuk minta penjelasan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah pentadbiran baharu ingin memberikan jaminan bahawa RFP terhadap pembinaan jambatan akan dilakukan dalam penggal ini juga. Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Yang Berhormat Menteri minta penjelasan sedikit. Bukankah RM14 juta lebih yang diperuntukkan untuk kajian pelaksanaan itu adalah untuk kajian teknikal yang juga melibatkan skop untuk kajian sambungan Pan Borneo daripada Beaufort ke Menumbok ke jambatan tersebut? Jadi, RM14 juta untuk skop yang besar seperti itu termasuklah kajian hidro, laut dan sebagainya, saya rasa ia bukanlah sesuatu yang tidak munasabah seperti yang dikatakan Yang Berhormat Menteri. Malahan, lantikan itu menjadi lambat dibuat disebabkan konsultan merasakan *amount* itu tidak mencukupi. Terima kasih.

■1900

Tuan Khalid bin Abd Samad: Baik, terima kasih Yang Berhormat Labuan. Itu pandangan Yang Berhormat Labuan, tetapi dari pandangan kami, ia adalah sebaliknya dan yang sekarang ini melalui RFP itu maka kos untuk membuat kajian kebolehlaksanaan dan kajian pelaksanaan akan dilakukan oleh pihak swasta yang mencadangkan pembinaan jambatan itu.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang telah membahaskan mengenai penutupan Jalan Tuanku Abdul Rahman antara Jalan Isfahan dan Jalan Melayu. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL

telah bercadang untuk menutup secara separa Jalan Tuanku Abdul Rahman, bermula dari persimpangan Jalan Isfahan hingga persimpangan Jalan Melayu kepada kenderaan persendirian. Hari penutupan yang di cadangkan adalah pada hari Sabtu dan Ahad serta cuti umum, dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam, ia akan bermula pada hari Sabtu 6 April 2019. Tempoh percubaan adalah selama sebulan sepanjang bulan April 2019. So, ini *trial* dan *testing period* sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lembah Pantai sudah bangun, minta penjelasan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Biarlah saya habis jawab semua lagi. Okey, terima kasih [*Ketawa*]. Untuk menangani masalah punggah-memunggah di lokasi terlibat, DBKL akan membuka sepenuhnya laluan di lorong Tuanku Abdul Rahman dan lorong Gombak untuk tujuan berkaitan. DBKL juga telah melaksanakan beberapa pelaksanaan skim pengurusan lalu lintas dan perubahan fizikal untuk memastikan kegiatan punggah memunggah dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

Di samping itu juga, perkhidmatan bas dan teksi masih dibenarkan untuk menggunakan Jalan Tuanku Abdul Rahman di sepanjang tempoh penutupan secara separa dilaksanakan. Semasa penutupan separa ini dilaksanakan, DBKL akan melakukan penilaian secara teliti, khususnya impak terhadap aktiviti peniagaan termasuk kesan terhadap peniaga-peniaga yang terlibat secara langsung. Satu penilaian akan dilakukan berdasarkan maklum balas dan penganalisan ke atas tahap kesesakan aktiviti perniagaan dan pejalan kaki sebelum satu keputusan muktamad dibuat, sama ada penutupan separa ini dikekalkan ataupun ditarik balik. Ya. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan yang dasar seperti ini sebenarnya mendatangkan manfaat yang banyak kepada warga Kuala Lumpur dan boleh memangkinkan pertumbuhan ekonomi setempat.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Selain daripada kawasan ini, manakah kawasan-kawasan lain di sekitar Kuala Lumpur yang ada cadangan, sama ada ditutup secara separa ataupun sepenuhnya yang berlandaskan dasar dengan izin, *low carbon city* bagi Bandar raya Kuala Lumpur. Adakah pihak kementerian bercadang kawasan-kawasan lain termasuk di Putrajaya dan Labuan untuk melaksanakan skim ataupun perancangan seperti ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, setakat ini sudah ada dua kawasan yang dianggap sebagai kawasan *pedestrian mall* ataupun kawasan pejalan kaki sepenuhnya, di mana satunya adalah di kawasan Medan Ampang yang berhampiran dengan *River of Life*, berhampiran dengan Masjid Jamek. Memang kenderaan tidak lagi dibenarkan dan kawasan itu juga telah ditingkatkan dari segi kecantikan, landskap, *furniture* jalan dan sebagainya. Sekarang ini memang ramai yang

datang pada waktu petang dan waktu malam, duduk. Ada tempat duduk boleh dengar *buskers* dan sebagainya. Hanya lebih kurang dalam tidak sampai 100 meter daripada sungai khususnya yang *blue water* itu kawasan air biru yang berhampiran dengan Masjid Jamek. Ada satu lagi, tetapi saya tidak ingat dekat mana, minta maaf.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Mungkin boleh...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Akan tetapi ia merupakan satu perkara yang kita ingin perbanyakkan, tetapi kita kena pilih kawasan-kawasan yang sesuai, khususnya kawasan yang mempunyai perkhidmatan pengangkutan awam, sama ada LRT atau pun MRT yang banyak supaya warga Kuala Lumpur tidak perlu membawa kereta mereka untuk ke bandar raya, ke pusat bandar dan dengan itu mencapai apa yang disebutkan tadi sebagai *low carbon city*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri, sedikit soalan tambahan. Pertama, sering kali kita dengar mungkin mereka yang tidak begitu bersetuju dengan dasar seperti ini berkata ada kesan ekonomi terhadap perniagaan mereka dengan penutupan jalan, sama ada separa ataupun sepenuhnya. Adakah pihak kementerian mempunyai data? Jika tidak sekarang, mungkin boleh diberikan kemudian. Ini kerana bagi saya sekiranya data membuktikan tidak ada kesan negatif dari segi perniagaan, maka saya percaya banyak lagi tempat boleh kita laksana.

Kedua, dari segi tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang landskap. Saya berharap pokok-pokok yang telah dipotong oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di Jalan Tuanku Abdul Rahman- saya harap pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan segera menanam semula, bukan sahaja berusaha mencari siapa yang telah memotong pokok-pokok ini atas alasan menghalang mungkin *visibility* dengan izin, kedai-kedai yang ada di Jalan Tuanku Abdul Rahman, tetapi kita kekalkan.

Seperkara lagi, saya difahamkan ada wakaf-wakaf ataupun gazebo-gazebo yang telah dibina mungkin sewaktu *World Urban Forum* yang berlaku tahun lalu, yang mana ada permintaan daripada setengah pihak untuk dialihkan kerana ia menjadi tempat gelandangan. Saya rasa tidak munasabah untuk dialihkan tempat hanya kerana wakaf-wakaf ini agak cantik yang kosnya melebihi RM35 ribu saya difahamkan. Janganlah dibuang ataupun disimpan di tempat lain, kekallah di tempat itu kerana saya percaya selain daripada landskap pokok, perkara-perkara seperti wakaf ini mendatangkan satu pemandangan yang positif terhadap bandar raya kita, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Baik, terima kasih. Saya berdiri cepat fasal takut ada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Dia bangun, dia tanya, tambah. Soalan dia bertambah-tambah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau bangun Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tadi mulanya ada satu, akhirnya ada tiga soalan. Yang Berhormat Arau, apa kena-mengena dengan Wilayah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kepada Yang Berhormat Menteri yang budiman.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tidak mengapalah, saya beri peluang, saya beri peluang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya cakap bahasa elok. Yang Berhormat Menteri yang budiman, saya hendak tanya soalan boleh? [*Dewan ketawa*] Dalam manifesto Pakatan Harapan...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Kalau tidak, karang balik rumah, tidak boleh tidur. Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita saling sayang-menyayangi kan? Harapan. Yang Berhormat Menteri manifesto menyebut bahawa, kerajaan akan memberi pas bulanan dengan kos RM100 sebulan, tetapi ia boleh digunakan untuk pelbagai pengangkutan awam. Bilakah benda ini akan dilaksanakan? Ini merupakan manifesto yang dijanjikan akan dilaksanakan dalam masa satu bulan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Eh! Sudah mula dibuat oleh nombor satu soalan itu tidak kena pada kementerian. Itu Kementerian Pengangkutan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini melibatkan pengangkutan awam.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya bukan Menteri Pengangkutan. Minta maaf.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, tetapi...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tuan Yang di-Pertua, sila...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya Yang Berhormat, di bandar-bandar besar.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya lah, itu Menteri Pengangkutan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Wilayah ini bandar besar.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ini masalah Yang Berhormat Arau, dia tidak faham, fasal dia tidak duduk di bandar besar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Dia duduk jauh dekat utara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberi jawapan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, saya duduk di Kuala Lumpur ini lebih lama daripada Yang Berhormat Menteri. Saya datang Kuala Lumpur tahun 1970, Yang Berhormat Menteri datang tahun berapa?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tetapi malangnya, tuan adalah Yang Berhormat Arau. Sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tetapi saya...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Sila duduk. Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mahu duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, sekiranya Arau tidak boleh tanya fasal Wilayah, kita buatlah Parlimen Wilayah punya.

Tuan Khalid bin Abd Samad: [*Ketawa*] Saya tidak kata tidak boleh tanya tentang Wilayah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Parlimen Malaysia.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya berhak.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan dia ini sesat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawablah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Soalannya sesat, dia soalan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat yang budiman...

Tuan Yang di-Pertua: Salah, salah, salah kementerian. [*Pembesar suara dimatikan*]
Betul, salah kementerian. [*Dewan riuh*] Ya lah, bandar besar. Kangar pun bandar besar juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kangar bukan bandar raya Yang Berhormat. Bandar besar ini Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Sila duduk, memang salah kementerian. [*Pembesar suara dimatikan*] Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Arif, Yang Arif jangan lah makan sebelah. Tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak makan sebelah, saya bersikap adil, memang salah kementerian.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia kena jawab, bila hendak laksanakan ini? Hendak bagi pas RM100 sebulan.

■1910

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya sila duduk. Yang Berhormat Lembah Pantai tadi tanya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cakap sahaja Yang Berhormat tidak bersedia, okeylah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tentang data yang untuk hendak membuat kajian kalau ada kawasan pejalan kaki sama ada ia akan menjejaskan perniagaan dan sebagainya, kita kena akuihlah bahawa di negara kita sendiri datanya tidak ada. Akan tetapi kalau kita lihat di luar negara memang ada banyak tempat-tempat yang di mana ia dijadikan kawasan pejalan kaki, ia tidak menggugat perniagaan malahan menambahkannya. Kalau tidak silap saya baru-baru ini kita membaca tentang apa telah berlaku di Madrid di Spanyol, yang mana apabila kawasan pusat bandarnya telah ditutup kepada kenderaan dan ramainya pejalan kaki sehingga perniagaan itu telah bertambah berlipat kali ganda.

Namun demikian, bagi kami sekarang ini bila kita hendak amalkan ataupun hendak praktik di Jalan Tuanku Abdul Rahman, memang kita telah pun melibatkan perbincangan dengan BARRA iaitu Batu Road Retailers Association dan juga dengan MIBA iaitu Masjid India Business Association. Mereka memang kkuatir bahawa perniagaan mereka akan terjejas dan oleh sebab itu, itulah antara sebabnya kita menganggap bahawa bulan April ini adalah bulan percubaan untuk kita melihat sama ada benar ataupun sebaliknya *business* mereka akan terjejas.

Berhubung dengan pokok-pokok di Jalan TAR, kita ambil perhatian apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai iaitu kita bukan sekadar cari orang yang potong, tetapi kita tanam juga tanam juga pokok-pokok yang baharu. Soal gelandangan, kita setuju iaitu kalau kita hendak pindahkan wakaf kerana isu gelandangan, itu bukan pendekatan yang betul kerana kita sepatutnya hendak cuba hendak selesaikan masalah gelandangan, bukan masalah wakaf.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan projek *river of life*, ini masih lagi soal yang ketiga tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat Bukit Bintang. Di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman, projek River of Life ini masih mengikut jadual dan sehingga kini ia telah siap 86 peratus pembangunan fizikal keseluruhannya.

Projek *river of life* dipecahkan kepada beberapa pakej dan pakej yang terdekat dengan Jalan Tuanku Abdul Rahman ialah Pakej 1C dan 1D yang telah siap 66 peratus berbanding jadual iaitu 74 peratus. Ini yang buat jalan itu, *pavement* itu habis terbongkar dan sebagainya. Kelewatan lapan peratus projek ini adalah disebabkan projek libat urus bersama peniaga dan penjaja sekitar Masjid India yang masih sedang dilaksanakan.

Penutupan Jalan Tuanku Abdul Rahman untuk kenderaan persediaan pada hari hujung minggu dan cuti umum adalah berkesinambungan dengan salah satu objektif Pakej 1C dan 1D RoL iaitu untuk memindahkan dan menaiktarafkan laluan pejalan kaki di masa hadapan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sikit.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Manakala bagi projek RoL di kawasan Masjid India ...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri laluan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: DBKL telah menetapkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dahulu Yang Berhormat ganggu saya, sekarang saya minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Boleh tunggu saya habiskan jawapan ini?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Dia hendak tanya tentang Jalan Tambun Tulang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Tidak.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Silalah. Sila, jangan kacau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Pokok Sena, dia naik geram dia tidak boleh jadi pembangkang. Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai River of Life Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Manakala bagi projek RoL di kawasan Masjid India...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, sila duduk.

Tuan Khalid bin Abd Samad: DBKL telah menetapkan untuk kerja-kerja menaik taraf siar kaki disiapkan sebelum bulan puasa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan syok baca sendiri Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Sebelum bulan puasa akan datang. Maknanya selesai yang masalah soal menaik taraf siar kaki. Oleh itu, keadaan pergerakan trafik akan menjadi lebih lancar ...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, pasal *river of life*.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tanpa gangguan kerja-kerja berkenaan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Yang Berhormat, ini pasal *river of life* sedikit sahaja.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ini pasal soalan tambahan ini, sudahlah tadi tanya pun tidak betul, sesat. Orang suruh tanya pasal wilayah, dia tanya Kementerian Pengangkutan. Saya minta maaf ya, saya tidak boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sedikit. Sedikit. Sedikit.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Soalan yang keempat. Okey. Okey. *Alright*. Saya kesianlah sebab orang lama kan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *River of life* ini Yang Berhormat ialah sesuatu projek yang cukup hebat, luar biasa. Saya setuju Yang Berhormat menyambung apa yang telah kami buat. Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar bahawa kita berjaya menukarkan dengan lampu menukarkan warna air dan sebagainya, tetapi apakah Yang Berhormat telah selesaikan masalah bau? Sungai ini walaupun warna bertukar, tetapi bau sungai bau busuk itu tidak dapat ditukar. Apakah pihak kerajaan telah cuba menyelesaikan masalah ini sebab kalau kita pergi ke situ kita ambil gambar seronok, tetapi ia berbau Yang Berhormat. Apakah bau itu telah pun diselesaikan?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ia berbau Yang Berhormat Arau, oleh sebab... Sila duduk! Tuan Yang di-Pertua, dia ni orang lama, takkan dia tidak faham? Sila duduk Yang Berhormat Arau, saya hendak jawab. Saya hendak jawab ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tujuh minit lagi, silakan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya hendak jawab ini. Sila duduk. Sila duduk. Sila duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa, saya duduk perlahan-lahanlah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Duduk. Yang Berhormat Arau. Apa kena ni Tuan Yang di-Pertua?

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Sila duduk. Ya, soal bau.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih. Dia berbau oleh sebab projek itu nilainya RM4 bilion lebih sedangkan kalau kita yang buat, mungkin RM3 bilion sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya Allah Ya Tuhanku, selamatkanlah dunia ini. Jawapan ini tidak patut dijawab oleh seorang Menteri. Yang Berhormat tidak dapat, jawab elok-elok Yang Berhormat, kerajaan sedang mencuba untuk ...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Eloklah itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Takkan jawab yang macam itu Yang Berhormat? Pelancong yang pergi ke *river of life* ...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Macam itulah jawabnya. Dia busuk fasal ada kos yang terlalu tinggi yang menimbulkan masalah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pelancong yang pergi ke *river of life*, mereka ambil gambar, tetapi badan mereka akan berbau sebab percikan air itu terkena baju.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Fasal tidak habis lagi, projeknya tidak habis lagi. Sabar. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat tolong jawab kenapa...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Tinggal 6 minit lagi. Silakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Pelawak lah.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Akan tetapi hendak minta...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi jawapan itu tidak betul Yang Berhormat sebab bilion-bilion saya tidak tahu. Saya hendak tahu bau itu boleh selesai ataupun tidak.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ini kerana projek ini belum habis. Bila projeknya sudah habis, semua air saliran *sewerage* akan melalui STP yang baharu. Sekarang ini benda itu belum siap. Lalu oleh sebab itu, tetapi masih lagi ada masalah air-air kotor dan juga...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan kah cantik jawapan macam ini?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ha! Tahu. Saya ingat Yang Berhormat Arau sudah faham, rupanya Yang Berhormat Arau tidak faham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya guna perkataan tadi mahu tidak?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Bukan kah saya kata 86 peratus baharu siap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nanti saya guna perkataan tadi mahu tidak? **Tuan Khalid bin Abd Samad:** Itu kurang bijak lah kalau guna macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Baik. Sedikit selingan Yang Berhormat. Ya, silakan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Batu pula membangkitkan isu tapak bazar Ramadan di Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat Batu, DBKL memperkenalkan penggunaan sistem pendaftaran memohon secara dalam talian *online* setelah menyedari tahap celik teknologi maklumat ICT di kalangan warga Kota Kuala Lumpur berada dalam keadaan yang agak tinggi dan memuaskan. Kaedah permohonan secara *online* ini juga telah dilaksanakan oleh beberapa pihak berkuasa tempatan di Lembah Klang sejak beberapa tahun lalu. Sistem eBazar yang diguna pakai untuk tujuan pendaftaran permohonan bazar Ramadan ini amat mudah digunakan oleh para pemohon.

Manual penggunaan turut disediakan untuk tujuan para pengguna menggunakan sistem ini. Di samping itu, talian bantuan melalui telefon dan kaunter khidmat bantuan turut disediakan oleh pihak DBKL di sepanjang tempoh pendaftaran eBazar tersebut. Dalam tempoh tersebut juga, tiada aduan rasmi yang diterima berkaitan aktiviti ulat-ulat ataupun agen yang memanipulasikan orang ramai dengan mengenakan caj yang tinggi kepada pemohon eBazar. Pihak

DBKL hanya menerima beberapa panggilan telefon daripada orang ramai berkaitan pertanyaan cara-cara penggunaan sistem eBazar tersebut.

Selain itu, Ahli Yang Berhormat Batu turut membangkitkan berkaitan kelayakan para pemohon yang muflis serta bukti menetap di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, para pemohon yang ingin memohon bazar Ramadhan perlu memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan termasuklah pemohon menetap di Kuala Lumpur sama ada rumah tempat tinggalnya adalah milik sendiri, ditumpang atau disewa. Ini akan disemak berdasarkan dokumen sokongan yang dikemukakan untuk mengesahkan tempat tinggal pemohon seperti bil utiliti, cukai tafsiran, cukai tanah dan sebagainya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Aau]: *Point of order, point of order...*

Tuan Khalid bin Abd Samad: Para pemohon juga perlu mempunyai akaun bank yang aktif bagi tujuan pengambilan wang cagaran setelah dapat bazar Ramadan kelak...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order...*

Tuan Khalid bin Abd Samad: Isu muflis ataupun sebaliknya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ahli Parlimen tidak boleh baca. Kita kena berbahas. Dia pegang buku, dia baca macam itu.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tidak disebut dalam soal syarikatnya. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, gaya, gaya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak boleh.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Bagi memastikan pelaksanaan bazar Ramadhan berada di dalam keadaan memuaskan dari aspek kebersihan dan keselamatannya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tengok, dia baca macam itu.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Kalau saya tidak baca yang ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita bukan membaca, kita berbahas.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Kalau saya tidak baca yang ini, Yang Berhormat Arau asyik kena kutuk sahaja. Biarlah saya baca.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dulu saya baca, *you all* semua bantai saya. Semua bantai saya. Sekarang *you* baca, kami diam tahu...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Pihak DBKL dengan kerjasama jabatan dan agensi berkaitan akan menubuhkan pasukan petugas khas *taskforce*...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi kalau baca terus macam ini, macam mana? *We have to debate*, dengan izin. Kita kena *debate*. Baca macam cikgu dewasa, kelas dewasa?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Bagi memantau dan mengawal aktiviti semasa bazar Ramadhan tersebut. Para peniaga yang melanggar syarat dan peraturan akan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Ada tiga minit sahaja. Tadi Kementerian Belia dan Sukan dia berhenti awal. Boleh tambah tidak waktu dia? Saya ambil waktu dia, boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tambah, tambah. Saya nak tambah sebab saya akan tegur lagi.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Batu seterusnya membangkitkan isu pembayaran bil-bil tertunggak oleh penduduk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, mulai tahun 2011 sehingga tahun 2014, DBKL telah mengeluarkan bil air kepada penghuni dengan anggaran purata RM25 sebulan. Dalam tempoh yang sama, bacaan meter sebenar juga turut dilaksanakan. DBKL juga telah membuat pengiraan semula ke atas bacaan meter sebenar dan mendapati penggunaan air oleh penghuni ada yang lebih dari RM25 dan ada yang kurang. Bagi penggunaan air yang kurang, maka DBKL telah membuat pelarasan membatalkan semula lebihan caj yang telah dikenakan pada tahun 2011 sehingga tahun 2014 mengikut bacaan meter sebenar. Manakala bagi penggunaan air melebihi RM25 sebulan, DBKL tetap mengenakan caj RM25 sahaja tanpa tambahan caj melebihi RM25 sebulan seperti yang telah dikenakan sebelum ini.

Saya rasa masalah meter itu dapat diselesaikan. Akan tetapi yang soal tempat pejalan kaki tadi, pertama adalah Medan Ampang, kedua adalah Jalan Hang Kasturi. Maka, yang Jalan Tuanku Abdul Rahman ini akan menjadi tempat yang ketiga dan ia adalah yang terbesar di kawasan Kuala Lumpur.

Saya hendak tegur satu sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua, kerana masih ada lagi satu minit lagi iaitu berhubung dengan hakikat bahawa Kerajaan Pakatan Harapan sudah mula bayar royalti kepada Terengganu dan Kelantan di mana kita ini dituduh sebagai kerajaan komunis-lah, apa-lah dan sebagainya, tetapi royalti kita bayar...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, ini apa urusan ini? Tadi tuduh UMNO komunis. Ini jawab, ini bukan...

Tuan Khalid bin Abd Samad: Saya cukup kecewa apabila wakil rakyat Ahli Parlimen Terengganu langsung tidak menyentuh perkara ini dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, langsung tiada kena-mengena! Ini Menteri Wilayah, Terengganu bukan wilayah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Sedangkan zaman Barisan Nasional dulu Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah walaupun satu sen dibayar royalti kepada Terengganu dan Kelantan. Walaupun dia kata dia berjuang untuk Melayu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Zaman sekarang kita lihat kos hidup terlalu tinggi, rakyat susah, pegawai kerajaan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Masa itu kita bagi, tetapi namanya wang ihsan. Kita bagi, siapa kata kita tidak bagi?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Kononnya berjuang untuk Islam, tetapi duit royalti negeri-negeri Melayu yang hampir 100 peratus Melayu langsung tidak dibayar...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sekarang dipanggil royalti, dahulu dipanggil...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dengan itu, selesailah sesi perbahasan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kaitan dengan Kementerian Wilayah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, dia kena bertanggungjawab kerana memberi komen yang penghabisan tadi. Ini bukan Kementerian Wilayah dan dia apa hak dia bercakap bagi pihak Kementerian Wilayah?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Dia Perdana Menteri kah?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Memang saya ada hak untuk bercakap. Saya Menteri Wilayah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi yang saya cadang, Yang Berhormat hendak jadi Perdana Menteri ataupun hendak...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 27 Mac 2019. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.23 malam]